Volume II
No. 2



Wednesday
26th May, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

SECOND SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT OF MALAYSIA

CONTENTS

ANNOUNCEMENT BY Mr PRESIDENT:
Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong [Col. 21]
Leave of Absence of Senators [Col. 42]

MOTIONS:
Access of Parliament [Col. 42]
Committee of Selection [Col. 43]
The Yang di-Pertuan Agong's Speech—Address of Thanks [Col. 43]

ADJOURNMENT (Motion) [Col. 94]

APPENDIX [Col. 95]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1967

MALAYSIA

DEWAN NEGARA (SENATE)

Official Report

Vol. II Second Session of the Second Dewan Negara No. 2

Wednesday, 26th May, 1965

The Senate met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

„ ENCHE' A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).

„ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).

„ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Appointed).

„ ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).

„ ENCHE' AHMAD BIN HAJI TAFF (Singapore).

„ CHE' AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Appointed).

„ CHE' BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).

„ ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).

„ ENCHE' AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).

„ ENCHE' CHAN KWONG-HON, A.M.N., S.M.N., J.P. (Selangor).

„ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).

„ ENCHE' CHOO KOK LEONG (Appointed).

„ DATO' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).

„ ENCHE' D. S. DORAI RAJ, A.M.N., P.J.K. (Appointed).

„ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).

„ ENCHE' HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).

„ ENCHE' HONG TECK GUAN (Appointed).

„ ENCHE' ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).

„ ENCHE' KHOO TECK PUAT (Appointed).

„ ENCHE' KO TECK KIN (Singapore).

„ ENCHE' KOH KIM LENG (Melaka).

„ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

„ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).

„ ENCHE' MOHAMAD ADIB BIN OMAR (Trengganu).

„ DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).

The Honourable DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).

„ TUAN HAJI MOHAMED SAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).

„ ENCHE' MOHAMED SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).

„ ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).

„ ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).

„ TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU (Sarawak).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).

„ ENCHE' SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).

„ DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

„ DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).

„ TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).

„ ENCHE' WILLIAM TAN (Appointed).

„ DATO' T. H. TAN, P.M.N. (Appointed).

„ DATO' TEH SIEW ENG, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).

„ ENCHE' S. O. K. UBAIDULLA, J.M.N. (Appointed).

„ WAN AHMAD BIN WAN DAUD, J.M.N., P.J.K., J.P. (Perlis).

„ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kedah).

„ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

ABSENT:

The Honourable the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Appointed).

„ DATU JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).

„ DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN (Sarawak).

„ ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).

„ ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).

„ ENCHE' GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).

„ ENCHE' C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).

„ ENCHE' LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).

„ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).

„ RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).

„ DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).

„ ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

ANNOUNCEMENTS BY MR PRESIDENT

TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG (HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH)

Mr President: Yang Berhormat Ahli[2] Dewan Negara, saya suka hendak mema'alumkan kapada Majlis Dewan Negara bahawa pada hari sa-malam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia telah menyampaikan Titah Uchapan Baginda di-dalam Parlimen. Saya telah menerima sa-keping salinan Titah Uchapan Baginda dan saya perentahkan sekarang supaya Titah Uchapan yang tersebut itu di-bentangkan di-atas Meja Majlis Dewan Negara. Saya perentahkan juga supaya Titah Uchapan ini di-chap dalam Perbahathan Parlimen.

Honourable Senators, I am to inform the Senate that yesterday His Majesty the Yang di-Pertuan Agong was pleased to make His Gracious Speech in Parliament and I have a copy of His Majesty's Most Gracious Speech which I now direct to be laid on the Table of the Senate. I further direct that the Speech be printed in the Parliamentary Debates.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, Yang Berhormat Ahli[2] Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat:

Beta berasa amat sukachita kerana dapat memberi uchapan kapada tuan[2] sakalian pada hari ini dan membuka Penggal Yang Kedua bagi Parlimen sekarang ini. Penggal Parlimen ini adalah mempunyai ma'ana yang istimewa kapada Beta kerana tahun ini ia-lah tahun yang kelima ia-itu tahun yang penghabisan Beta memerentah di-atas takhta Kerajaan sa-bagai Yang di-Pertuan Agong.

Beta berasa shukor kerana Tuhan Yang Maha Kuasa telah menguatkan semangat kita untok menentang pencherobohan yang di-lakukan oleh Indonesia ka-atas negara kita. Dengan kehendak Tuhan kita telah dapat mematahkan semua serangan[2] yang di-lakukan oleh Indonesia di-Negeri[2] Borneo dan menawan atau mengesan semua askar[2] Indonesia yang mendarat di-Negeri[2] Tanah Melayu dan Singapura.

Beta berasa bangga kerana dalam ketika yang penoh dengan bahaya ini boleh di-katakan semua ra'ayat Malaysia telah bersatu padu menghadapi pencherobohan dari Indonesia. Beta juga berasa megah kerana sunggoh pun ada anchaman dari Indonesia Kerajaan Beta telah dapat melaksanakan ranchangan kita bagi memperbaiki lagi taraf hidup ra'ayat Beta.

Ada-lah menjadi kewajipan Beta dalam majlis ini mema'alumkan dengan lengkap-nya kapada tuan[2] dasar Kerajaan Beta bagi tahun yang akan datang dan menyatakan kejayaan[2] yang telah di-chapai oleh Kerajaan Beta pada tahun yang lalu.

Kerajaan senantiasa hendakkan keamanan supaya ia dapat menumpukan segala tenaga-nya untok memperbaiki lagi keadaan hidup ra'ayat. Kerajaan suka hendak melaksanakan ranchangan[2] ekonomi-nya dan ranchangan[2]-nya bagi kebajikan masharakat dengan tiada di-ganggu oleh sesiapa pun. Sunggoh pun demikian bukan-nya pula dengan tidak mengira chara-nya keamanan itu terchapai. Kerajaan sentiasa menchari keamanan dengan sharat keamanan itu terchapai dengan tiada menjatohkan maruah Malaysia.

Baharu[2] ini, Kerajaan Thai dan Kerajaan Jepun telah menawarkan jasa baik mereka dengan berusaha supaya pemimpin[2] Malaysia dan Indonesia dapat berjumpa dalam satu Persidangan Kemunchak. Sa-kali lagi usaha[2] Kerajaan itu telah gagal kerana pehak Indonesia tiada mahu berunding.

Kerajaan Beta telah berusaha hendak mempertahankan diri-nya daripada pencherobohan Indonesia dan dalam hal ini ia telah meminta dan akan senantiasa meminta sokongan semua negara yang bebas dalam dunia ini.

Oleh kerana Kerajaan kita menjadi anggota Commonwealth maka sudah patut-lah mula² sa-kali ia meminta sokongan negara² Commonwealth. Perdana Menteri Beta telah mengambil peluang menerangkan kapada rakan sa-jawatan-nya dalam Persidangan Perdana² Menteri di-London pada bulan Jun tahun yang lepas mengenai pencherobohan Indonesia. Ia telah mendapat sokongan daripada mereka dalam perjuangan kita menentang pencherobohan Indonesia.

Apabila orang² Indonesia dapati mereka gagal di-Bangsa² Bersatu maka ahli² diplomat mereka pun telah bertambah giat menjalankan di'ayah mereka di-Afrika. Oleh itu sangat-lah mustahak bagi Malaysia menentang di'ayah bohong yang di-hebahkan oleh Indonesia di-luar negeri. Dalam usaha ini Menteri² Kerajaan Beta telah mengambil peluang sa-berapa boleh melawat beberapa buah negeri di-Afrika untok menerangkan kapada Kerajaan negara² itu akan kebenaran Malaysia dalam perbalahan dengan Indonesia. Baharu² ini Timbalan Perdana Menteri telah melawat beberapa buah negeri di-Afrika dan sokongan yang di-dapati-nya daripada negeri² itu ada-lah memuaskan hati kita. Lawatan-nya sangat besar erti-nya kerana pada masa ini Indonesia sedang menchuba hendak menahan supaya Malaysia tiada di-jemput ka-Persidangan Afro-Asia yang akan di-adakan di-Algiers kemudian kelak dalam tahun ini.

Beta suka juga hendak menyatakan ia-itu dasar Kerajaan Beta ia-lah hendak berikhtiar supaya Malaysia dapat menjalankan peranan-nya di-kalangan bangsa² Afro-Asia.

Beta suka hendak menyatakan ia-itu pada tahun yang lalu, Beta dengan Raja Permaisuri Agong telah membuat Lawatan² Negara ka-Negeri Thai, ka-Negeri Jepun dan ka-Negeri² Arab ia-itu Saudi Arabia, Kuwait, Republik Arab Bersatu dan Hashimit Jordan untok mengeratkan lagi tali persahabatan dan perasaan bersafahaman. Beta telah di-sambut di-negeri² itu sa-bagai Ketua Negara Malaysia yang Berdaulat. Beta dan Raja Permaisuri Agong telah di-sambut dengan meriah dan tulus ikhlas. Beta suka hendak menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh khas-nya kapada Ketua² Negara itu dan juga 'am-nya kerana persediaan² sambutan yang indah itu. Beta telah berunding dengan mereka di-atas beberapa perkara yang berfaedah dengan sa-chara 'am dalam suasana yang ikhlas dan mesra. Dalam masa Beta melawat Negara² itu Beta fikir ada-lah menjadi tanggongan Beta mema'alumkan kapada Ketua² Negara itu akan keadaan² dalam negeri kita. Beta berasa senang menyempurnakan tanggongan ini kerana Beta dapat mencheritakan terutama sa-kali hal kemajuan ekonomi kita yang telah kita chapai di-bawah pimpinan Perdana Menteri Beta dan Menteri² yang lain dalam Juma'ah Menteri semenjak kita menchapai kemerdekaan.

Beta dan Raja Permaisuri Agong telah mengambil peluang pada tahun yang lalu melawat Negeri² Sabah, Sarawak dan Singapura. Sambutan yang di-berikan kapada Beta berdua ada-lah meriah dan tulus ikhlas. Lawatan itu akan senantiasa menjadi ingatan kapada Beta kerana keriaan mereka ada-lah sama sahaja saperti di-Negeri² Tanah Melayu yang Beta berdua telah lawati dahulu.

Dalam usaha kita mempertahankan Negara kita maka mustahak-lah bagi kita menambah kekuatan pertahanan kita. Ranchangan pertahanan yang mula² di-buat dahulu berdasarkan kapada apa yang perlu bagi kita apabila Malaysia di-tubohkan, tetapi sekarang oleh kerana pencherobohan dari Indonesia mustahak-lah kita menambah lagi kekuatan Angkatan² Bersenjata kita. Kita terpaksa memperbesarkan kesemua angkatan bersenjata kita ia-itu Tentera Biasa, Angkatan Laut di-Raja Malaysia dan Angkatan Udara di-Raja Malaysia. Tentera Wataniah telah juga di-perbesarkan supaya menjadi pasokan simpanan tentera yang sempurna. Sa-lain daripada itu ramai pula pemuda² di-dalam Perkhidmatan Setia Negara (National Service) telah di-lateh dan di-jadikan ahli² pasokan simpanan tentera. Akan tetapi usaha memperbesarkan Angkatan² Bersenjata kita itu ada pula had-nya supaya tiada mendatangkan akibat

yang burok kapada ekonomi kita. Oleh hal yang demikian terpaksa-lah kita meminta bantuan daripada negara² yang bersahabat dengan kita. Kerajaan British, Australia dan New Zealand bukan sahaja memberi sokongan barang² dan alat kelengkapan tentera bahkan askar² mereka sedang membantu kita mempertahankan negara kita. Kerajaan Beta sangat berhutang budi kapada Kerajaan² ini dan lain² Kerajaan yang telah memberi bantuan kapada kita. Kita akan menerima jika sa-kira-nya negeri² Afro-Asia hendak memberi apa² bantuan bagi mempertahankan negara kita dan kita akan sambut apa² pertolongan yang boleh mereka beri untok menamatkan keadaan yang mendukachitakan ini.

Beta suka hendak menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada ahli² pasokan keselamatan kita ia-itu Pasokan² Bersenjata dan Pasokan Pulis kita sendiri dan Pasokan² Bersenjata British, Australia dan New Zealand. Mereka-lah yang di-hadapan sa-kali menentang pencherobohan dari Indonesia itu dan mereka telah menunaikan kewajipan mereka dengan chemerlang. Tugas mereka menjadi lebeh berat kerana mereka tiada di-benarkan masok ka-kawasan Indonesia. Tugas mereka hanya-lah bertahan sahaja.

Angkatan Udara di-Raja Malaysia kita telah terbang dua kali di-angkasa wilayah Indonesia. Pada masa penerbangan itu kapal² terbang itu telah menggugorkan berjuta² risalah dengan tujuan hendak menyebarkan perasaan muhibbah dan persahabatan. Dalam salah satu penerbangan itu kapal² terbang itu telah menggugorkan satu utusan yang di-tanda-tangani oleh Lt Soetikno menyatakan kapada ra'ayat Indonesia bagaimana ia dan rakan²-nya telah mendapat layanan yang baik, dan permusohan antara Indonesia dengan Malaysia itu ia-lah suatu perbuatan yang sia-sia. Pada penerbangan kali yang lain pula kapal² terbang itu telah menggugorkan risalah² mengandongi gambar orang² Indonesia yang tertawan dan utusan yang di-tanda-tangani oleh mereka menguchapkan Selamat Hari Raya 'Aidil Adha kapada kaum keluarga dan sahabat handai mereka. Dalam kedua² penerbangan itu tidak ada kapal terbang atau orang yang mendapat kemalangan, semua-nya kembali dengan selamat sa-telah berjaya menjalankan tugas menyebarkan perasaan keamanan dan muhibbah.

Dalam masa kita menempoh semua dugaan ini jiran kita ra'ayat Negeri Thai senantiasa bekerjasama rapat dengan kita. Baharu² ini Kerajaan negara kita dan Kerajaan Negeri Thai telah bersetuju hendak membaharui samula Perjanjian yang di-ikat dahulu ia-itu hendak bersama² mengambil langkah untok menchapai keamanan dan keselamatan di-sapanjang sempadan negara kita dengan Negeri Thai.

Dalam masa negara kita dalam keadaan Dzarurat apabila negara kita menghadapi anchaman yang besar dari luar negeri Kerajaan Beta memikirkan mustahak bagi-nya menentang anchaman itu dengan tidak di-ganggu oleh kekachauan dalam negeri. Kerajaan Beta telah terpaksa baharu² ini melarang kaki-tangan dalam perkhidmatan yang penting mengadakan mogok dalam masa negara kita dalam keadaan Dzarurat supaya dapat kita menentang musoh kita dengan segala kekuatan yang ada pada kita.

Sunggoh pun kita mesti mengutamakan keperluan² pertahanan kita tetapi mustahak-lah juga kita mengekalkan kemajuan ekonomi kita. Tugas ini ia-lah satu tugas yang besar jika di-tilek akan mustahak-nya di-beri keutamaan kapada hal² yang bersangkut dengan permusohan Indonesia. Oleh hal yang demikian sunggoh pun kehidupan kita sekarang ini sedang di-ancham oleh sa-orang diktator tetapi kita patut-lah bershukor dengan kemajuan ekonomi yang telah kita chapai.

Keluaran barang (output) telah bertambah lebeh kurang 25 peratus di-antara tahun 1961 dengan tahun 1964 atau mengikut hetong panjang bertambah lebeh dari 8 peratus sa-tahun. Dalam tempoh itu juga pendudok² telah bertambah lebeh kurang 3 peratus sa-tahun. Oleh hal yang demikian keluaran barang di-kira bagi tiap² sa-orang telah bertambah hampir² 5 peratus sa-tahun dalam tempoh itu.

Kerajaan Beta akan terus menjalankan dasar hendak menggalakkan perusahaan persaorangan dan mengadakan peluang[2], bagi modal di-dalam dan juga di-luar negeri, untok menyertai bersunggoh[2] dalam pembangunan negara. Kerajaan Beta yakin bahawa daya dan usaha persaorangan itu hendak-lah di-gunakan dengan sa-penoh[2]-nya supaya ekonomi dapat maju dengan chepat-nya.

Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama 1966-70 sedang di-sediakan oleh Jawatan-kuasa Peranchang Pembangunan Negara yang bertanggong-jawab mengenai dasar[2] bagi kemajuan ekonomi. Jawatan-kuasa ini telah di-susun sa-mula supaya ada ahli[2] dalam Jawatan-kuasa itu yang akan membawa mas'elah[2] pembangunan dalam Negeri Sabah, Sarawak dan Singapura.

Bagi menjalankan dasar Kerajaan hendak mengadakan rumah bagi orang[2] yang berpendapatan rendah bagi permulaan-nya, wang sa-banyak $50 juta telah di-sediakan bagi menjalankan peringkat yang pertama suatu ranchangan mendirikan rumah murah yang lebeh besar lagi. Tujuan ranchangan ini yang utama ia-lah mengurangkan bilangan orang[2] yang tiada berumah di-bandar[2] yang besar di-Malaysia. Oleh kerana dasar Kerajaan berkehendakkan supaya ra'ayat negara kita yang meng'amalkan demokrasi ini memileki harta maka perumahan akan menjadi satu perkara yang penting dalam Ranchangan Pembangunan Lima-Tahun Malaysia Yang Pertama.

Dasar Kerajaan Beta ia-lah hendak mengambil langkah supaya kema'amoran dapat di-rasai oleh semua orang dan apabila mustahak membantu bumiputera menyertai dalam perdagangan dan perusahaan.

Telah menjadi pengetahuan 'am bahawa ekonomi orang[2] Melayu dan lain[2] bumiputera Malaysia ada-lah lemah dan mereka tiada akan dapat mengambil bahagian dalam lapangan ekonomi jika Kerajaan tiada memberi bantuan. Sekarang ini usaha[2] sedang di-jalankan dengan bersunggoh[2] supaya dapat bumiputera[2] itu menyertai dengan chergas-nya dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Kerajaan Beta berchadang hendak mengadakan kemudahan[2] bagi mereka menjalankan perusahaan dan perdagangan. Tujuan-nya yang mu'tamad ia-lah supaya mereka dapat menjalankan perusahaan dan perdagangan dengan sendiri sa-tanding dengan orang[2] yang telah jauh maju dalam perusahaan dan perdagangan.

Untok mengetahui apa mas'elah-nya dan menchari jalan yang baik sa-kali untok menchapai tujuan ini, Kerajaan Beta akan menganjorkan satu Kongeres yang akan di-adakan pada 5, 6 dan 7 haribulan Jun, 1965. Kongeres ini akan di-namakan "Kongeres Ekonomi Bumiputera" dan maksud-nya ia-lah hendak memberi peluang kapada semua orang yang faham akan mas'elah[2] bagaimana chara-nya orang[2] Melayu dan bumiputera yang lain dapat mengambil bahagian dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, membinchangkan perkara itu dan juga memberikan buah fikiran mereka.

Berkenaan dengan kemajuan ekonomi pula satu perkara yang penting ia-lah harga getah, satu daripada dua hasil pengeluaran kita yang utama, sa-makin turun oleh kerana ada tandingan daripada getah tiruan. Dengan hal yang demikian sangat-lah mustahak bagi kita membanyakkan lagi jenis hasil ekonomi kita dengan sa-berapa segera yang boleh. Kerajaan Beta akan menyelesaikan mas'elah ini dengan menggalakkan kemajuan perusahaan, menanam tanaman yang baharu dan menambah lagi hasil pengeluaran tanaman[2] yang ada sekarang. Sunggoh pun negeri kita terpaksa bergantong kapada getah dan bijeh timah hingga beberapa tahun lagi yang akan datang, Kerajaan Beta bermaksud hendak berikhtiar supaya pada masa yang akan datang kita akan sa-makin kurang bergantong kapada getah dan bijeh timah, tetapi sa-makin lebeh bergantong kapada hasil[2] pertanian yang lain dari getah dan hasil[2] keluaran perusahaan.

Pada 'am-nya kilang[2] perusahaan yang telah di-bena hingga sekarang ini

ia-lah kilang[2] yang membuat barang[2] perusahaan yang boleh menggantikan barang[2] yang kita impot sunggoh pun ada juga barang[2] itu di-eksepot. Kerajaan Beta sedang menimbangkan chadangan hendak menggalakkan perusahaan[2] barang berat (heavy industries) saperti kilang perusahaan besi dan besi waja dan kilang memasang kereta.

Dalam lapangan pertanian pula, Kerajaan Beta sekarang ini sedang menumpukan usaha-nya membanyakkan lagi hasil[2] pertanian. Padi Malinja ia-itu suatu jenis padi yang banyak buah-nya telah di-bagi[2]kan beneh-nya untok di-tanam dua kali sa-tahun dalam tahun 1964. Banyak orang yang sukakan beras Malinja dan lagi padi-nya senang di-kilang.

Kilang perusahaan membuat gula pasir telah di-bena di-negeri ini dan Kerajaan Beta sedang menyiasat sama ada boleh-kah atau tidak negara kita mengadakan gula mentah (raw sugar) untok kilang[2] yang ada sekarang dan kilang[2] yang akan di-bena kelak.

Bangunan untok Fakulti Perubatan di-Universiti Malaya telah pun siap dan peringkat pertama kerja membena Rumah Sakit Latehan di-Universiti itu telah di-mulakan.

Dalam uchapan Beta pada tahun lalu Beta telah menyebut akan tujuan Kerajaan Beta hendak memberi semua kanak[2] pelajaran sa-kurang[2]-nya salama 9 tahun. Perkara ini bukan-nya satu kerja yang mudah jika di-tilek betapa banyak-nya bilangan kanak[2] yang masok sekolah pada awal tahun ini. Kanak[2] yang masok tingkatan yang pertama dalam sekolah[2] menengah rendah pada awal tahun ini adalah 38 peratus lebeh daripada tahun lalu. Dalam Tingkatan Satu sekarang ini ada sa-ramai 60,000 orang murid. Apabila murid[2] bertambah, bukan sahaja banyak lagi wang terpaksa di-adakan bahkan banyak lagi bilek[2] darjah yang hendak di-bena dan banyak lagi guru[2] yang hendak di-lateh.

Satu perkara yang penting dalam lapangan pelajaran yang di-mulakan pada tahun yang lalu ia-lah mengajar bahasa China dan bahasa Tamil dalam sekolah[2] yang bahasa penghantar-nya bahasa Inggeris. Perkara ini ada-lah sesuai dengan chita[2] Kerajaan Beta hendak mengekalkan penggunaan dan pelajaran bahasa kesemua kaum di-negeri ini.

Beta berasa amat sukachita mengetahui bahawa kumpulan yang pertama penuntut[2] dari Sekolah[2] kebangsaan telah masok belajar di-Universiti Malaya beberapa hari yang lalu dalam tahun pengajian sekarang ini. Ini-lah julong[2] kali dalam sejarah negara kita penuntut[2] dari sekolah[2] yang menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa penghantar mendapat peluang masok belajar di-Universiti.

Perbelanjaan negara telah bertambah, terutama sa-kali perbelanjaan mengenai pertahanan dan keselamatan negara. Oleh kerana itu Kerajaan Beta telah terpaksa menaikkan chukai dalam Belanjawan tahun 1965 ini. Sa-bentar tadi, Beta telah mengatakan ia-itu dasar Kerajaan Beta ia-lah hendak menjalankan terus ranchangan[2] pembangunan ekonomi walau pun perbelanjaan bertambah bagi pertahanan dan keselamatan negara.

Keadaan ekonomi negara kita sekarang sedang tegang dan Kerajaan Beta berchadang hendak menjalankan beberapa langkah bagi menjimatkan perbelanjaan dengan chara mengurangkan perbelanjaan biasa tiap[2] tahun dan dengan mengkaji sa-mula perbelanjaan pembangunan supaya dapat di-jimatkan wang. Kerajaan menjangka bantuan kewangan yang besar akan terus didapati daripada Kerajaan[2] yang bersahabat dengan negara kita dan yang telah pun membantu kita, terutama sa-kali bagi pertahanan. Kerajaan Beta juga sedang menjalankan segala usaha menambah pinjaman wang daripada luar negeri atas sharat[2] yang berpatutan dan menggalakkan ra'ayat negeri ini menyimpan wang lebeh banyak lagi. Satu usaha yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Beta baharu[2] ini ia-lah memberi peluang kapada ra'ayat Malaysia membuat sumbangan yang besar dengan membeli Bond[2] Pertahanan (Defence Bonds) yang di-keluarkan khas. Bond[2] ini istimewa kerana tiap[2] orang dapat menyimpan wang untok

masa hadapan bagi faedah diri-nya dan anak²-nya dengan chara yang lebeh baik lagi.

Dengan kelulusan Parlimen Kerajaan Beta telah membuat kenyataan dalam bulan Disember, 1964 hendak memansokhkan Perjanjian Mata Wang tahun 1960 supaya Lembaga Mata Wang akan di-bubarkan sa-lepas 18 bulan daripada tarikh tersebut dan Bank Negara bertanggong-jawab mengeluarkan mata wang Malaysia yang baharu. Sunggoh pun demikian Kerajaan Beta sedang berunding lagi dengan Kerajaan Berunai dengan tujuan supaya dapat persetujuan tentang chara menggunakan mata wang Malaysia yang baharu itu di-Negeri Berunai ia-itu jika sakira-nya Kerajaan Negeri Berunai suka hendak menggunakan mata wang itu.

Lembaga Penasehat Chukai telah pun menjalankan penyiasatan berkenaan dengan 101 jenis barang² kerana hendak memasokkan barang² itu dalam senarai Pasaran Bersama Malaysia (Malaysian Common Market). Laporan² yang di-buat oleh Lembaga Penasehat Chukai itu mengenai barang² ini telah di-terima oleh Kerajaan dan Kerajaan Beta menjangka ia akan dapat membuat satu ketetapan yang tegas atas laporan² ini supaya boleh di-tubohkan Pasaran Bersama itu. Kerajaan Beta berharap akan dapat mengadakan Undang² tidak lama lagi bagi menubohkan kawasan² perdagangan yang bebas daripada chukai di-Singapura dan di-tempat² lain di-Malaysia yang di-fikirkan mustahak. Kerajaan Beta juga berharap Undang² yang di-kehendaki bagi menubohkan satu kawasan chukai meliputi Malaysia akan di-bentangkan di-Parlimen sa-belum akhir tahun ini.

Bulan Bahasa Kebangsaan telah dilancharkan beberapa minggu dahulu ia-itu pada 28 haribulan April, 1965. Hampir² delapan tahun yang lalu kita telah memutuskan hendak menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa resmi yang tunggal pada 31 haribulan Ogos, 1967. Kerajaan Beta telah memberi galakan dan beberapa kemudahan kapada tiap² orang warga negara bagi mempelajari Bahasa Kebangsaan.

Hendak-lah kita senantiasa mengutamakan dalam ingatan kita akan tujuan chita² kita hendak menjadikan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa resmi yang tunggal. Tujuan-nya ia-lah mengadakan satu alat untok menyatukan berbagai² kaum di-negeri ini. Kita mesti-lah ada sa-suatu yang boleh menyatupadukan kita. Tidak ada jalan yang lebeh baik untok menchapai chita² ini melainkan dengan mempunyai satu bahasa umum dan satu dasar pelajaran kebangsaan sahaja.

Dalam Uchapan Beta ini tiada-lah dapat Beta hendak menerangkan satu persatu kejayaan² dan dasar² Kerajaan Beta. Oleh hal yang demikian satu Hujongan Khas telah di-sediakan dan telah di-bahagi²kan kapada semua Ahli² Parlimen. Memadai-lah Beta menyatakan bahawa kejayaan² yang tersebut dalam Hujongan itu telah di-chapai oleh kerana anjoran yang chemerlang Perdana Menteri kita. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang menjadi Ketua Kerajaan Perikatan.

Beta hendak mengambil peluang di-sini menguchapkan terima kaseh kapada tuan² dan puan² sakalian yang menjadi wakil² ra'ayat Beta kerana sokongan dan ta'at setia tuan² dan puan² kapada Beta. Beta sukachita juga hendak menguchapkan terima kaseh kapada sakalian ahli Pasokan² Keselamatan kerana mereka telah menjalankan tugas² mereka dengan mempertahankan negara ini dengan chemerlang-nya dan juga kapada semua pegawai² Kerajaan kerana telah menyokong Kerajaan Beta. Mari-lah kita berdo'a memohon kira-nya di-limpahkan Tuhan rahmat ka-atas roh ahli² Pasokan Keselamatan yang telah gugor mempertahankan negara. Mari-lah kita menguchapkan ta'ziah kapada kaum keluarga mereka atas kehilangan yang tiada dapat di-ganti itu.

Keselamatan negara kita sedang di-ancham dari luar negeri ia-itu dari Indonesia. Dan lagi negara kita sedang menghadapi juga anchaman dari dalam negeri. Kedua² anchaman itu tujuannya ia-lah hendak menimbulkan kekachauan. Jika pehak² yang membuat anchaman² itu berjaya, maka huru-hara akan timbul dan demokrasi akan berakhir. Oleh yang demikian mari-lah kita berdo'a ka-hadzrat Allah yang

connected with Indonesian confrontation. Whilst, therefore, on the one hand our very existence is being threatened by a dictator, we have, on the other hand, cause to be grateful for the economic progress we have achieved.

It is estimated that output has increased by about 25 per cent between 1961-64 or an average rate of increase of over 8 per cent a year. Against this increase, the population for the same period has increased by about 3 per cent per annum. Per capita output, therefore, increased by nearly 5 per cent per year during the same period.

It continues to be the policy of My Government to encourage private enterprise and provide opportunities for both local and foreign capital, to play a vigorous role in the development of the country. My Government believes that individual initiative and enterprise must be utilised to the fullest extent so as to bring about a rapid growth in the economy.

The First Malaysia Development Plan 1966-70 is being prepared by the National Development Planning Committee which is responsible for policies relating to economic development. It has been re-organised so that the problems of development in the States of Sabah, Sarawak and Singapore are reflected in the membership of the Committee.

In keeping with Government's policy to provide housing to the lower income group, an initial sum of $50 million has been provided for the first phase of an intensified low-cost housing programme primarily aimed at alleviating the acute housing shortage in the main urban centres in Malaysia. As it is the Government's policy to create a property-owning democracy, housing will be an important feature of the First Malaysia Five-Year Development Plan.

It is My Government's policy to ensure that prosperity should be shared by all and, when necessary, assist the indigenous population to take part in commerce and industry.

It is generally well-known that Malays and other indigenous population of Malaysia are economically weak and they will not be able to participate in the economic life of the country without Government assistance. Active steps are now being taken to enable the indigenous population to take an active part in commerce and industry.

My Government proposes to provide facilities for them to carry out industrial and commercial undertakings. The ultimate objective is to see that they will be able to stand on their own on equal footing with those who are already far advanced in the industrial and commercial fields.

In order to be able to know what the problem is and work out the best method to achieve this objective, My Government is sponsoring a Congress on the 5th, 6th and 7th of June, 1965. This Congress will be called "Congress Ekonomi Bumiputera" and is intended to give opportunities to all those who are familiar with the problems connected with participation of the Malay and other indigenous population in the fields of commerce and industry to discuss the subject and to give their views.

With regard to economic development, one unfortunate factor is the downward trend in the price of rubber, one of our two main products, because of competition from synthetic rubber. It is therefore urgent for us to diversify our economy as soon as possible. My Government is meeting this problem by encouraging industrial development and by introducing new agricultural crops and by increasing the yields of existing crops. Whilst the country will have to depend mainly on rubber and tin for many years to come, it is the aim of My Government to see that we will in future depend less and less on these two commodities and more and more on other agricultural products as well as industrial products.

The factories which have so far been built are mainly for manufacturing import substitution products although some of these products are being exported. My Government is now giving serious consideration on the proposal to encourage heavy industries

such as iron and steel and automobile assembling.

In the field of agriculture, My Government is now concentrating on improving yields. Malinja, a high-yielding variety of padi, was released for double-cropping in 1964. This type of padi is popular to consumers and it has excellent milling qualities.

With the establishment of a sugar refinery industry in the country, My Government is investigating into the possibilities of producing raw sugar to feed the refinery already in operation and others to be built.

The buildings for the Medical Faculty of the University of Malaya have been completed and the first phase of the construction of the University Hospital has started and work is continuing.

In My speech last year, I spoke about the intention of My Government to give at least 9 years of education to all children. This is no small task as evidenced by the enrolment at the beginning of this year. The number of children entering the first year of the lower secondary school at the beginning of this year was 38% more than last year. There are now 60,000 children in Form I. The increase not only means that additional funds have to be found, but it also means that class-rooms have to be built and teachers have to be trained.

One important feature introduced last year in the field of education is in respect of the teaching of Chinese and Tamil languages in English Medium Schools. This is in keeping with the aim of My Government to preserve and sustain the use and study of the languages of the various communities in this country.

In respect of National Schools, I am indeed very happy to note that the first batch of candidates has entered the University of Malaya a few days ago in the new academic year. This is the first time in our history that students from schools using the National Language as a medium of instruction are able to enter a University.

As a result of the increase of expenditure, chiefly on defence and security, My Government had to impose substantial tax increases in the 1965 Budget. Earlier in My speech, I said that it is the policy of My Government to maintain the momentum of economic development despite the increase in expenditure on defence and security.

We have now entered a period of strain in the economy, and My Government is planning to introduce certain measures to economise expenditure by reducing recurrent expenditure to the very minimum and by scrutinizing development expenditure with a view to effecting economies. It is anticipated that significant financial aid will continue to be received from those friendly Governments already assisting us, especially in the field of defence. My Government is also making every effort to increase foreign borrowing on reasonable terms and to encourage more domestic savings. As part of this effort, My Government has now offered the people of Malaysia an opportunity to make a major contribution to meeting this financial contribution from a special issue of Defence Bonds. These Bonds will be especially designed for the individual saver and will enable him to better provide for his own and his children's future.

With the approval of this House, My Government lodged a notice on the termination of the Currency Agreement, 1960, in December, 1964, so that the Board will be placed in liquidation after 18 months from that date and Bank Negara would become responsible for the issue of the new Malaysian currency. Nevertheless, My Government is continuing negotiations with the Brunei Government with a view to reaching agreement on the use of the new Malaysian currency in Brunei should Brunei wish to use the new Malaysian currency.

The Tariff Advisory Board has already held enquiries in respect of 101 items with a view to their inclusion in the Malaysian Common Market. The Reports of the Tariff Advisory Board on these items have been received and My Government anticipates that it will

be able to reach a firm decision on these Reports so that a start can be made on the establishment of the Common Market. My Government hopes to be able to introduce legislation to provide for the establishment of free trade zones in Singapore and elsewhere in Malaysia where this is considered necessary in the near future. My Government also hopes that the legislation required to provide for the establishment of Malaysia-wide tariff will be presented to Parliament before the end of this year.

The National Language Month began a few weeks ago on the 28th of April, 1965. Nearly eight years have passed since we decided that the 31st of August, 1967, is our objective for the National Language to be the only official language. My Government has given every encouragement and facilities to every citizen to learn the National Language.

We must always place uppermost in our mind our objective of making the National Language as the only official language. The objective is to provide the means to unify the various communities in this country. We must have something in common to bind us together. There is no better way to achieve this than to have one common language and one national education policy.

It is not possible for me in this Address to give you fully the achievements and policies of My Government and hence a Special Appendix has been prepared and distributed to all Members of Parliament. I only need say that the achievements as indicated in the Appendix are due to no small measure to the outstanding leadership of our Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, the leader of the Alliance Government.

I take this opportunity to thank you all, the representatives of My people for the support and loyalty that you have given me. I also wish to express My gratitude to members of the Security Forces for the fine manner in which they have discharged their duties in the defence of this country, and to thank members of the other public services for the support that they have given to My Government. To all those members of the Security Forces who have fallen, let us pray that all God's blessings be with them. To their families let us extend our condolences to them for their irreparable loss.

We are now facing threats to our security from outside, i.e., from Indonesia. In addition, we are also facing threats from within the country. Both these threats are designed to create trouble. If those concerned achieve their objective, it will mean chaos for us and an end to democracy. Let us therefore pray to Almighty God to give us the strength and determination to face these threats.

LEAVE OF ABSENCE OF SENATORS

Mr President: Ahli[2] Yang Berhormat, saya ingin memberi tahu kapada Dewan ini ia-lah menurut kuasa yang terserah kapada saya, maka saya telah mengizinkan Yang Berhormat Dato' Ong Yoke Lin atas permintaan-nya sendiri berchuti daripada menghadziri persidangan Dewan Negara sa-lama 6 bulan mulai daripada 9 April, 1965.

Dan lagi Ahli[2] Yang Berhormat, saya juga ingin memberi tahu kapada Dewan ini ia-itu menurut kuasa yang terserah kapada saya, maka saya telah mengizinkan Yang Berhormat Raja Rastam Shahrome bin Raja Said Tauphy atas permintaan-nya sendiri berchuti daripada menghaziri persidangan Dewan Negara sa-lama 6 bulan mulai daripada 17 Mei, 1965.

MOTIONS

ACCESS TO PARLIAMENT

Dato' T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move—

That the Senate orders the Commissioner of Police to take care that during the present session of the Senate the passages through the streets leading to this Senate be kept free and open and that no obstruction be permitted to hinder the passage of Senators to and from the Senate, and that no disorder be allowed in the passages leading to the Senate, and that there be no annoyance therein and thereabouts; and that the Clerk to the Senate do communicate this order to the said Commissioner aforesaid.

Dato' Y. T. Lee: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the Senate orders the Commissioner of Police to take care that during the present session of the Senate the passages through the streets leading to this Senate be kept free and open and that no obstruction be permitted to hinder the passage of Senators to and from the Senate, and that no disorder be allowed in the passages leading to the Senate, and that there be no annoyance therein and thereabouts; and that the Clerk to the Senate do communicate this order to the said Commissioner aforesaid.

COMMITTEE OF SELECTION

Dato' T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move—

That, in pursuance of paragraph (1) of Standing Order 70, a Committee consisting of the President of the Senate as Chairman and the following Senators, be appointed to serve as the Committee of Selection:

1. Dato' T. H. Tan.
2. Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.
3. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya.
4. Dato' Y. T. Lee.

Dato' Y. T. Lee: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That, in pursuance of paragraph (1) of Standing Order 70, a Committee consisting of the President of the Senate as Chairman and the following Senators, be appointed to serve as the Committee of Selection:

1. Dato' T. H. Tan.
2. Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.
3. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya.
4. Dato' Y. T. Lee.

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

ADDRESS OF THANKS

Enche' Athi Nahappan: Mr President, Sir, I beg to move:

That an humble Address be presented to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong as follows:

"Your Majesty,

We, the President and Members of the Dewan Negara of Malaysia in Parliament assembled, beg leave to offer Your Majesty our humble thanks for the Gracious Speech with which the Second Session of the Second Parliament has been opened."

Mr President, Sir, I deem it a great honour and privilege to move this motion of thanks to His Majesty for his most Gracious Speech delivered to the joint session of both Houses. It was a very solemn occasion in the best tradition of parliamentary democracy that the constitutional Ruler delivered the policy statement of the Government of the day. It was a forthright, sincere, simple statement of policy delivered by His Majesty with that expression and sentiment of love and affection for this beautiful country of ours and for his subjects. We, as His Majesty's subjects, felt deeply moved and touched by the occasion. Ordinarily, it was an important occasion but yesterday there was a note of some sadness. The sadness was felt when His Majesty mentioned right at the outset itself that "this session is of special significance to me because this is the fifth and last year of my reign as the Yang di-Pertuan Agong." I am sure the Honourable Senators who had heard this at once had the reflection of the past four years and odd in their mind. Ever since our beloved Yang di-Pertuan Agong was installed as the Monarch of our country, we had gone through a historical phase. Much water had run under the bridge.

His Majesty came at a time when there were two monarchs who preceded him and unfortunately whose health was not too good and in that sad atmosphere of deep bereavement His Majesty came into power as our constitutional Ruler. At that time we were still Malaya and we had successfully completed our struggle against the internal enemy, the Communists; and the country was full of life and buoyancy and was on the road to economic development and prosperity. At that time, perhaps, we had not thought of the future evolution of Malaysia, but so soon after that the idea was born during the reign of our Yang di-Pertuan Agong. It was conceived and constituted with the consent of the peoples of these territories. Unlike Malaya—which was born without inherent problems, the road to

independence was smooth and it was born out of understanding and we had settled down to immediately solving our internal Communist problem—when we created Malaysia, for the first time in our history as an independent nation, we were faced with an external problem, and that problem still lingers on with us. Despite that problem, this young country of ours, Malaysia, has gone on with that lively, youthful resourcefulness. I would later on touch on points as to how this pathetic, miserable design of our neighbour, who wants to gobble us by a technique which he calls confrontation, has not made any headway at all in any sphere of our life.

During this period, our Monarch had won the love and affection of the people. He had created the necessary image—that strange, abstract relation between the subject and the Ruler, which simply cannot be created overnight. But during the last five years the subjects of this country had seen it—our beloved King had developed that devotion and loyalty; and also in the outside world we had projected our monarchy as one of the most unique set-ups in constitutional developments. Whenever I have been abroad, people were interested and curious to know that we were a monarchy but we elect our King. They said this was rather extraordinary, but when I explained they thought that this was something rather wonderful. This evolution came about as a result of accommondation, understanding and compromise. At the time that we created independent Malaya, politicians could have been reckless. They could have said that we could not afford to have so many monarchs; they could have said we wanted a republic; they could have said we want just one monarch. All these possibilities were there. Yet we are a people who believe in give and take; we believe in accommodation and compromise. As a result we were of this pattern of having our Monarch elected. Sadly, this basic accommodative spirit, which was the basis of our nation, recently has not been understood by smart politicians across the Causeway. They say, "Well, if we must have a showdown, let us have it now." That is not the kind of approach with which we created Malaya first and Malaysia afterwards. If that was the kind of approach then perhaps we would have gone into our own liquidation a long time ago. If every force in this country said, let us have a showdown if we must have and have it now, we could have had it on the road to independence, at the doorstep of independence, and immediately thereafter achieving independence in 1957. But we believe in giving everybody a fair chance, accepting the principle of give and take. This compromise has found itself in different aspects of our life here.

In our Constitution—it is nothing but an instrument of compromise right from the beginning to the end, and all those privileges mentioned therein are all fruits of understanding and compromise. The idea of citizenship, the extension thereof to non-Malays, the preservation of the rights of the non-Malays, the existing rights at that moment, the creation of new rights to the Malays and the continuation of the old rights—all these things were born out of direct negotiations in a peaceful, painless manner and out of understanding and accommodation. If during these negotiations if any one force had said, "No, we cannot agree to this. We don't see eye to eye with you; and if we must have a showdown, let us have it now", what would have happened? Is that the kind of approach that we should have in this country? And that is the kind of approach which the smart politicians across the Causeway want to have. (HONOURABLE MEMBERS: Hear! hear!).

Now, our beloved Monarch is the most widely-travelled Monarch of our country. His Majesty had been to neighbouring countries—India, Pakistan, Thailand, Japan—and recently His Majesty completed a very successful tour of the Middle East. And to that extent, in the constitutional reign as the Monarch, His Majesty's contribution to the stability of this country is of the highest order, and this will go down in history that we have had,

under His Majesty's reign, a very constructive period, not free of problems—problems we must have in order to grow. They condition our character; and to some extent that the problems thrusted on us by our neighbour have helped us to make us look inward and at the same time to be critical of ourselves and to analyse our own self. I think that is an indirect contribution; and these problems—we may not know them now because we are in the midst of them, but our children will know. The historians will assess that during this phase we had gone through a period of both construction and a period of trials and tribulations. But, nevertheless, we would not be doing our duty if we do not appreciate the very progressive time that we have had under our Yang di-Pertuan Agong, and as His Majesty said that this would be the last year, let us express our deep, humble and sincere thanks to His Majesty for the Gracious Address delivered.

Dato' T. H. Tan: Mr President, Sir, with your permission, I beg to move.

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the meeting of the Senate shall now be adjourned until 10 a.m. on the 7th of June, 1965.

Dato' J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the meeting of the Senate shall now be adjourned until 10 a.m. on the 7th of June, 1965.

Adjourned at 1.00 p.m.

HUJONGAN KHAS

KAPADA

TITAH UCHAPAN

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Thalatha, 25 haribulan Mei, 1965

Kertas ini ia-lah Hujongan Khas kapada Titah Uchapan yang di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Thalatha, 25 haribulan Mei, 1965 yang mengandongi lain² penerangan yang lengkap.

JABATAN PERDANA MENTERI

Pada tahun yang lalu beberapa masa-'alah yang besar² terpaksa di-hadapi. Yang amat penting antara-nya ia-lah permusohan dari Indonesia. Sa-lain daripada itu ada pula beberapa masa-'alah dalam negeri yang rumit; kebanyakan-nya timbul oleh kerana permusohan dari Indonesia.

Permusohan dari Indonesia

2. Permusohan Indonesia terhadap negeri ini telah sa-makin sa-hari sa-makin bertambah hinggakan Kerajaan memikirkan mustahak seluroh negeri ini di-ishtiharkan dalam Keadaan Dzarurat. Pada masa dahulu Indonesia hanya menyerang Negeri² Borneo sahaja tetapi pada masa sekarang mereka telah menambah perbuatan² mencheroboh mereka ia-itu dengan mendarat di-Semenanjong Tanah Melayu. Mereka menghantar pula ejen² mereka ka-Semenanjong Tanah Melayu. Kebanyakan daripada perbuatan² mereka ia-lah perbuatan² khianat dan perbuatan² yang menchemaskan orang ramai.

3. Kerajaan telah juga berpendapat ia-itu pilehan² raya bagi Majlis² Meshuarat Tempatan mustahak di-tanggohkan dalam masa Dzarurat ini. Pilehan² raya itu di-tanggohkan bagi sementara waktu sahaja dan akan di-adakan sa-mula apabila sahaja Indonesia memberhentikan pencherobohan-nya. Jika sa-kira-nya ada tempat sa-bagai ahli Majlis² Tempatan itu menjadi kosong dalam masa pilehan² raya itu di-tanggohkan Parti ahli yang mengkosongkan tempat itu akan di-minta memileh chalun bagi mengisi tempat itu.

Perhubongan dengan Kerajaan² Negeri

4. Kerajaan Pusat sentiasa berniat hendak bekerjasama dengan semua Kerajaan² Negeri termasok Kerajaan² Negeri yang bukan-nya di-pegang oleh Parti Perikatan.

Negeri² Baharu

5. Kerja menyatukan Negeri² baharu Malaysia ia-itu Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Negeri² Tanah Melayu maseh berjalan terus. Lawatan Sambil Belajar telah di-atorkan bagi pendudok² Sabah dan Sarawak melawat Semenanjong Tanah Melayu dan pendudok² Semenanjong Tanah Melayu melawat Sabah dan Sarawak. Tujuan lawatan² ini ia-lah supaya mereka itu mengetahui akan keadaan² di-negeri ini dan dengan yang demikian dapat mereka faham akan masa'alah² dan hasrat² ra'ayat Malaysia keselurohan-nya. Menteri² dan pegawai² Kerajaan ada-lah di-galakkan melawat Negeri² baharu itu supaya mereka dapat mengetahui lebeh dalam lagi masa'alah² dan hasrat² pendudok² Negeri² itu. Oleh kerana Semenanjong Tanah Melayu terletak-nya jauh dari Negeri² yang baharu itu maka dua orang Menteri telah di-lantek untok memberi nasihat kapada Kerajaan Pusat berkenaan dengan perkara² yang berhubong dengan Negeri² itu. Mereka ia-lah Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak dan Menteri bagi Hal Ehwal Sabah dan Pertahanan 'Awam.

6. Ada-lah juga menjadi dasar Kerajaan hendak menggalakkan orang² dari negeri² luar melawat Malaysia supaya mereka dapat mengetahui lebeh dalam lagi perihal negara ini. Dasar ini sedang di-jalankan dan pelawat² dari luar negeri terutama dari negara² Afro-Asia telah sa-makin ramai mengunjongi Malaysia.

7. Dalam beberapa tahun yang lalu ini Lawatan² Sambil Belajar telah di-ator supaya ra'ayat Malaysia dapat melawat negara² tetangga. Dasar ini akan terus berjalan.

Pembangunan

8. Kejayaan yang di-chapai dalam lapangan ekonomi dan masharakat patut sangat mendapat perhatian; inilah satu kejayaan yang negara kita ini, yang baharu merdeka dan kechil ini, boleh berbesar hati.

9. Keluaran barang[2] (output) dalam negeri yang sa-makin bertambah berganda[2] itu menunjokkan kemajuan telah di-chapai dalam lapangan ekonomi. Keluaran barang[2] telah di-taksirkan telah bertambah sa-banyak 25 peratus di-antara tahun 1961 dengan tahun 1964 atau pukul rata bertambah lebeh daripada 8 peratus sa-tahun. Pendudok[2] negara ini telah bertambah ramai hampir[2] 3 peratus banyak-nya sa-tahun ia-itu satu daripada tambahan yang tertinggi sa-kali dalam dunia ini dan oleh itu keluaran barang[2] telah bertambah pukul rata bagi tiap[2] sa-orang hampir[2] 5 peratus banyak-nya.

10. Tambahan pendapatan (income) pukul rata bagi tiap[2] sa-orang kurang daripada tambahan keluaran barang[2] (output) kerana harga getah asli telah sa-makin lama sa-makin turun. Taksiran permulaan menunjokkan ia-itu pendapatan dalam negeri telah bertambah kira[2] 6 peratus sa-tahun antara tahun 1961 dengan tahun 1964. Tambahan ini menunjokkan pendapatan pukul rata tiap[2] sa-orang bertambah sa-banyak 3 peratus sa-tahun.

11. Kemajuan negara kita yang berjalan dengan lanchar-nya itu sangat nyata daripada penanaman modal pehak Kerajaan dan pehak bersendirian yang telah bertambah sa-makin hari sa-makin banyak. Jumlah penanaman modal di-taksir telah bertambah hampir[2] 15 peratus sa-tahun antara tahun 1961 dengan tahun 1964. Apabila penanaman modal itu di-kira sa-bagai sa-bahagian daripada pendapatan negara (national income), maka bahagian penanaman modal itu telah bertambah daripada lebeh kurang 17 peratus dalam tahun 1961 kapada lebeh sadikit daripada 21 peratus dalam tahun 1964. Lebeh kurang 70 peratus daripada wang penanaman modal itu datang-nya dari dalam negeri ini sendiri.

12. Dalam hal kemajuan penanaman modal, perkara yang penting ia-lah penanaman modal pehak Kerajaan dan pehak bersendirian telah bertambah[2]. Kerajaan akan terus menjalankan dasar hendak memberi kemudahan[2] dan peluang[2] kapada pehak[2] bersendirian, baik dalam negeri ini atau pun yang datang dari luar negeri, untok mengambil bahagian dengan bersunggoh[2] dalam usaha hendak memajukan negeri ini. Kemajuan akan dapat di-chapai dengan segera hanya jika sa-kira-nya ikhtiar bersaorangan itu dapat berjalan dengan sa-penoh[2]-nya. Penanaman modal bersendirian yang datang dari luar negeri akan terus di-sambut dengan baik dan di-galakkan kerana peranan-nya untok menambah modal pehak bersendirian yang sedia ada dalam negeri ini dan juga kerana akibah[2] lain yang meninggikan taraf dan mutu teknologi dalam perusahaan negeri ini.

13. Tiap[2] Negeri di-Malaysia pada masa ini sedang melaksanakan ranchangan[2] pembangunan masing[2], ia-itu Tanah Melayu melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua 1961-65; Sabah melaksanakan Ranchangan Pembangunan 1965-70; Sarawak melaksanakan Ranchangan Pembangunan 1964-68; dan Singapura melaksanakan Ranchangan Pembangunan Yang Pertama 1961-65. Penanaman modal Kerajaan dalam tahun 1961-64 di-bawah Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua Tanah Melayu berjumlah $2,143 juta. Jumlah ini ia-lah lebeh 70 peratus daripada jumlah yang di-ranchangkan ia-itu sa-banyak $2,953 juta. Dalam tahun ini, sa-bahagian daripada tambahan pendapatan kita terpaksa di-untokkan bagi kegunaan pertahanan. Oleh kerana ranchangan kita boleh di-ubah[2] maka dapat-lah peruntokan ini di-buat dengan tiada mengganggu perjalanan usaha hendak memajukan ekonomi dan masharakat. Kerajaan berasa puas hati dengan kemajuan penanaman modal pehak bersendirian. Penanaman modal yang di-kehendaki ia-lah $2,900 juta. Daripada tahun 1961 hingga tahun 1964, lebeh daripada 90 peratus daripada penanaman modal ini telah terchapai.

14. Ranchangan Pembangunan 1959-64 bagi Sabah telah di-selesaikan dengan jaya-nya pada tahun 1964 dan satu Ranchangan Pembangunan Lima-Tahun, 1964-68, yang baharu bagi Sarawak telah di-mulakan dengan sempurna-nya pada tahun 1964 juga. Ranchangan Pembangunan Yang Pertama bagi Singapura 1961-65 sekarang ini hampir[2] siap.

15. Tujuan Kerajaan menjalankan semua ranchangan itu sekarang ini ia-lah hendak meninggikan kebolehan mengeluarkan barang dalam ekonomi negeri[2] itu masing[2], meninggikan pendapatan dan barang[2] yang di-keluarkan oleh tiap[2] sa-orang pen-dudok negeri[2] itu, memberi pekerjaan kapada buroh[2] yang sa-makin hari sa-makin bertambah banyak itu dan membolehkan pendapatan tiap[2] ra'ayat makin sama banyak-nya. Semua ran-changan[2] itu mempunyai maksud hendak membena sa-mula ekonomi negeri[2] itu. Di-Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak tujuan-nya ia-lah hendak membanyakkan lagi jenis barang[2] yang di-keluarkan dalam negeri[2] itu dengan menggalakkan kerja memajukan lain[2] barang[2] pertanian yang sesuai sa-lain daripada getah dan memberi galakan kapada usaha hendak mengem-bangkan perusahaan yang di-fikirkan berpatutan. Di-Singapura pula, tujuan-nya ia-lah hendak melebehkan usaha[2] memajukan perusahaan: pada masa yang lalu Singapura ma'amor kerana ia menjadi pusat perdagangan eksepot dan impot.

Ranchangan Malaysia Yang Pertama, 1966-70

16. Bahagian Peranchang Ekonomi dan semua Kementerian[2] Persekutuan dan Jabatan[2] Negeri telah mula men-jalankan kerja menyediakan Ran-changan Malaysia Yang Pertama 1966-70. Dalam pada itu Jawatan-kuasa Peranchang Pembangunan Negara telah di-susun sa-mula supaya ia dapat menggunakan buah fikiran dan pe-ngalaman Negeri[2] Sabah, Sarawak dan Singapura masa menimbangkan masa-alah[2] negara. Sa-lain daripada itu sa-buah Jawatan-kuasa Penasihat kapada Jawatan-kuasa Peranchangan Pem-bangunan Negara mengenai kemajuan perusahaan bersendirian sedang di-tubohkan. Wakil[2] daripada pehak perusahaan bersendirian dan pehak Kerajaan akan menjadi ahli Jawatan-kuasa itu. Tugas-nya ia-lah memberi nasihat tentang hal[2] berkenaan dengan kemajuan 'am-nya dan kemajuan perusahaan bersendirian khas-nya. Kerajaan berharap deraf Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu akan sempat di-bentangkan dalam Parlimen sa-belum di-adakan persidangan belan-jawan yang akan datang.

17. Sunggoh pun ada permusohan dari Indonesia dan sunggoh pun per-tahanan Malaysia terpaksa di-perkokoh-kan lagi, Kerajaan ber'azam tidak akan menanggohkan usaha-nya hendak me-majukan ekonomi dan masharakat. Oleh hal yang demikian Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu sekarang ini sedang di-gubal dengan maksud supaya ia menjadi suatu ranchangan yang mengandongi chita[2] yang tinggi tetapi munasabah. Maksud Kerajaan membuat ranchangan yang baharu ini ia-lah hendak mengukohkan kemajuan yang telah di-chapai oleh Malaysia pada masa[2] yang lalu dan hendak men-datangkan beberapa kemajuan lagi. Semua usaha[2] ini akan di-jalankan dengan tujuan hendak menchapai ke-majuan ekonomi di-seluroh Malaysia dengan chepat-nya terutama sa-kali di-Negeri[2] Sabah dan Sarawak, mengu-rangkan perbezaan pendapatan pen-dudok[2] dan mengadakan perkhidmatan[2] masharakat dan kemudahan[2] kebu-dayaan dengan chukup-nya supaya darjah kehidupan semua pendudok Malaysia bertambah tinggi. Tujuan Kerajaan membuat ranchangan ini yang terutama sa-kali ia-lah hendak men-chuba menggunakan kemajuan ekonomi dalam masharakat sa-bagai satu alat untok menyatu-padukan ra'ayat negara yang baharu ini.

Membanyakkan Jenis Pertanian

18. Jawatan-kuasa Peranchang Pem-bangunan Negara (NDPC) telah men-jalankan usaha-nya hendak mengkaji bersama[2] dengan Jabatan[2] yang ber-kenaan akan kemungkinan[2] supaya pertanian dapat maju dengan chepat-nya dengan membanyakkan jenis pertanian dan juga hendak meng-adakan ranchangan[2] yang sesuai bagi

di-masokkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Kerajaan sedang memberi lebeh perhatian kapada kemudahan[2] bagi mempelajari 'ilmu pertanian. Peluang[2] untok menchapai kemajuan dalam lapangan pertanian dalam masa yang pendek ada banyak, akan tetapi sama ada kemajuan pertanian akan terus dan kekal majunya bergantong-lah kapada boleh atau tidak di-adakan banyak ahli[2] pertanian yang terlateh dalam berbagai[2] perengkat latehan untok menjalankan penyelidekan[2] yang mustahak dan untok memberi jaminan supaya hasil[2] penyelidekan yang telah lalu, yang sedang di-jalankan pada masa sekarang, dan yang akan di-jalankan pada masa yang akan datang di-sampaikan kapada petani[2] selurohnya. Kemudahan[2] pelajaran pertanian mustahak-lah di-tambah lagi; tidak kurang daripada 6,000 orang pembantu muda pertanian, 1,500 orang ahli[2] pertanian yang berdiploma dan 750 orang ahli pertanian yang berkelulusan Universiti hendak-lah di-adakan dalam masa lima tahun yang akan datang. Langkah[2] sedang di-jalankan bagi menambah kemudahan[2] yang sedia ada sekarang ini dan bagi mengadakan kemudahan[2] yang baharu supaya ahli[2] pertanian yang terlateh sa-banyak yang di-kehendaki itu dapat di-adakan.

Peranchang Tenaga Ra'ayat

19. Kerajaan mengambil perhatian berat atas bilangan pekerja[2] yang samakin bertambah ramai-nya itu dan masaalah yang timbul daripada-nya ia-itu bagaimana hendak mengadakan pekerjaan bagi mereka. Oleh kerana itu satu bahagian peranchang tenaga ra'ayat telah di-adakan dalam Bahagian Peranchang Ekonomi untok mengetahui dan menyatukan kerja mengadakan ranchangan tenaga ra'ayat dan menyusun ranchangan[2] yang mustahak bagi melaksanakan tujuan[2] Kerajaan—(i) hendak memberi peluang yang chukup untok mendapat kerja kapada orang[2] menganggor dan kapada orang[2] muda yang makin banyak menjadi pekerja pada tiap[2] tahun; (ii) hendak mengadakan ranchangan[2] pelajaran dan latehan untok mengadakan pekerja[2] yang berkepandaian yang chukup bilangan-nya bagi menjalankan kemajuan ekonomi dan juga untok mengadakan kumpulan orang[2] yang cherdek pandai dalam perkara[2] teknik, dan orang[2] yang pandai mengurus perusahaan dan perdagangan supaya pembangunan negara dapat di-jalankan terus dengan chepat-nya. Pada masa ini satu penyiasatan tenaga ra'ayat (manpower survey) yang lengkap sedang di-jalankan. Penyiasatan ini ia-lah suatu langkah untok membolehkan suatu dasar dan ranchangan yang sesuai bagi tenaga ra'ayat dapat di-adakan. Jika Jabatan Perangkaan dan Kementerian Buroh berupaya menjalankan penyiasatan ini, Kerajaan berharap hasil[2] penyiasatan itu akan dapat di-siapkan tidak lama lagi.

Hadiah[2] Latehan di-bawah anjoran Ranchangan Colombo

20. Kerajaan telah terus mengambil peranan yang lebeh besar lagi sa-bagai negara penderma (donor country) dalam Ranchangan Kerjasama Teknik (Technical Co-operative Programme) di-bawah Ranchangan Colombo. Satelah Malaysia di-tubohkan, Kerajaan telah bersetuju mengambil aleh tanggong-jawab kewangan mengenai hadiah[2] latehan yang di-beri oleh Kerajaan Singapura dalam Ranchangan Colombo itu. Oleh kerana Majlis Ranchangan Colombo telah membuat keputusan hendak mengadakan Latehan Bantuan Teknik Antara Kawasan (Intra-Regional Technical Assistance Training) bagi juru[2] teknik, maka Malaysia akan mengadakan banyak lagi jenis[2] latehan dan pengajian bagi negeri[2] tetangga pada tahun ini dan pada tahun[2] yang akan datang. Bahkan hadiah[2] latehan telah di-berikan bukan sahaja kapada Negeri[2] tetangga saperti Burma, Brunai, Nepal, Pakistan, Filipina dan Negeri Thai, tetapi juga kapada Negeri[2] lain saperti Mauritius. Hadiah[2] latehan yang di-adakan itu ia-lah dalam berbagai[2] lapangan ia-itu daripada lapangan pelajaran Ijazah Universiti kapada lapangan kursus[2] latehan dalam Pertanian, Kastam, Pergigian, Chukai Pendapatan, Penanaman Getah, "Agronomy" Padi, Kesihatan Luar Bandar, Talikom dan 'Ilmu Haiwan.

Menggantikan pegawai² dagang dengan pegawai² Malaysia dalam Perkhidmatan 'Awam

21. Pekerjaan menggantikan pegawai² dagang dengan pegawai² tempatan dalam perkhidmatan 'awam sudah hampir siap di-uruskan. Pada akhir bulan Mach, 1965, sa-banyak 95.46 peratus daripada jumlah pegawai² yang berhak (entitled officers) dalam perkhidmatan 'awam telah bersara atau sedang berchuti sa-belum bersara. Sa-belum daripada 1 haribulan Julai, 1965 sa-banyak 59 orang pegawai² dagang lagi akan berhenti. Kebanyakan Pegawai² dagang yang maseh berkhidmat lagi ia-lah bekerja dalam Jabatan Polis. Mereka maseh di-kehendaki berkhidmat lagi oleh kerana permusohan Indonesia terhadap Malaysia.

Tuntutan Kaki-tangan Kerajaan

22. Baru² ini beberapa Kesatuan Pekerja dalam perkhidmatan 'awam telah mengancham hendak mengambil tindakan perusahaan. Ada daripada-nya telah menjalankan dasar "kerja-perlahan²" dengan berpura² mereka itu ia-lah "bekerja-mengikut-peratoran". Satu bahagian telah di-adakan dalam Pejabat Perjawatan Malaysia bagi menguruskan tuntutan² Pehak Kaki-tangan Kerajaan dalam Majlis Whitley yang belum selesai. Tugas bahagian ini ia-lah untok mengelolakan semua tuntutan Pehak Kaki-tangan (Staff Side) dalam Majlis Whitley supaya gaji dan sharat² perkhidmatan mereka di-semak sa-mula.

23. Apabila menimbangkan tuntutan² daripada kaki-tangan-nya, Kerajaan sangat mustahak memikirkan bukan sahaja kepentingan kaki-tangan-nya, tetapi Kerajaan terpaksa juga memikirkan kepentingan negara seluroh-nya dan kedudokan kewangan bagi membayar tuntutan² itu. Sekarang ini jika gaji banyak sangat naik-nya maka Kerajaan tidak akan dapat membayar-nya, kechuali di-naikkan chukai.

Surohanjaya Gaji

24. Kerajaan juga telah melantek satu Surohanjaya Khas Gaji yang di-pengerusikan oleh Tuan Hakim Suffian bagi mengkaji sa-mula seluroh susunan gaji kaki-tangan Kerajaan dalam perkhidmatan 'awam.

KEMENTERIAN BUROH

25. Kerajaan terus menjalankan dengan giat-nya dasar yang telah di-ishtiharkan bagi memperbaiki kebajikan pekerja dan untok mengelokkan lagi sharat² pekerjaan serta meninggikan lagi taraf hidup mereka. Kerajaan juga amat mengambil berat dalam perkara memberi segala pertolongan kapada orang yang menganggor supaya mendapat pekerjaan, dan melateh belia² dalam berbagai² jenis kepandaian bukan sahaja kerana hendak menolong mereka mendapat pekerjaan bahkan kerana menambah bilangan pekerja² yang berkepandaian yang sangat² di-kehendaki dalam perdagangan dan perusahaan yang sa-makin bertambah banyak di-negeri ini.

26. Kerajaan sedar betapa mustahak-nya di-adakan suatu ranchangan yang lengkap bagi menjamin nasib pekerja². Oleh sebah itu Kerajaan berchadang hendak mengadakan satu ranchangan penchen bagi orang yang tiada berdaya membuat kerja lagi dengan sa-berapa segera-nya. Dan juga Undang² akan di-adakan tiada berapa lama lagi untok mengelokkan lagi keadaan rumah² yang di-sediakan bagi pekerja², menentukan sharat² mereka bekerja dan menjaga keselamatan pekerja yang berumor di-antara 14 dengan 18 tahun yang bekerja di-tempat² hiboran orang ramai.

27. Kerajaan sedia ma'alum ia-itu pekerja² yang berkepandaian mustahak di-tambah bilangan-nya. Oleh sebab itu satu daripada usaha² Kementerian ini ia-lah melateh pelateh² di-bawah Ranchangan Perlatehan Kebangsaan. Ranchangan ini telah di-mulakan pada tahun 1957 dan pada masa ini terus berjalan dengan jaya-nya. Pelateh² yang mengambil bahagian dalam Ranchangan ini telah bertambah ia-itu daripada 70 orang pada masa Ranchangan ini di-mulakan telah bertambak menjadi 769 orang pada akhir tahun 1964. Hal yang demikian menunjokkan betapa penting dan maju-nya Ranchangan Perlatehan ini.

28. Dalam tahun 1964 telah banyak di-jalankan usaha[2] bagi memperbaiki perhubongan pekerja[2] dengan majikan. Kerajaan menjunjong tinggi ikrar Majlis Pertubohan[2] Majikan Tanah Melayu dan Kongres Kesatuan Sakerja Malaysia mengaku ta'at setia dan menyokong Kerajaan dalam masa Indonesia melakukan konfrantasi dan pencherobohan. Kerajaan berasa amat gembira menerima ikrar[2] ta'at setia ini dan ikrar[2] ini amat-lah penting kapada Kerajaan.

29. Peratoran tata-tertib yang telah di-buat bersama[2] oleh pertubohan majikan[2] dengan pertubohan pekerja[2] ada-lah satu bakti yang chemerlang dalam perkara perhubongan pekerja[2] dengan majikan[2]. Peratoran itu menetapkan langkah[2] bagi mengekalkan keamanan perusahaan, terutama sakali dalam masa negara ini dalam keadaan Dzarurat. Usaha[2] telah di-jalankan terus menerus bagi mengekalkan keamanan dalam perdagangan dan perusahaan. Perhubongan antara majikan dengan pekerja dalam perusahaan yang di-jalankan oleh pehak bersendirian pada 'am-nya baik. Bukti yang menunjokkan demikian ia-lah pehak majikan dan pehak pekerja telah berjaya mengikat beberapa banyak perjanjian.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Faham Kominis dan Gerakan[2] Sabversif

30. Faham Kominis dan gerakan[2] sabversif terus menjadi satu anchaman kapada keselamatan negara dan chara hidup kita. Kerajaan sedar terhadap anchaman[2] Kominis dan gerakan[2] sabversif ini dan bersedia menentang dan mengawal anchaman[2] tersebut. Demokrasi berparlimen ada-lah menjadi satu perinsip Kerajaan dan Kerajaan akan mempertahankan susunan pemerentahan dan keperchayaan-nya ini sampai ka-akhir. Orang[2] Kominis yang telah gagal dalam perchubaan mereka untok merampas kuasa dan mena'alok negara ini dengan kekerasan, bergiat dan chergas pula di-bidang sabversif. Kegiatan sabversif ini ada-lah di-tumpukan dan di-tujukan ka-atas badan[2] belia, persatuan[2] buroh dan parti[2] politik.

Konfrantasi

31. Konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia sudah masok dua tahun. Konfrantasi di-mulakan di-bidang[2] kebudayaan, ekonomi dan politik dan kemudian-nya di-perluaskan ka-bidang[2] ketenteraan dan gerakan[2] sabversif dan sekarang ini sudah pula berubah chorak. Konfrantasi dalam bidang ketenteraan yang dahulu-nya di-hadkan kapada pencherobohan di-negeri[2] Sabah dan Sarawak, sekarang ini di-perbesarkan untok meliputi Semenanjong Tanah Melayu. Indonesia sekarang ini dengan tidak segan[2] lagi mempergunakan anggota[2] biasa Angkatan Bersenjata untok melakukan pencherobohan. Pencherobohan ini ada-lah pendaratan[2] yang di-lancharkan dari udara dan dari laut di-Semenanjong Tanah Melayu dan ada-lah penchabulan terhadap kedaulatan negara ini. Keterangan yang menunjokkan pencherobohan dan penyusunan Indonesia hingga masa ini ada-lah saperti berikut:

Negeri[2] Tanah Melayu—(*a*) Pendaratan dari laut ia-lah sa-banyak 13, termasok tiga pertemporan di-perayeran Malaysia; dan (*b*) satu pencherobohan dari udara ia-itu di-Labis.

Negeri[2] Borneo—(*a*) Dari darat—42; (*b*) Dari laut—13; dan (*c*) Dari udara—48.

32. Gerakan[2] sabversif yang di-lakukan oleh Indonesia maseh di-teruskan. Dalam Titah Di-Raja pada tahun lepas telah di-terangkan bahawa ada-lah menjadi tujuan utama Indonesia untok menggulingkan Kerajaan Malaysia yang di-pileh oleh ra'ayat dan menggantikan-nya dengan satu Kerajaan yang menyokong Kerajaan Indonesia yang akan menjadikan Malaysia satu wilayah ta'alokan segala yang mungkin dan boleh di-pergunakan; dan Kertas Puteh yang di-terbitkan baharu[2] ini yang di-beri tajok "Pakatan Khianat Pechah" mencheritakan satu pakatan khianat oleh ahli[2] politik yang kechewa dan yang menyokong Indonesia untok menggulingkan Kerajaan kita yang di-pileh mengikut perlembagaan. Dengan terbongkar-nya pakatan khianat ini maka negeri ini telah terpelihara dari satu suasana yang memalukan.

33. Untok menjayakan pencherobohan bersenjata dan gerakan[2] sabversif di-Malaysia, Indonesia telah memperhebatkan lagi perbuatan[2] pengkhianatan untok menimbulkan huruhara dan perasaan gempar di-kalangan ra'ayat jelata. Perchubaan[2] pengkhianat[2] ini sa-takat ini tidak-lah berapa berat akibat-nya; tetapi perbuatan[2] meletupkan bom di-MacDonald House di-Singapura itu jelas-lah bahawa perbuatan[2] pengkhianat[2] Indonesia itu akan mendatangkan bahaya yang besar. Amat-lah tidak bijak untok kita memperkechil dan mempersendakan musoh kita; kita patut-lah sentiasa bersedia dan berwaspada dan terus bekerja sama dengan pemerentah untok menghapuskan musoh yang berada di-kalangan kita. Kerajaan sedar terhadap bahaya dari pehak musoh yang di-timbulkan oleh konfrantasi dan segala yang perlu akan di-pergunakan untok menentang bahaya ini.

34. Sa-lain daripada gerakan[2] ketenteraan Kerajaan telah juga mengambil langkah[2] lain untok mengawal bahaya[2] yang di-timbulkan oleh pengkhianat[2] Indonesia. Salah satu daripada langkah[2] ini ia-lah menubohkan satu Jawatan-kuasa Pusat Sasaran Penting yang mempunyai jawatan[2]-kuasa kechil di-tiap[2] negeri. Kewajipan Jawatan-kuasa ini ia-lah untok menimbang dan memereksa segala perkara yang bersangkutan dengan chara[2] dan langkah[2] menentang perbuatan[2] pengkhianatan merosakkan sasaran[2] penting. Jawatan-kuasa ini telah pun memileh segala tempat[2] dan bangunan[2] mustahak dan penting sa-bagai Sasaran Penting. Sasaran Penting ini ada-lah di-ishtiharkan sa-bagai Kawasan[2] atau Tempat[2] Larangan dengan tujuan supaya boleh di-buat langkah[2] keselamatan khas dan dengan tujuan untok mengawal orang keluar masok dan gerak geri orang[2] di-kawasan[2] atau tempat[2] itu.

35. Satu lagi langkah yang di-jalankan oleh Kerajaan ia-lah memulakan dan melaksanakan Pendaftaran Penghuni[2] Rumah. Tujuan-nya ia-lah supaya pehak berkuasa boleh mengawal dan memerhatikan jejak langkah anasir[2] Indonesia dan Kominis di-negeri ini. Langkah ini di-jalankan mengikut Peratoran[2] Dzarurat Pendaftaran Penghuni[2] Rumah tahun 1965, dan di-dasarkan pada Undang[2] yang sama yang terpakai dalam masa Dzarurat dahulu.

36. Di-bawah kuat-kuasa Peratoran[2] ini ada-lah menjadi suatu kewajipan tiap[2] Penghuni Rumah menyimpan satu daftar nama tiap[2] orang yang diam di-dalam rumah dan bangunan-nya. Ada-lah menjadi kewajipan-nya juga untok menchatitkan keterangan mengenai tiap[2] orang yang datang dan meninggalkan rumah-nya. Ia hendak-lah mengeluarkan daftar itu apabila di-minta oleh orang[2] yang di-beri kuasa berbuat demikian.

Pasokan[2] Pengawal Kampong

37. Kenyataan[2] yang di-buat oleh pengkhianat Indonesia yang telah di-tangkap berikutan dengan gerakan[2] sabversif dan pengkhianatan[2] di-pertengahan tahun 1964 menunjokkan, di-antara perkara[2] lain, bahawa pencherobohan[2] Indonesia yang datang dengan perahu[2] kechil mudah sa-kali mendarat di-pantai barat Tanah Melayu dan juga di-satengah[2] tempat di-Pantai Timor dengan sharat chuacha baik.

38. Memandang kapada keadaan yang demikian, maka ada-lah di-fikirkan bahawa pehak Angkatan[2] Bersenjata dan pehak Polis sahaja tidak mungkin dapat menjalankan kerja mengawal penyusupan[2] itu dengan sempurna, kerana untok berbuat demikian berkehendakkan anggota[2] yang lebeh ramai dan ini akan menghalang mereka dari menjalankan tugas[2]-nya yang biasa. Dalam keadaan negara menghadapi anchaman ini ada-lah di-fikirkan bahawa patut benar ra'ayat jelata yang ta'at setia membantu Kerajaan menjaga negeri ini menentang penyusup[2] dan pencheroboh[2] itu. Satu badan sukarelawan yang di-panggil Pasokan Kawalan telah di-tubohkan dengan tujuan untok memberi tahu Kerajaan apa[2] juga yang di-dengar dan di-lihat-nya tentang gerakan penyusup[2] Indonesia.

39. Pasokan Kawalan ini terdiri daripada sukarelawan[2] daripada semua kaum dari Kampong[2] dan Bandar[2]

yang akan meronda dan mengawal kawasan[2] yang tertentu. Yang bertanggong-jawab ka-atas pasokan ini ia-lah Pegawai[2] Daerah di-tiap[2] daerah yang pula bertanggong-jawab kapada Setia-usaha Kerajaan Negeri. Walau bagaimana pun, untok menjalankan dan mentadbir pasokan ini sa-bagai satu badan, sa-orang Pengarah Pasokan Kawalan telah pun di-lantek. Amat-lah menggalakkan bahawa pasokan kawalan ini ada-lah di-sokong oleh ra'ayat dan pada masa sekarang ini lebeh kurang 900,000 orang telah pun bertugas dengan sukarela, dan ramai lagi di-jangka akan memasoki pasokan kawalan ini.

40. Sa-bagai sukarelawan ahli[2] Pasokan Kawalan tidak-lah di-beri apa[2] gaji untok khidmat[2] mereka. Mereka hanya-lah di-beri barang[2] yang di-perlukan, saperti baju hujan, lampu pichit, tongkat[2] dan wisel. Pasokan[2] Kawalan ini telah menunjokkan kejayaan-nya bila kita mengingatkan bahawa banyak kejayaan menghapuskan musoh kita ada-lah hasil dari ma'alumat[2] yang di-beri oleh Ahli[2] Pasokan Kawalan itu. Bukan sahaja mereka telah menolong dan membantu Pasokan Keselamatan untok menangkap dan menghapuskan pencheroboh[2], tapi juga mereka dengan sa-chara tidak langsong, menerusi kawalan[2] mereka di-kampong[2] telah menghindar kejadian jenayah daripada berlaku dengan banyak-nya di-seluroh negeri.

Pertubohan Pengganas[2] Kominis di-Utara Malaya

41. Walau pun perkara yang utama ia-lah menentang konfrantasi dari pehak Indonesia, Kerajaan tidak-lah pula berdiam diri daripada menjalankan ikhtiar hendak menghapuskan saki baki ahli[2] Pertubohan Pengganas[2] Kominis di-kawasan Sempadan Thai/Malaysia. Pasokan Keselamatan kita, dengan di-bantu oleh Pasokan Keselamatan Thai dari masa ka-semasa telah menjalankan gerakan[2] bersama menentang dan memburu Pengganas[2] Kominis. Pasokan Keselamatan Malaysia telah bekerjasama dengan pehak Thai dengan erat-nya; baharu[2] ini Kerajaan telah menanda tangani satu Perjanjian Sempadan dengan pehak Kerajaan Thai, yang membolehkan kedua[2] pehak bekerjasama dengan lebeh erat lagi untok menghapuskan saki baki Pengganas[2] Kominis.

Pasokan Polis di-Raja Malaysia

42. Pasokan Polis Di-Raja Malaysia sa-takat ini dapat menghadapi chabaran[2] dan anchaman[2] dengan menggunakan ahli[2] dan alat[2] yang ada sekarang, tetapi untok melengkapkan diri bagi melaksanakan tugas[2] yang bertambah, perlu-lah pasokan ini di-perbesarkan. Lebeh daripada 3,000 orang telah di-ambil berlateh pada tahun yang sudah. Dengan tujuan supaya taraf dan kechekapan Pasokan Polis ini terpelihara maka kursus[2] latehan dan kursus ulang-kaji telah di-uruskan. Di-tiap[2] Sekolah Latehan pelateh[2] baru dari tiap[2] negeri di-Malaysia telah di-beri kesempatan berchampor gaul di-antara satu dengan lain dan ini telah mendorong perasaan yang mereka itu satu bangsa. Kerajaan terus menjalankan dasar melateh anggota[2] polis di-luar negeri dan beberapa orang pegawai telah di-hantar keluar negeri untok mendapat latehan.

43. Pembaharuan dan pembesaran Pasokan Polis Laut telah di-jalankan terus.

44. Kerajaan maseh terus mengambil perhatian berat terhadap kebajikan Anggota[2] Pasokan Polis, terutama sakali mata[2] biasa. Di-dalam Ranchangan Pembangunan Lima Tahun yang sedang di-jalankan sekarang ranchangan untok mendirikan rumah[2] kediaman untok anggota[2] polis biasa telah di-ranchangkan. Ada-lah di-harapkan menjelang akhir tahun 1965 ini apabila Ranchangan Pembangunan Lima Tahun ini berakhir, 1,454 buah rumah[2] kediaman akan siap.

45. Sa-lain daripada rumah[2] ini bangunan[2] Polis saperti di-sebutkan di-bawah ini telah juga di-dirikan: 14 buah Balai Polis kechil; 3 buah Balai Ibu Pejabat Daerah; 2 buah Ibu Pejabat Lengkongan Polis; dan 1 buah Ibu Pejabat Kontingen. Sabanyak 10 buah lagi Balai Polis kechil di-jangka siap pada hujong tahun ini. Kerja[2] mendirikan bangunan Ibu

Pejabat Pasokan Polis Hutan di-Tanjong Rambutan sedang di-jalankan dan pada masa ini 600 buah rumah quarters sedang di-dirikan.

Pasokan Senoi Pra'aq

46. Sa-bagai suatu pasokan yang bertugas saperti angkatan tentera yang terdiri dari orang[2] asli, Pasokan Senoi Pra'aq ini telah menjalankan tugas-nya dengan chekap dan bersunggoh[2]. Kerajaan telah lama memikirkan tentang masa hadapan anggota[2] Senoi Pra'aq. Kerajaan telah memutuskan hendak menjadikan Pasokan Senoi Pra'aq satu pasokan dalam Angkatan Polis Di-Raja Malaysia mulai 1hb Januari, 1966, dan sa-belum di-buat demikian, sharat[2] perkhidmatan dan tangga-gaji mesti-lah di-tetapkan.

Jabatan Kimia

47. Jabatan Kimia dengan makmal[2] penyelidekan-nya di-Petaling Jaya, Pulau Pinang dan Kuching menjalankan usaha memberi huraian dan nasihat kapada jabatan[2] Kerajaan yang lain yang ta' mempunyai kemudahan saperti itu. Untok meluaskan perkhidmatan yang di-sediakan, Kerajaan berchadang hendak mendirikan chabang makmal[2] penyelidekan di-Johor Tengah, di-Pantai Timor Malaya dan di-Sabah. Jabatan ini akan selesai di-Malayanisekan sa-belum bulan Jun, 1965.

Pejabat[2] Perchetakan Kerajaan

48. Chawangan Perchetakan di-Ipoh telah siap dalam tahun 1964 dan bersama[2] dengan chawangan[2] Perchetakan yang lain di-Johor, Kedah dan Trengganu, pekerjaan perchetakan telah boleh di-buat sendiri. Oleh yang demikian dapat-lah Pejabat Perchetakan menyelenggarakan segala chetakan Kerajaan yang dahulu-nya di-buat dengan kontrek.

49. Di-Sarawak, Pejabat Perchetakan terpaksa mengalami pekerjaan[2] yang sesak kerana keperluan[2] Pejabat Pembangunan Luar Bandar dan Jawatan-kuasa Keselamatan Dalam Negeri untok perchetakan beberapa surat[2] siaran, poster[2] dan berbagai[2] siaran penerangan yang lain. Jika keadaan ini terus berlaku, Pejabat Perchetakan terpaksa di-besarkan dan amat-lah di-harapkan pekerjaan meluaskan Pejabat ini akan di-selenggarakan di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama.

Pejabat Penjara

50. Dengan tertuboh-nya Malaysia kuasa pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia dalam segala bentok telah di-ambil aleh oleh Surohanjaya Penjara, Malaysia, yang berpusat di-Taiping.

51. Dengan tujuan hendak mensesuaikan pentadbiran tempat[2] tahanan dengan kehendak[2] moden, pemulehan peribadi penjenayah ada-lah di-utamakan. Dengan tujuan yang demikian perusahaan[2] Penjara telah di-kembangkan untok memberi lebeh ramai orang[2] salah Latehan[2] dalam perusahaan supaya, apabila mereka di-bebaskan, mereka tidak akan melakukan jenayah untok menchari nafkah hidup mereka.

52. Dengan tujuan supaya Jabatan Penjara maju, sesuai dengan kaedah[2] dan pendapat[2] moden mengenai pentadbiran tempat[2] tahanan, maka Kerajaan memberi peluang menghantar Pegawai[2] Penjara keluar negeri untok belajar di-bawah Ranchangan Colombo dan Biasiswa[2] Bantuan Latehan. Pegawai[2] Penjara telah mengikuti kursus[2] latehan sa-lama tiga bulan di-Pusat Menchegah Jenayah dan Pembaikan Akhlak Pensalah[2], di-Fuchu, Tokyo, yang di-anjorkan oleh Bangsa[2] Bersatu bagi kawasan Asia dan Timor Jauh.

53. Dengan ada-nya konfrantasi dan oleh kerana gerakan[2] sabversif gulongan[2] dan orang[2] yang pro-Indonesia maka penjara[2] dan khemah[2] tahanan telah penoh dengan orang[2] tahanan. Oleh hal yang demikian maka khemah[2] tahanan baharu perlu di-dirikan di-Jesselton dan Kuching, dan sa-buah lagi di-chadang hendak di-bena di-Taiping.

54. Sekolah Laki[2] Henry Gurney di-Telok Mas telah sesak; dan keadaan ini maseh lagi merupakan suatu kerunsingan walau pun ia telah agak di-kurangkan dengan tertuboh-nya sa-buah lagi sekolah yang sa-rupa

di-Melaka. Usaha telah di-jalankan untok mendapat suatu tempat yang sesuai untok memberi pengajaran dan latehan praktikal dalam bidang pertanian.

Jabatan Penchegah Rasuah

55. Segala usaha telah di-jalankan untok menchegah rasuah, dan untok matlamat ini, Bahagian Jenayah Khas, Polis dan Jabatan Penchegah Rasuah telah mengambil segala langkah[2] yang boleh untok menchegah rasuah. Dalam tahun 1964, sa-banyak 42 perkara rasuah telah di-bawa ka-Mahkamah, sa-ramai 23 orang di-hukum dan 6 orang di-bebaskan; 13 perkara rusuah lagi maseh menunggu pengadilan.

56. Pengarah Jabatan Penchegah Rasuah dengan mengikut sharat[2] di-dalam Piagam-nya telah memereksa kembali susunan dan pentadbiran Jabatan ini. Beliau telah membuat beberapa shor dan shor[2] itu ada-lah di-dalam pertimbangan pada masa ini.

Jabatan Imigeresen

57. Kemajuan telah di-buat untok menchapai persamaan dalam perlaksanaan dasar imigeresen sa-luroh Malaysia. Kemajuan besar yang di-chapai oleh Jabatan ini ia-lah mengeluarkan Passport Malaysia yang baharu.

Pejabat Besar Pendaftaran

58. Berikutan dengan penubohan Malaysia, maka sistem pendaftaran di-Singapura dan Sarawak yang maseh menggunakan Kad Pengenalan Kertas, telah di-kaji dengan tujuan supaya di-samakan dengan sistem di-Negeri[2] Tanah Melayu, ia-itu dengan menggunakan Kad Plastik yang berlainan warna.

Kewargaan Negara

59. Dalam tahun 1964 berikutan dengan penubohan Malaysia, persiapan[2] telah di-atorkan bagi menjalankan pendaftaran warga negara di-Sarawak dan Sabah, di-mana di-jangka permintaan[2] menjadi warga negara akan di-terima dengan banyak. Pegawai[2] dari Tanah Melayu telah melawat ka-Sarawak dan Sabah untok mengatorkan persiapan[2] dan pegawai[2] kanan dari kedua buah negeri itu telah di-bawa ka-Pejabat Pendaftaran Warga Negara di-Petaling Jaya untok menerima latehan.

60. Jumlah pendudok[2] yang telah di-luluskan sijil warga negara-nya dalam tahun 1964, ia-lah sa-banyak 45,853 orang, dan dengan ini jumlah pendudok[2] yang telah menerima sijil warga negara sejak hari Merdeka telah menjadi 1,681,683 orang. Daripada jumlah 45,853 orang yang di-luluskan sijil warga negara dalam tahun 1964 itu, lebeh kurang 63 peratus ia-lah kanak[2] kapada warga negara yang telah berdaftar di-bawah perkara 15 (2) atau 15 (3) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

61. Semenjak hari Malaysia, hingga akhir tahun 1964 sa-ramai 466 orang pendudok[2] Singapura yang menjadi warga negara Singapura telah di-luluskan menjadi warga negara Malaysia.

Perkara menggantikan pegawai[2] dagang dengan pegawai[2] anak negeri dalam lapangan Perdagangan dan Perusahaan

62. Kerajaan amat sedar tentang keperluan untok menggantikan pegawai[2] dagang dengan pegawai[2] anak negeri dalam lapangan Perdagangan dan Perusahaan, terutama memandangkan bahawa lebeh ramai warga negara[2] negeri ini mendapat kelulusan[2] yang di-kehendaki untok mengisi jawatan[2] kosong dan mengambil tempat[2] pegawai dagang yang sudah pun memegang jawatan[2] yang tinggi. Kerajaan tahu masa'alah ini dan suatu Jawatan-kuasa Khas Kabinet telah di-lantek untok memereksa kemajuan dan mengambil langkah untok menggantikan pegawai[2] dagang dengan pegawai[2] anak negeri dalam lapangan Perdagangan dan Perusahaan dengan sachara beransor[2].

KEMENTERIAN HAL EHWAL SABAH DAN PERTAHANAN 'AWAM

63. Kementerian Hal Ehwal Sabah dan Pertahanan 'Awam telah di-jadikan sa-bagai satu Kementerian yang berasingan mulai daripada pertengahan bulan Februari 1965. Pada masa yang lalu Pejabat Pertahanan

'Awam ada-lah menjadi tanggong-jawab Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

64. Sa-belum bulan Mach tahun 1964, jabatan Pertahanan 'Awam chuma mempunyai dua buah bahagian sahaja, satu di-Kuala Lumpur dan satu lagi di-Pulau Pinang. Kedua[2] bahagian ini mempunyai ahli[2] sukarela yang berjumlah 1,500 orang. Mengikut keputusan Juma'ah Menteri pada bulan Mach tahun 1964, pertubohan Pertahanan 'Awam telah di-perluaskan ka-seluroh Malaysia. Pada masa sekarang anggota Pasokan Setia Negara dan ahli[2] sukarela dalam pertubohan ini berjumlah 15,000 orang dan lebeh ramai lagi orang 'awam akan di-panggil berkhidmat dalam pertubohan ini mengikut Undang[2] Tenaga Ra'ayat.

(A) Latehan dan Penyatuan

65. Latehan[2] telah di-jalankan di-semua bahagian dan juga di-bahagian[2] kechil bagi ahli[2] pertubohan ini. Di-bahagian[2] yang besar saperti bandar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, latehan ini telah pun selesai dan lain[2] latehan pula sedang di-jalankan lagi. Di-bandar Kuala Lumpur, latehan ini di-adakan di-Sekolah Kampong Pandan dan juga di-Ibu Pejabat Pertahanan 'Awam di-Jalan Padang Tembak.

66. Latehan berasingan yang sa-rupa ini telah di-adakan baharu[2] ini di-Sekolah Pusat Latehan Bomba Gombak untok Penolong[2] Jurulateh dengan bertujuan mengadakan satu latehan yang sama di-seluroh negeri. Di-daerah[2] yang telah mempunyai pertubohan[2] Pertahanan 'Awam Jawatankuasa[2] telah di-tubohkan. Jawatankuasa ini terdiri dari pegawai[2] Perkhidmatan[2]. Perubatan dan Bomba, Kebajikan Masharakat, Pertubohan Sukarela saperti St. John Ambulance dan Palang Merah dan juga lain[2] Jabatan Kerajaan bagi mengadakan peratoran dalam menjalankan gerakan[2].

(B) Ranchangan Pertahanan Tanpa Gerakan

67. Ada empat buah ranchangan tanpa gerakan pertahanan untok di-laksanakan dan ranchangan[2] ini ada-lah saperti berikut: (i) memindahkan orang[2] yang hilang rumah; (ii) menyekat penggunaan lampu; (iii) menjaga apa di-bangunan; dan (iv) Perkhidmatan Bomba Tambahan.

68. Ranchangan[2] ini sedang di-jalankan sekarang di-tingkat bahagian sahaja. Pusat[2] pertolongan chemas dan pusat rehat akan juga di-adakan di-tiap[2] bahagian. Kesemua ranchangan ini akan di-selenggarakan dengan sachepat mungkin. Bandar Kuala Lumpur mempunyai 100 buah pusat wadan dan pusat pertolongan chemas dan juga pusat[2] sambutan dan berehat. Kira[2] 1,000 orang ahli yang telah di-panggil berkhidmat di-bawah Undang[2] Tenaga Ra'ayat sedang menjalani latehan sa-bagai Ahli[2] Bomba Tambahan.

(C) Amaran Serangan Udara

69. Ranchangan Amaran Serangan Udara dan sekatan chahaya lampu sedang di-jalankan sekarang dan semboyan[2] telah pun di-pasang di-Singapura dan Kuala Lumpur. Beberapa buah semboyan lagi akan di-pasangkan di-merata tempat di-seluroh negara.

70. Kerajaan telah juga memutuskan bahawa penggunaan semboyan sa-masa keadaan dzarurat ini akan di-haramkan kechuali oleh pehak polis, ambulance, pasokan bomba, pertahanan 'awam dan lain[2] pehak yang telah di-benarkan oleh Menteri.

(D) Perkakas Latehan dan Kelengkapan Diri

71. Kebanyakan daripada perkakas latehan dan kelengkapan diri telah pun di-bahagi[2]kan kapada semua ahli[2] dalam pertubohan ini. Semua anggota Perkhidmatan Negara dan Sukarela telah di-lengkapkan dengan pakaian seragam dan di-benarkan menggunakan perkakas yang perlu sa-masa mereka berlateh dan mereka ini semua di-bayar elaun. Pertubohan Pertahanan 'Awam di-Kuala Lumpur ini ada-lah menjalankan kawalan 24 jam dan pusat kawalan-nya di-Jalan Padang Tembak sentiasa bekerja siang dan malam.

72. Dalam titah Seri Paduka Baginda pada tahun yang lalu berkenaan

dengan undang[2] dan ke'adilan, Baginda telah menyebut berkenaan dengan tugas menyemak undang[2], yang pada masa itu baharu sahaja di-mulai. Semenjak itu kerja bagi mengubah segala undang[2] Malaysia, supaya undang[2] itu dapat di-sesuaikan dengan Perlembagaan Persekutuan telah hampir siap dan banyak kemajuan telah di-chapai dalam kerja menyemak undang[2] yang terkanun.

73. Suatu kumpulan penggubal undang[2] telah memereksa segala undang[2] yang berkaitan yang ada terkanun di-seluroh Malaysia—lebeh kurang 1,700 undang[2] semua-nya—pertama-nya, bagi menentukan mana daripada undang[2] ini ada-lah undang[2] persekutuan dan, kedua-nya, bagi menentukan mana daripada-nya patut di-kekalkan, mana daripada-nya patut di-mansokhkan dan di-ganti, dan mana daripada-nya patut di-hapuskan kuatkuasa-nya dengan jalan di-mansokhkan langsong.

74. Kerajaan berchadang hendak mengemukakan dalam persidangan Parlimen yang sekarang ini undang[2] (sa-tengah-nya telah pun di-gubal) bagi memansokhkan undang[2] yang telah menchapai maksud[2]-nya atau yang kerana sebab[2] lain tidak lagi di-kehendaki—lebeh kurang 300 semua-nya.

75. Sa-belum hujong tahun ini ada-lah di-jangka bahawa Pesurohjaya[2] Chetakan Sa-mula yang di-lantek di-bawah Undang[2] Chetakan Sa-mula Undang[2] Persekutuan, 1965, yang di-luluskan dalam bulan Mach yang lalu mungkin telah mengusahakan supaya di-terbitkan chetakan[2] sa-mula bagi sa-bagagian besar daripada undang[2] yang berjalan kuatkuasa-nya di-segala bahagian Malaysia, supaya chetakan[2] yang kemas dan lengkap hingga tarikh yang terakhir bagi undang[2] ini dapat di-adakan untok semua orang yang berkehendakkan-nya.

76. Suatu Rang Undang[2] bagi menyatukan undang[2] tanah bagi Negeri[2] Tanah Melayu akan di-kemukakan dalam persidangan Parlimen sekarang ini.

77. Sa-orang Pakar Ranchangan Colombo akan terus berkhidmat di-Jabatan Peguam Negara bagi membantu dalam hal melateh pegawai[2] baharu dalam bahagian penggubal undang[2]. Sa-bagai suatu langkah menyusul ranchangan latehan ini, ranchangan[2] telah di-buat bagi menghantar dua orang pegawai undang[2] ka-Australia bagi mempelajari chara menggubal undang[2].

78. Kerja[2] menterjemahkan undang[2] ka-dalam Bahasa Kebangsaan ada-lah menchapai kemajuan yang memuaskan. Terjemahan Kanun Keseksaan dan Kanun Peratoran Jenayah telah pun siap dan akan di-chetak tidak berapa lama lagi. Perlembagaan Malaysia sedang di-terjemahkan sekarang. Bahagian 3 dalam Perlembagaan, ia-itu undang[2] berkenaan dengan kewarganegaraan Malaysia dan Atoran[2] yang di-buat di-bawah-nya telah pun di-terjemahkan dan di-chetak oleh Penchetak Kerajaan dalam sa-buah buku yang di-namakan "Kewarganegaraan Malaysia". Segala Borang yang di-tetapkan oleh undang[2] berkenaan dengan kewarganegaraan telah di-terjemahkan ka-dalam Bahasa Kebangsaan. Bahagian Penterjemah Jabatan ini ada-lah juga menterjemahkan berbagai[2] Borang yang di-tetapkan oleh undang[2] dan berbagai[2] dokumen[2] undangan yang lain, perishtiharan, dan sa-bagai-nya.

79. Dalam tahun 1964, Jabatan Kehakiman telah menchapai kemajuan lagi tentang soal Malayanisation. Sa-orang Hakim dagang telah bersara dan dua orang ra'ayat Malaysia ia-itu sa-orang daripada Perkhidmatan Perundangan Persekutuan dan sa-orang lagi daripada Pegawai Undang[2] Tempatan (Local Bar) telah di-naikkan pangkat ka-Jawatan Hakim.

80. Dasar menghantar lebeh banyak lagi pegawai[2] yang sedang berkhidmat ka-United Kingdom untok mengambil kelayakan[2] yang tertentu untok menjawat jawatan dalam Perkhidmatan Perundangan Persekutuan sedang di-jalankan. Empat orang Pegawai yang sedang berkhidmat ia-itu tiga orang Pengadil dan sa-orang Pendaftar, Mahkamah Tengah telah di-beri Biasiswa Kehakiman bagi tahun 1964 untok menuntut 'Ilmu Undang[2] di-United Kingdom dengan tujuan untok

di-panggil ka-English Bar. Lima orang Malaysia yang telah menerima Biasiswa Kehakiman telah balek dari United Kingdom sa-lepas lulus dalam Pepereksaan Bar Final dan telah pula di-lantek ka-Perkhidmatan Perundangan Persekutuan. Sa-lain daripada itu tujoh orang yang berkelulusan 'Ilmu Undang[2] telah juga di-lantek ka-Perkhidmatan Perundangan Persekutuan.

81. Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur telah di-perbaiki di-bawah Ranchangan Pembangunan untok mengadakan satu tambahan Bilek Mahkamah dan satu pejabat Pendaftaran Persekutuan, Mahkamah Tinggi, Malaysia. Bangunan Mahkamah Baharu di-Klang telah siap di-bena dan telah di-resmikan pembukaan-nya oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor pada 3hb April, 1965. Bangunan Mahkamah Baharu di-Kuala Trengganu sekarang sedang di-bena dan akan di-jangka siap dalam bulan Mei tahun ini. Keperluan untok menggantikan sa-bilangan daripada Bangunan[2] Mahkamah ada-lah sedang di-usahakan dan chadangan[2] mengenai hal ini telah di-masokkan ka-dalam Ranchangan Pembangunan yang kedua.

82. Bahasa Kebangsaan ada-lah sedang di-gunakan sa-luas[2]-nya di-Mahkamah[2] Rendah jika kedua[2] pehak itu berbahasa Melayu.

83. Pada tahun ini satu chawangan pejabat yang di-ketuai oleh sa-orang Penolong Amanah Raya telah di-buka di-Melaka dan pada tahun hadapan satu chawangan lagi akan di-adakan di-Seremban.

84. Sharahan[2] berkenaan dengan tugas jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Muflis telah di-adakan juga saperti tahun yang lalu dan mendapat sambutan yang memuaskan hati. Oleh kerana jabatan ini ada-lah menuntut bayaran yang rendah bagi perkhidmatan-nya kapada orang 'awam maka tiada-lah dapat bagi-nya membayar perbelanjaan-nya bersendirian.

85. Pada akhir tahun yang lepas Pemegang Amanah Raya telah di-hantar ka-Wellington, New Zealand di-bawah anjoran Ranchangan Colombo sa-lama enam minggu untok melihat keadaan di-Pejabat Pemegang Amanah Raya di-situ.

KEMENTERIAN KEBAJIKAN 'AM

86. Keperluan gulongan[2] yang tertentu dalam masharakat saperti mereka yang serba kekurangan fakir dan miskin, anak[2] yang dalam tanggongan, orang yang chachat chedera, anak[2] yang berakhlak burok dan orang[2] tua, telah terus mendapat perhatian Kementerian Kebajikan 'Am. Perkhidmatan bagi gulongan[2] ini telah berkembang maju.

87. Perkara yang penting dan menarek hati ia-lah chara[2] yang telah di-gunakan untok mengatasi masaalah[2] yang di-hadapi oleh berbagai gulongan masharakat yang di-sebutkan tadi, dengan tujuan hendak memulehkan sa-mula diri sa-sarong supaya akhir-nya dapat ia mengmbil tempat yang sewajar-nya dalam masharakat sa-bagai sa-orang ra'ayat yang berguna kapada negara dan bangsa.

88. Dalam tahun lepas empat buah ranchangan besar telah di-siapkan, ia-itu sa-buah Rumah Kanak[2], sa-buah Rumah Orang[2] Tua, sa-buah Pusat Pemulehan untok Perempuan[2] dan Gadis[2] yang mengalami kerosakan akhlak dan sa-buah Pusat Pemulehan bagi Orang[2] Chachat Anggota. Pusat Pemulehan Orang[2] Chachat Anggota itu ia-lah sa-bahagian yang penting daripada ranchangan Kementerian Kebajikan 'Am untok merawat dan melateh orang[2] yang chachat anggota dan tidak lama lagi ia akan mengambil pelateh[2] yang mula[2] sa-kali dan di-sana mereka akan menerima rawatan yang membena dan latehan pekerjaan dalam pertukangan tangan dan sa-bagai-nya supaya mereka boleh menjadi ra'ayat yang boleh berdiri di-atas kaki-nya sendiri.

89. Pekhidmatan untok budak[2] nakal dan juga untok perempuan[2] dan gadis[2] yang rosak akhlak, akan di-perluaskan lagi tahun ini. Sa-buah lagi Asrama/ Tempat tahanan bagi budak[2] nakal dan juga sa-buah Pusat Pemulehan sedang di-bena untok melindongi, menjaga dan memberi tempat tinggal kapada perempuan[2] dan gadis[2] yang terdedah kapada bahaya[2] kerosakan akhlak.

90. Kemudahan[2] latehan dalam pekerjaan yang di-selenggarakan oleh

Kementerian ini bagi Pegawai profesional telah di-lanjutkan ka-Sabah dan Sarawak dan Pegawai[2] daripada kedua[2] negeri itu telah pun mengambil peluang menggunakan kemudahan[2] ini.

91. Dalam perkara mengatasi masa-alah[2] pengemis[2] dan orang[2] merambu, undang[2] baharu yang di-namakan "Undang[2] Orang Merambu" telah pun di-mashhorkan mulai awal tahun ini. Undang[2] ini menunjokkan chara yang berperi kema'anusiaan dalam usaha menerima dan memberi perlindongan kapada pengemis[2] dan orang[2] merambu dan tujuan-nya ia-lah hendak memulehkan kesihatan mereka, menjaga maruah mereka dengan lebeh baik dan membolehkan mereka menchari nafkah. Dan lagi undang[2] ini membenarkan chara[2] menghapuskan dan mengawal pengemis[2] yang mungkin menggangu dan menyusahkan orang ramai.

92. Sokongan, nasihat dan bantuan wang telah dan akan terus di-berikan kapada pertubohan[2] sukarela yang berkhidmat dalam lapangan kebajikan masharakat, dan usaha[2] akan terus di-jalankan bagi menyatukan kerja[2] pertubohan[2] itu supaya tidak membadzir membelanjakan wang.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

(A) 'Am

93. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan telah di-tubohkan pada 16hb Mei, 1964. Oleh kerana Kementerian ini ada-lah satu Kementerian yang baharu maka sa-bahagian besar daripada usaha[2] yang di-jalankan dalam tahun 1964 ada-lah berkenaan dengan mengator dan menyusun Kementerian ini; dan menggubal satu dasar yang lengkap supaya tujuan hendak mengembangkan kebudayaan, belia dan sokan itu dapat di-laksanakan dengan jayanya.

(B) Kebudayaan

94. Sa-belum Kementerian ini di-tubohkan hal ehwal kebudayaan pada 'am-nya tidak-lah di-selenggarakan oleh sa-suatu Kementerian yang tertentu. Dengan sachara tidak resmi Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah menjalankan gerakan[2] kebudayaan saperti tarian[2] dan bunyi[2]an.

95. Dalam tempoh 16hb Mei tahun 1964 hingga akhir tahun itu Kementerian ini telah menghantar satu rombongan mengandongi 28 orang pelateh daripada Pusat Latehan Belia Kementerian ini di-Kuala Kubu melawat kabeberapa bandar di-Sabah dan Sarawak bagi menunjokkan tarian[2] Kebudayaan Asli Melayu. Lawatan[2] ini sangat-lah berjaya sa-hingga beberapa permintaan telah di-terima oleh Kementerian ini supaya menghantar satu lagi rombongan ka-sana.

96. Dalam bahagian seni lakun, Kementerian ini telah menunjokkan satu lakunan cherita sejarah bernama "Laila Sari" yang telah di-pentaskan oleh ahli[2] Kumpulan Drama Maktab Perguruan Bahasa. Pementasan ini telah di-saksikan oleh Duli[2] Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dan jua Perdana Menteri Malaysia dan isteri-nya. Pendapatan daripada pementasan[2] ini telah di-dermakan kapada Tabong Pertahanan Negara dan juga Tabong Kebudayaan Kementerian ini.

97. Balai Seni Lukis Negara dan juga Majlis Kesenian Malaysia (Act Council Malaysia) telah mengadakan beberapa Pameran Senia dalam tahun 1964.

98. Lembaga Amanah yang baharu bagi Balai Seni Lukis Negara telah mula menjalankan tugas-nya pada 1hb Mei, 1964 dan telah mengadakan meshuarat-nya yang pertama pada 21hb September, 1964. Meshuarat itu telah di-buka oleh Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan. Tanah tapak bagi Balai Seni Lukis Negara telah didapati di-Kawasan Kebun Bunga Kuala Lumpur dan tempat itu telah pun di-persetujui oleh Perdana Menteri yang juga menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan.

99. Oleh kerana Kerajaan hendak menggalakkan berbagai[2] kaum di-Malaysia ini bersatu padu maka Kerajaan meranchangkan supaya dalam tahun 1965 Kementerian ini akan dapat menghidupkan sa-mula Tarian[2] dan Bunyian[2] Asli Malaysia dengan tujuan hendak menanam dalam hati ra'ayat Malaysia akan perasaan sayang kapada Kebudayaan Malaysia.

(C) Belia

100. Pusat Latehan Belia Kebangsaan di-Peretak, Kuala Kubu Bharu telah di-buka dengan resmi-nya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29hb November, 1964. Satu lagi Pusat Belia untok berbagai[2] kegunaan telah di-buka pada 10hb April, 1964 di-Kampong Pandan. Pusat ini ia-lah bagi faedah Belia khas-nya yang tinggal di-bandar Kuala Lumpur dan di-sekeliling-nya dan 'am-nya yang tinggal dalam Negeri Selangor. Di-harapkan beberapa buah Pusat lagi akan dapat di-adakan di-Negeri[2] lain di-Malaysia ini.

101. Di-dalam Negeri[2] Tanah Melayu sahaja 46 Kelab[2] Belia telah di-tubohkan dalam tahun 1964. Oleh hal yang demikian jumlah Kelab[2] Belia yang telah di-tubohkan di-Negeri[2] Tanah Melayu ia-lah 1,011 buah. Pada 'am-nya bertambah ramai orang yang tertarek hati kapada kerja[2] mengenai Belia dan Kelab[2] Belia dan pertubohan[2] Belia Kebangsaan telah bertambah maju dan kuat.

102. Kerajaan mengutamakan kerja[2] berkenaan dengan belia dan dengan yang demikian memberi lebeh banyak lagi galakan dan perhatian kapada usaha[2] mengembangkan lagi perkhidmatan belia melateh orang[2] muda membuat sa-suatu kerja supaya lebeh banyak lagi peluang bagi mereka mendapat pekerjaan; dan melateh mereka menjadi pemimpin untok menanam semangat bertanggong-jawab kapada masharakat kapada belia negeri ini supaya dengan yang demikian dapatlah mereka mengambil peranan yang tegas dalam pembangunan dan kehendak[2] negara. Untok menchapai tujuan yang tersebut, ada-lah di-harapkan bahawa satu Pasokan Pelupor Belia dapat di-tubohkan dan satu perkemahan latehan tempat menjalankan latehan[2] kilat istimewa dapat di-adakan.

(D) Sokan

103. Perbinchangan[2] telah di-adakan dengan badan[2] sokan dan Kerajaan[2] Negeri untok menchari jalan yang baik sa-kali bagi Kementerian ini menjalankan usaha-nya hendak menggalakkan gerakan[2] sokan dan meninggikan lagi mutu sokan pada 'am-nya. Antara beberapa gerakan yang telah di-jalankan oleh badan[2] Sokan Kebangsaan yang terkemuka sa-kali ia-lah perlawanan Olah Raga Seluroh Malaysia yang telah di-adakan di-Seremban pada bulan Ogos, 1964 dan di-buka oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; Pertandingan Bola Sepak Malaysia; menghantar satu pasokan mengandongi 109 orang peserta mewakili Malaysia ka-Tokyo Olympic dan jua menghantar satu pasokan mengandongi empat orang peserta mewakili Malaysia ka-Pertandingan Golf Piala Eisenhower di-Rome.

104. Kementerian ini jua telah membolehkan Majlis Kebajikan dan Sokan Anggota[2] Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengadakan Johan Tahunan Olah Raga yang kedelapan dan juga menjalankan segala ranchangan[2]-nya bagi tahun 1964. Di-antara ranchangan[2] lain majlis ini ranchangan perumahan-lah yang termustahak sa-kali.

(E) Perumahan

105. Dengan tujuan supaya semua anggota Kerajaan di-segala tingkatan boleh mempunyai rumah-nya sendiri, maka Majlis Kebajikan dan Sokan Anggota[2] Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini telah mula mendirikan sa-banyak 277 buah rumah di-Padang Tembak dan di-Diana Estate dalam Negeri Selangor. Bagi menjayakan ranchangan ini dengan lebeh tegas lagi maka Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai[2] Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu Berhad telah di-tubohkan dan Sharikat ini telah pun membuat ranchangan[2] untok membena lebeh kurang 2,611 buah rumah di-Johor Bahru, Sungei Way di-Selangor dan di-Pulau Pinang. Sharikat ini berchadang hendak menjalankan juga ranchangan[2]-nya di-Negeri[2] lain dalam Tanah Melayu ini dalam tahun 1965.

(F) Muzium Negara

106. Muzium Negara terus menjadi tempat yang menarek sa-kali bagi pelawat[2] ka-Kuala Lumpur. Sa-hingga akhir tahun 1964 tiada kurang daripada 663,554 orang terdiri daripada ra'ayat Malaysia dan jua pelanchong[2]

dari negeri[2] asing yang melawat-nya ia-itu hetong panjang 55,296 orang sa-bulan. Kebanyakan-nya daripada pelawat[2] ini ia-lah kanak[2] sekolah. Chadangan hendak mengadakan Perkhidmatan Pinjaman Sekolah ia-itu meminjamkan kapada sekolah[2] pameran bagi mengajar sejarah dan kebudayaan Malaysia tiada dapat di-jalankan dalam tahun 1964 kerana kekurangan wang. Walau bagaimana pun ranchangan ini akan di-utamakan dalam ranchangan Muzium dan akan di-jalankan apabila sahaja wang bagi-nya di-dapati.

107. Oleh kerana hendak menarek perhatian orang ramai kapada kerja[2] yang di-jalankan oleh Muzium itu maka beberapa[2] pameran sementara telah di-adakan. Di-antara-nya ia-lah "Pameran Kain[2] Lama dari India" "Pameran Tawarikh yang telah ghaib" dan "Pameran Persekutuan Kajian Samula Jadi Tanah Melayu".

108. Usaha[2] bagi memajukan bahagian Kajian Sa-mula Jadi telah tergendala dalam tahun 1964 tetapi usaha[2] ini akan di-lipat gandakan dalam tahun 1965. Dalam pada itu pun Bahagian ini telah giat berusaha mengumpul dan menyediakan barang[2] yang akan di-pamerkan di-dalam Bahagian itu. Bahagian ini juga sedang berhubong rapat dengan Jabatan Margastua, Taman Haiwan dan Persatuan Kajian Sa-mula Jadi Tanah Melayu, kerana kerja badan[2] ini dan kerja Bahagian ini ada kena-mengena.

109. Bagi pertama kali-nya dalam sejarah Jabatan Muzium sa-orang Pegawai Malaysia telah di-lantek memangku jawatan Pengarah Muzium. Sa-orang lagi pegawai Malaysia telah di-lantek memegang jawatan dalam Bahagian Barang[2] Purba. Kedua[2] pegawai ini mempunyai kelulusan yang chukup sa-telah mereka mendapat ijazah dari England. Walau bagaimana pun bilangan kaki-tangan yang terlateh dalam bahagian teknik tiada-lah menchukupi tetapi sunggoh pun begitu kaki-tangan[2] yang ada sekarang sentiasa sebok mengelokkan lagi pameran barang[2] yang ada sekarang dan menyediakan barang[2] baharu bagi di-tambah dalam semua bahagian.

110. Sa-jumlah 307 barang[2] telah di-dapati dalam tahun 1964, 23 daripada-nya telah di-dermakan oleh orang ramai. Di-harapkan banyak lagi orang ramai akan mendermakan barang[2] kebudayaan dan bersejarah kapada Muzium ini. Barang[2] purba telah di-jumpai di-dua tempat; di-Selangor kepala gong Gangsa Dong'son dan manek[2] telah di-jumpai dalam tanah dan di-Muar Johor serpehan[2] tembikar Ming telah di-jumpai.

111. Jabatan Muzium juga telah membantu Muzium Negeri Sembilan dan Muzium Negeri Kedah meranchang pameran[2] mereka dan mengator barang[2] pameran itu supaya lebeh elok di-pandang. Muzium Pulau Pinang yang di-buka pada bulan April tahun 1965 telah juga di-bantu tentang bagaimana hendak mengator barang[2] pameran.

112. Satu Jema'ah Penyelenggara Yang Kehormat telah di-tubohkan. Ahli[2]-nya terdiri daripada beberapa orang kaki-tangan Universiti Malaya, daripada beberapa orang pegawai Pusat Penyelidekan Perubatan dan beberapa orang daripada sharikat[2] perniagaan yang chenderong dan chergas dalam lapangan[2] yang tertentu sa-umpama malakologi, numismatics, barang[2] purba dan kajian sa-mula jadi. Persatuan Muzium Malaysia yang di-tubohkan itu memberi peluang menjadi ahli-nya kapada mereka yang chergas bekerja dengan Muzium[2] dan mereka yang sentiasa mengikut dengan penoh minat apa[2] lapangan yang di-usahakan oleh Muzium.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Peranchang Bandar dan Kampong

113. Pada awal tahun ini Chawangan Peranchang Bandar bagi Negeri Kedah/Perlis telah berpisah daripada Pejabat Pulau Pinang dan berpindah ka-Pejabat baru-nya di-Alor Star. Dengan pembukaan-nya, maka Jabatan ini telah menghampiri matalamat-nya menubohkan pejabat-nya di-tiap[2] negeri di-seluroh Tanah Melayu.

114. Salah satu daripada peranan[2] baru Jabatan ini ia-lah untok mengadakan

suatu Pelan Besar mengenaï Penggunaan Tanah Negara di-Tanah Melayu dengan tujuan lama kelamaan mengadakan Pelan saperti itu untok seluroh Malaysia. Langkah utama bagi menchapai maksud ini telah pun di-jalankan dalam tahun ini dengan mengadakan rangka Pelan[2] Pembangunan Negeri bagi tiap[2] negeri. Chadangan[2] telah di-buat untok menyusun sa-mula Jabatan ini dengan mengadakan Jabatan Negeri/Kawasan bagi memudahkan kerja membuat Pelan[2] Pembangunan Negeri yang lengkap. Pada akhir-nya pelan[2] ini akan di-satukan untok di-jadikan Pelan Besar mengenaï Penggunaan Tanah Negara.

115. Shor[2] bagi mengadakan undang[2] peranchang telah di-kemukakan bagi mengatasi kelemahan[2] yang ada di-dalam undang[2] yang ada sekarang ini. Salah satu daripada shor[2] itu ia-lah mengadakan sharat supaya Kerajaan[2] Negeri itu di-jadikan pehak[2] yang berkuasa mengenaï peranchangan dan bertanggong-jawab menyediakan dan menggubal Pelan[2] Pembangunan Negeri mereka sendiri sa-laras dengan dasar[2] Kerajaan Pusat. Undang[2] juga akan di-buat untok menchegah perbuatan menjual-beli tanah dengan maksud hendak menchari untong besar.

116. Suatu chontoh pelan mengenaï penempatan bagi Kawasan Lembah Klang, sa-buah kawasan yang paling mustahak dalam negeri ini, dalam mana terletak Ibu Kota Negara telah di-persetujuï oleh Jawatan-kuasa Kawasan Lembah Klang. Untok memudahkan kerja[2] peranchangan Ibu Kota, Pejabat Peranchang Perbandaran Ibu Kota telah di-gabongkan dengan Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong (Ibu Pejabat) pada awal tahun ini. Kerajaan berharap bahawa Pelan Besar bagi Ibu Kota Kuala Lumpur akan dapat di-adakan untok menggantikan Pelan Perbandaran yang lama yang telah di-ishtiharkan pada tahun 1939.

117. Pada akhir tahun yang lalu dengan bantuan dari luar, suatu pengukoran kawasan dan pelan-nya telah dapat di-selesaikan bagi kawasan Pulau Pinang dan Butterworth. Langkah untok menyediakan pelan[2] ini telah kena pada masa-nya untok memberi panduan dalam ranchangan pembenaan Pelabohan Butterworth.

118. Dalam bidang pembangunan luar bandar, Jabatan ini telah memberi kerjasama-nya dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bagi menaksir dan menilai chadangan[2] yang di-buat oleh Pakar[2] untok mengadakan suatu Pelan Besar bagi ranchangan kawasan yang mustahak di-Jengka Triangle di-Pahang. Bantuan Peranchang telah juga di-beri saperti biasa kapada Lembaga ini dalam berbagai[2] ranchangan-nya yang lain di-seluroh negara.

Perkhidmatan Bomba

119. Memandang kapada keadaan dzarurat sekarang ini, Jabatan Pemereksa Perkhidmatan Bomba berserta dengan Pasokan[2] Bomba Negeri dan Perbandaran telah mengkaji akan kesanggopan-nya untok menghadapi tindakan musoh saperti kebakaran yang di-lakukan oleh penyusup[2] pehak musoh atau pun serangan udara sa-chara besar[2]an. Oleh itu adalah perlu menambah lagi bilangan anggota biasa serta alat[2] kelengkapan. Di-samping itu Jabatan ini telah juga meranchang hendak menubohkan satu pasokan sukarela bomba sa-bagai satu pasokan dalam pertahanan 'awam. Kira[2] 1,000 orang Setia Negara sedang mendapat latehan[2] chara[2] menggunakan alat[2] pemadam api dari Jabatan ini. Peruntokan wang telah di-sediakan bagi Jabatan ini untok membeli alat pemadam api yang sesuai untok di-gunakan dalam menghadapi keadaan berperang.

120. Jabatan ini telah juga meneruskan usaha menchegah kebakaran dan memereksa Bangunan[2] Kerajaan Persekutuan dan memberi nasihat chara[2] hendak menjauhi kebakaran di-projek[2] baharu Kerajaan Persekutuan. Pemereksaan juga telah di-lakukan kapada 104 buah pasokan (unit) tentera. Jabatan ini telah memberi nasihat kapada Kerajaan Negeri untok melengkapkan sa-mula Pasokan Bomba Negeri. Tindakan sedang di-ambil sekarang bagi menyusun sa-mula Sekolah Pusat Latehan Bomba dan

mendapatkan jurulateh[2] yang berkelayakan untok mengajar di-Pusat Latehan itu. Jabatan ini berchadang hendak mengkaji dan mengujudkan suatu susunan perkhidmatan baharu bagi Perkhidmatan Bomba.

Pesurohjaya Ibu Kota

121. Majlis Perbandaran Ibu Kota sentiasa memberi perkhidmatan[2] yang chukup baik kapada orang ramai di-Kuala Lumpur dan di-mana[2] yang boleh keadaan[2]-nya ada-lah di-perbaiki lagi dari masa ka-samasa. Orang ramai telah bertambah[2] banyak menggunakan ke-enam[2] buah Kelinik Kesihatan bagi Ibu[2] dan Kanak[2] yang di-bena di-Ibu Kota itu. Oleh sebab ada-nya keadaan kesihatan yang baik, maka penyakit malaria telah tidak terdapat lagi.

122. Pada tahun 1963 suatu badan pakar[2] penasihat lalu-lintas telah di-bentok untok mengkaji keadaan lalu-lintas di-Ibu Kota dan kajian ini telah pun selesai dalam tahun 1964. Tujuan kajian ini ia-lah untok melegakan keadaan sibok di-jalan[2] raya dan memperbaiki lagi peratoran lalu-lintas jalan raya. Shor[2] dari penyiasatan itu yang menggunakan perbelanjaan yang kechil telah di-laksanakan. Oleh sebab ranchangan[2] yang besar itu memakan belanja yang besar, maka pehak Majlis Perbandaran Ibu Kota sedang membuat ranchangan yang lengkap untok menyelenggarakan-nya dalam tempoh 20 tahun.

123. Ranchangan saloran membuang najis sedang di-perluaskan, sa-takat ini paip saloran sa-panjang 50 batu telah pun terpasang dengan menelan belanja kira[2] $20,000,000.

124. Di-antara ranchangan[2] yang di-laksanakan oleh Perbandaran Ibu Kota ini terdapat dua buah ranchangan yang patut sa-kali di-beri pujian ia-itu pembenaan Pasar Borong di-Jalan Maxwell dan Kolam Mandi di-Jalan Weld. Perbelanjaan bagi membena semua bangunan yang baharu ini berjumlah $2,881,000.

Ranchangan Perumahan

125. Untok permulaan Kerajaan telah menguntokkan wang sa-banyak $50 juta bagi menjalankan dasar Kerajaan menyediakan rumah[2] bagi orang[2] yang berpendapatan kechil dan pada 'am-nya dengan tujuan hendak melegakan masaalah kekurangan rumah. Dasar Kerajaan ia-lah menggalakkan supaya semua lapisan ra'ayat dapat mempunyai rumah[2] mereka sendiri. Dengan berasaskan kapada dasar ini maka ranchangan perumahan akan menjadi satu daripada ranchangan pembangunan yang mustahak dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Lima Tahun Yang Pertama.

KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

A. Jabatan Kerja Raya

126. Pada tahun yang lalu Jabatan Kerja Raya telah menchapai kejayaan yang chemerlang dalam melaksanakan dasar Kerajaan berkenaan dengan kemajuan. Sa-kali lagi Jabatan ini mengusahakan dan menyempurnakan beberapa banyak kerja dalam ranchangan kerja raya sunggoh pun tenaga[2]-nya berkurang.

127. Dalam tahun 1964 jalan[2] luar bandar yang di-bena dalam tahun[2] yang lalu telah di-elokkan lagi, ia-itu sa-tengah daripada-nya telah di-tambak dan banyak lagi jalan[2] baharu telah di-bena.

128. Satu usaha yang besar bagi mengelokkan jalan antara Slim River dengan Trolak telah di-siapkan. Di-Pantai Timor, semua feri, kechuali yang di-Kuala Trengganu telah digantikan dengan jambatan[2] kekal daripada simen berikat besi. Ada-lah diharapkan bahawa satu jambatan simen berikat besi akan siap di-bena di-Pulau Rusa, Kuala Trengganu dalam beberapa bulan lagi.

129. Dalam tahun yang lalu kontrek[2] telah pun di-beri untok membena jambatan[2] di-Prai, Batu Pahat dan Muar dan Empang Ayer di-Juru. Kerja[2] membena jambatan[2] dan empangan itu sedang di-jalankan.

130. Satu jalan besar yang menyimpang dari Jalan Sultan Hishamuddin dan lalu di-belakang Bangunan Persekutuan hingga ka-jalan berkeliling Jalan Swettenham/Jalan Parlimen telah

di-siapkan dan di-buka pada penghujong tahun lalu. Jalan ini ia-lah sa-bahagian daripada Jalan Terus baharu bagi Kuala Lumpur.

131. Di-Subang, kerja pembenaan Lapangan Terbang baharu, ia-itu satu projek yang terbesar yang di-usahakan oleh Jabatan Kerja Raya, sedang berjalan dengan baik-nya dan di-jangka Lapangan Terbang itu akan dapat di-gunakan lewat pada tahun ini.

132. Ranchangan[2] besar bagi bekalan[2] ayer yang dalam pembenaan pada tahun yang lalu termasok ranchangan[2] di-Alor Star, Krian, Dindings, Perak Selatan, Damansara, Sabak Bernam, Seremban dan Kuala Lumpur dan antara-nya ranchangan Bekalan Ayer Krian telah di-siapkan pada akhir tahun yang lalu. Dalam tahun 1964 ayer yang chukup di-champorkan dengan ubat telah di-adakan bagi 14 buah ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan yang berubat sa-paroh sahaja bagi 3 ranchangan dan dalam pada itu siasatan dan rekaan telah juga di-usahakan untok memberi ayer paip kapada ranchangan[2] Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang lain.

133. Sa-lain daripada ranchangan[2] bekalan ayer yang telah di-laksanakan itu, siasatan[2] untok mengetahui berapa banyak ayer yang di-perlukan dan mengetahui berapa banyak puncha[2] ayer yang ada di-dapati di-Negeri Selangor dan Negeri Melaka telah di-jalankan.

134. Dalam tahun 1964 Bahagian Kerja[2] Pelajaran dalam Jabatan Kerja Raya telah menyiapkan 1,053 buah bilek[2] darjah Sekolah dan 350 buah rumah guru[2] sekolah kawasan luar bandar. Dalam pada itu kerja membena Sekolah Teknik Yang Kedua di-Pulau Pinang dan 3 buah Sekolah Pertukangan Teknik di-Pahang telah banyak maju. Belanja membena sekolah[2] teknik itu berjumlah $5,600,000.

135. Pada akhir[2] tahun yang lalu 86 projek[2] Sekolah Anika Jurusan yang memakan belanja sa-banyak $21,900,000 telah di-lancharkan sa-bagai ranchangan tergempar dan kerja membena sekolah[2] itu telah banyak maju.

136. Bahagian Kerja[2] Angkatan Bersenjata dalam Jabatan Kerja Raya, sa-lain daripada bertanggong-jawab bagi melaksanakan ranchangan kerja[2] raya Kementerian Pertahanan dalam Negeri[2] Tanah Melayu, ada-lah juga bertanggong-jawab pada melaksanakan projek[2] sa-umpama itu di-Singapura, Sabah dan Sarawak dengan pertolongan daripada Jabatan Kerja Raya di-Negeri[2] ini.

137. Dalam tahun ini antara kerja[2] dalam ranchangan yang di-usahakan bagi Angkatan Bersenjata termasok mengadakan bangunan[2] teknik dan rumah[2] kediaman umpama-nya Sekolah Latehan Penerbangan di-Alor Star dan menyiapkan Sungei Besi Cantonment dan memulakan pembenaan Pengkalan Angkatan Laut di-Singapura.

138. Bagi Jabatan Perubatan, Jabatan Kerja Raya telah mengusahakan berbagai[2] ranchangan pembenaan yang besar. Antara-nya yang patut di-sebut ia-lah Ma'amal Kimia Ubat dan Setor Besar Perubatan di-Petaling Jaya yang memakan belanja $5,000,000.

139. Bangunan[2] Pejabat Kerajaan Federal di-Kota Bahru, Alor Star dan Kangar telah di-siapkan dan dengan siap-nya bangunan[2] itu tiada-lah susah sangat lagi menchari tempat untok pejabat[2] di-bandar[2] ini.

140. Lain[2] projek[2] pembenaan yang telah di-siapkan termasok bangunan Jabatan Chetak Kerajaan di-Ipoh, Pusat Latehan Pimpinan Belia Negara di-Kuala Kubu Bharu, bangunan baharu bagi Pejabat Laut di-Port Swettenham, bangunan baru bagi Pejabat Ukor di-Kuantan dan bangunan[2] Pejabat Pos di-Kangar, Pekan, Rasa dan Penggarang.

B. Jabatan Perkhidmatan Pos

141. Jabatan Perkhidmatan Pos di-Negeri[2] Tanah Melayu terus meningkat maju. Dalam tahun 1964, empat buah bangunan baharu bagi Pejabat Pos telah siap dan di-buka, ia-itu di-Rasa, Penggarang, Kangar dan Pekan. Sa-buah Pejabat Pos telah pula di-buka di-Pulau Carey. Empat puloh dua buah Wakil Pos telah di-buka dan lima buah

lagi Pejabat Pos Bergerak di-adakan untok berkhidmat di-kawasan[2] luar bandar. Juga sa-buah Wakil Pos Sungai telah di-buka.

142. Dalam tahun 1965 ini, tiga buah Pejabat Pos baharu yang mula di-bena pada tahun 1964 akan siap tidak berapa lama lagi. Lapan belas buah lagi Pejabat Pos ada-lah di-ranchangkan hendak di-bena dalam tahun ini. Bagi kawasan[2] luar bandar pula, ada-lah di-ranchangkan hendak membuka 40 buah lagi Wakil Pos dan menambah lima buah lagi Pejabat Pos Bergerak.

143. Usaha memajukan Perkhidmatan Pos di-Negeri Singapura ada-lah berasaskan kapada Ranchangan Pembangunan Empat-Tahun bagi tahun 1961 hingga 1964.

144. Dengan siap-nya Ranchangan itu dalam tahun 1965 ini, Negeri Singapura akan mempunyai 42 buah Pejabat Pos, 24 buah daripada-nya ada-lah Pejabat[2] Pos Penyampai. Buat tahun 1965 pula, ranchangan telah pun di-ator untok membuka lagi Wakil[2] Pos tetapi pelaksanaan ranchangan ini bergantong-lah kapada dapat atau tidak-nya orang[2] yang sesuai untok menjadi Wakil[2] itu.

C. Jabatan Talikom

145. Pada tahun yang lalu telah dapat di-saksikan kemajuan yang besar di-Malaysia dalam lapangan perhubongan talipon antara bangsa.

146. Titah Uchapan di-Raja dalam Parlimen pada tahun yang lalu menyebutkan bahawa satu daripada kemajuan[2] besar yang akan di-chapai dalam lapangan talikom ia-lah hal melancharkan sistem SEACOM (South East Asia Commonwealth Telephone Cable) di-antara Singapura dengan Jesselton dan Hongkong.

147. Bagi bahagian Singapura-Jesselton kabel ini telah pun di-lancharkan mulai daripada 15 haribulan Januari, 1965 dan bahagian Jesselton-Hongkong pada 31 haribulan Mach, 1965. Dengan siap-nya bahagian Singapura-Jesselton itu pertalian di-antara Timor dengan Barat Malaysia telah menjadi kuat lagi dan perdagangan akan mendapat faedah yang besar. Bagi bahagian Jesselton-Hongkong akan di-adakan jenis Serkit Talipon yang tertinggi di-antara Malaysia dengan Hongkong. Ini sa-benar-nya ada-lah satu langkah yang besar dalam usaha kita hendak mengelokkan lagi perhubongan talikom antara bangsa.

148. Satu lagi kemajuan yang besar dalam perhubongan talikom antara bangsa ia-lah pembelian harta[2] Sharikat Cable dan Wireless Berhad di-Singapura oleh Kerajaan. Sharikat Cable dan Wireless Berhad dahulu-nya telah menjalankan segala serkit[2] taligerap dari luar negeri yang penting ka-Singapura dan daripada Negeri Singapura ka-luar negeri sa-belum 1 haribulan Januari, 1965 dan ada-lah mustahak bagi kepentingan Negara semua perkhidmatan[2] luar negeri itu di-letakkan dalam kawalan Kerajaan betul[2].

149. Kemudahan[2] talikom dalam Malaysia telah bertambah maju. Kemajuan telah juga di-chapai pada mengelokkan lagi perhubongan talipon di-Sabah dan Sarawak. Ranchangan[2] kemajuan bagi mengelokkan lagi perhubongan[2] talipon di-Sabah dan Sarawak telah pun di-luluskan oleh Kerajaan. Ranchangan[2] ini akan memakan belanja berjuta[2] ringgit dan akan membolehkan Kerajaan mengelokkan lagi perhubongan[2] talipon dalam negeri di-Negeri Sabah dan Negeri Sarawak khas-nya di-bandar[2] besar saperti Sandakan, Tawau, Sibu, Miri dan lain[2]. Bantuan telah juga di-beri kapada Negeri[2] di-Malaysia Timor dengan mengadakan pakar[2] Bangsa[2] Bersatu dan pegawai[2] Jabatan daripada Tanah Melayu yang di-hantarkan ka-Negeri[2] itu untok melaksanakan projek[2] khas.

150. Di-Malaysia Barat, dasar Kerajaan ada-lah sentiasa hendak mengelokkan lagi kemudahan[2] talikom di-kawasan yang kurang maju. Dengan tujuan ini satu ranchangan microwave sedang di-adakan untok perhubongan antara Negeri[2] di-Pantai Timor dengan Negeri[2] di-Pantai Barat. Perhubongan microwave ini akan mengadakan jenis serkit[2] talipon yang tertinggi.

151. Ibusawat[2] yang beroperator di-Negeri[2] Pantai Timor, dan juga di-Negeri[2] Pantai Barat akan di-jadikan

otomatik. Dengan yang demikian National Subscriber Trunk Dialling Scheme akan dapat di-pakai di-seluroh negeri.

152. Kemajuan telah banyak juga di-chapai dalam lapangan talivishen. Sekarang penuntun[2] talivishen di-Pantai Barat Tanah Melayu dari Singapura dan Johor Baharu hingga-lah ka-Kangar dapat melihat ranchangan[2] siaran talivishen. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan hendak menyampaikan perkhidmatan talivishen ka-Pantai Timor dengan sa-berapa segera; sadikit sa-banyak kemajuan mengenai projek ini akan di-chapai sa-belum akhir tahun ini.

D. Jabatan Kawasan, Malaysia Timor

153. Jabatan Pos dan Talikom di-Malaysia Timor terus berjalan dengan maju-nya. Di-Negeri Sarawak khas-nya telah mula di-dapati hasil[2] daripada usaha[2] membuat ranchangan pada tahun[2] yang lalu. Ranchangan Kemajuan telah di-mulakan di-Negeri itu pada tahun 1964. Peranchangan bagi tahun[2] yang lalu sedang mendatangkan hasil[2]-nya. Di-Negeri Sabah pula, usaha[2] membuat ranchangan di-jalankan pada tahun 1964 dan Ranchangan Kemajuan mula di-jalankan dalam tahun 1965.

154. Beberapa projek yang telah di-siapkan pada tahun yang lalu menunjokkan kemajuan yang telah di-chapai. Tiga buah bangunan Pejabat Pos dan Ibusawat Talipon Otomatik dan juga tujoh buah lagi yang kechil telah di-siapkan. Lapan buah Ibusawat Talipon Luar Bandar telah siap dan di-jalankan dengan bersambongan dengan tiga buah Ibusawat yang besar. Kabel[2] dalam tanah berkaitan dengan Ibusawat[2] baharu itu telah siap di-pasang di-enam tempat dan juga alat[2] chabang radio baharu yang akan mengelokkan lagi perhubongan pada empat jalan yang berkait dengan usaha memajukan tiga buah steshen pengulang baharu di-kemunchak bukit.

155. Barangkali kemajuan yang paling besar dalam tahun 1964 ia-lah penyiapan South East Asia Commonwealth Cable yang menyambong Ibusawat di-Jesselton dengan Singapura dan Negeri[2] Tanah Melayu.

156. Meskipun kemajuan telah di-chapai dalam tahun 1964 tetapi masaalah yang besar maseh ada ia-itu kekurangan kaki-tangan di-semua perengkat dan keadaan ini ada-lah bertambah rumit oleh sebab Perkhidmatan[2] Talikom makin bertambah dan oleh sebab perkhidmatan[2] yang mustahak dalam masa Dzarurat.

157. Bagi melaksanakan dasar Kerajaan yang telah di-tetapkan pada tahun yang lalu hendak meluaskan kemudahan[2] talikom yang ada sekarang di-Barat Malaysia ka-Negeri[2] Borneo, maka suatu ranchangan kemajuan bagi mengadakan kemajuan talikom dan pos yang memakan belanja hingga $26,000,000 telah di-susun di-Sabah bagi tempoh 1965 hingga 1970 yang hendak di-masokkan ka-dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia tahun 1966-1970. Bagitu juga di-Sarawak telah di-buat shor[2] yang di-chadang hendak di-masokkan ka-dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia tahun 1966-1970 dan shor[2] itu akan di-kaji dengan menimbangkan seluroh Ranchangan Pembangunan Malaysia itu.

158. Bagi Wilayah[2] Borneo telah di-chadangkan hendak mengadakan perhubongan panggilan jauh yang bermutu tinggi untok memajukan asas sistem yang boleh di-perbesarkan supaya semua pusat[2] talipon boleh di-sambongkan kapada Kabel SEACOM dan Malaysia Barat.

159. Bersama[2] dengan tujuan hendak mengadakan perhubongan panggilan jauh itu Ibusawat[2] besar dan kechil akan di-majukan lagi dan perengkat[2] pertama akan di-mulakan.

160. Ada-lah di-jangka Perkhidmatan[2] Pos akan maju sa-bagaimana Perkhidmatan[2] Talikom juga dan Pejabat[2] Pos baharu telah di-ranchangkan sa-bagaimana yang di-kehendakki. Perkhidmatan Pos di-luar bandar akan di-majukan terutama sa-kali dengan mengadakan Wakil[2] Pos baharu sa-berapa yang dapat sa-bagaimana yang di-kehendakki dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

KEMENTERIAN KESIHATAN

161. Ikhtiar[2] menchegah penyakit dan memperbaiki lagi keadaan kesihatan pendudok[2] pada 'am-nya akan terus di-beri keutamaan dalam Kementerian ini. Sa-kali pun begitu usaha memperbaiki, memperluas dan menambah kemudahan[2] mengubati penyakit[2] di-rumah[2] sakit akan juga di-teruskan.

162. Keadaan kesihatan orang ramai sa-makin bertambah baik. Angka kematian dalam tahun 1963 ia-lah 89 orang bagi tiap[2] 10,000 orang pendudok, berbanding dengan 93 orang bagi tiap[2] 10,000 orang dalam tahun 1962. Angka kematian kanak[2] telah juga berkurangan ia-itu 57 orang bagi tiap[2] 10,000 kanak[2] yang lahir hidup dalam tahun 1963, berbanding dengan 59 orang dalam tahun 1962. Bila di-bandingkan dengan tahun 1957, angka[2] kematian tersebut itu bagi tahun 1963 telah kurang 28 peratus bagi orang[2] dewasa dan 24 peratus bagi kanak[2].

163. Langkah[2] mengawas dan mengawal masok-nya penyakit[2] berjangkit saperti penyakit chachar, wabak ta'un, dan sa-umpama-nya ka-negeri ini ada-lah di-jalankan dengan bersunggoh[2]. Sa-kali pun di-jalankan langkah[2] tersebut, Malaysia telah di-serang oleh wabak ta'un saperti juga dengan beberapa buah negeri lain di-Asia Tenggara ini, semenjak bulan Mei, 1963.

164. Wabak muntah chirit yang telah berlaku di-Kedah dan Perlis dalam bulan Disember 1963, telah dapat di-kawal dengan penoh-nya dalam bulan Jun 1964, dan negeri[2] ini telah di-ishtiharkan bebas daripada wabak tersebut. Kesemua-nya sa-kali ada 111 kejadian orang terkena penyakit itu dan 18 orang telah mati kerana-nya. Dalam bulan April 1964 wabak muntah chirit telah juga berlaku di-Negeri[2] Kelantan, Trengganu dan Pahang, melibatkan sa-jumlah 409 orang terkena penyakit dan 127 orang mati. Angka[2]-nya ada-lah saperti di-bawah ini:

	Orang terkena penyakit	Kematian di-Rumah Sakit	Kematian di-Kampong	Jumlah
Kelantan ...	69	2	19	21
Trengganu ...	297	21	80	101
Pahang ...	43	2	3	5

165. Di-beberapa kawasan, lebeh[2] lagi di-Negeri Trengganu, oleh sebab kejahilan dan keengganan orang datang berubat di-rumah sakit, ramai pendudok[2] telah tidak melaporkan berlakunya penyakit ta'un di-kampong[2] atau di-rumah[2] mereka itu dan dengan demikian tergendala-lah ikhtiar mengawal dan menchegah wabak ta'un itu, lebeh[2] lagi pada awal-nya. Dengan demikian beberapa kejadian penyakit telah tidak di-ketahui, dan bilangan ini tidak-lah terkandong di-dalam angka[2] di-atas itu. Kematian[2] yang berlaku di-kampong[2] ia-lah di-antara mereka yang tidak menerima rawatan, dan mereka di-dapati mengidap penyakit muntah chirit itu hanya-lah sa-lepas mayat mereka di-pereksa Negeri[2] di-Pantai Timor ini telah di-ishtiharkan bebas daripada wabak penyakit muntah chirit itu dalam bulan Januari, 1965.

166. Usaha mengembangkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di-kawasan[2] luar bandar telah menchapai kejayaan yang sangat[2] memuaskan. Bilangan Pusat[2] Kesihatan dan Kelinik[2] yang telah siap di-bena pada akhir tahun 1964 di-bawah Ranchangan Kesihatan Luar Bandar, telah melebehi bilangan banyak-nya Pusat[2] dan Kelinik[2] yang telah di-ranchangkan pada asal-nya dalam Ranchangan Pembangunan Lima-Tahun Yang Kedua itu dengan sa-banyak 63 buah. Pada akhir tahun 1964, 665 projek pembenaan telah siap ia-itu mengandongi 30 buah Pusat Kesihatan Daerah, 99 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 536 buah Kelinik[2] Bidan. Dengan yang demikian jumlah projek[2] pembenaan yang siap semenjak di-lancharkan Ranchangan Pembangunan Lima-Tahun Yang Pertama ia-lah 38 buah Pusat Kesihatan Daerah, 170 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 562 buah Kelinik[2] Bidan. Sa-banyak 164 buah lagi projek[2] lain ada-lah dalam pembenaan.

167. Beberapa projek untok memperbaiki rumah[2] sakit yang ada telah juga di-laksanakan. Sa-lain daripada membena beberapa buah bahagian[2] perubatan baharu, maka wad[2], bahagian[2] pesakit luar, bilek[2] belah, bahagian[2] X-Ray, Ma'mal dan lain[2]-nya telah

juga di-perbaiki, di-perluas dan di-tambah bilangan-nya. Dapor[2] chara lama telah di-ganti dengan dapor[2] moden dan di-beberapa buah rumah sakit, jamban[2] lama yang menggunakan tong, telah di-gantikan dengan jamban pump yang moden. Dengan demikian, rumah[2] sakit pada hari ini ada-lah mempunyai kemudahan[2] yang lebeh banyak dan lebeh lengkap untok berkhidmat kapada orang ramai, yang sentiasa bertambah bilangan-nya dan yang pada hari ini sangat[2] sedar betapa penting-nya memelihara kesihatan mereka.

168. Fakulti Perubatan di-Universiti Malaya, telah siap dan ada-lah bergerak chergas menjalankan peranan-nya. Pembenaan bahagian pertama Rumah Sakit Universiti bagi melateh doktor itu ada-lah juga sedang di-laksanakan dengan lanchar-nya. Rumah Sakit Universiti ini hendak-lah di-siapkan untok memberi latehan Kelinik kapada penuntut[2] perubatan yang mulai mengambil kursus pada awal tahun 1966.

169. Ranchangan bahagian pertama membena Rumah Sakit Besar Kuala Lumpur, yang mengandongi wad[2] yang mempunyai 600 buah katil[2], bahagian radiotheraphy, dan asrama jururawat[2] pelateh, telah hampir[2] siap. Tender[2] bagi bahagian pertama ini akan di-keluarkan pada akhir tahun ini. Juga usaha menyediakan kawasan dan tapak bangunan Rumah Sakit Besar baharu di-Seremban telah juga siap dan tender untok menjalankan pekerjaan piling ada-lah sedang di-tawarkan. Pelan bagi membena Rumah Sakit daerah di-Klang ada-lah sedang di-buat dan pembenaan Rumah[2] Sakit daerah di-Dungun dan di-Tanjong Karang ada-lah sedang di-laksanakan, dan di-jangka akan siap pada akhir tahun ini. Jumlah katil[2] di-rumah[2] sakit telah bertambah dari-pada 20,337 buah dalam tahun 1957 menjadi 25,575 buah pada akhir tahun yang lepas.

170. Kempen mengawal penyakit batok kering, yang di-lancharkan di-dalam tahun 1961 itu, sa-takat ini telah men-chapai kemajuan yang memuaskan. Dengan tamat-nya perengkat pertama atau perengkat "latehan" lebeh dari-pada 900 orang jururawat dan pegawai[2] kesihatan, pembantu ma'mal, pekerja[2] X-Ray dan kaki-tangan[2] lain telah di-beri latehan di-dalam berbagai bahagian menchegah penyakit batok kering. Dengan demikian, kempen ini telah masok ka-perengkat kedua atau perengkat "menyerang" yang meliputi usaha[2] memberi suntekan B.C.G. kapada orang[2] yang di-anggap senang di-hinggapi penyakit itu, dan menchari orang[2] yang baru terkena penyakit dengan jalan mengadakan X-Ray bagi orang ramai di-ikuti dengan penyiasatan kuman[2] sa-kira-nya perlu. Orang[2] yang sakit-nya terok atau menjangkit ada-lah di-beri rawatan di-rumah[2] sakit, dan pengidap[2] Tibi yang tidak merbahaya ada-lah di-beri rawatan luar sa-hingga-lah mereka semboh. Sa-ramai 432,603 orang telah di-beri suntekan B.C.G. dan sa-ramai 624,160 orang telah di-X-Ray.

171. Satu bahagian mengawal penyakit demam malaria telah di-tubohkan di-Kementerian Kesihatan. Dengan tamat-nya Ranchangan Panduan Membasmi Malaria, satu ranchangan baru Permulaan bagi Membasmi Malaria telah di-lancharkan dalam bulan Julai, 1964. Penyiasatan sedang di-jalankan untok menentukan kemungkinan menghapuskan demam malaria bagi seluroh Tanah Melayu.

172. Pengidap[2] penyakit puru di-Pantai Timor ia-itu di-Kelantan, Trengganu dan Pahang sangat kechil bilangan-nya sekarang, dan dengan demikian ikhtiar menchegah penyakit puru di-kawasan[2] ini telah di-serahkan kapada Perkhidmatan Kesihatan tempatan sa-bagai tugas biasa. Kempen[2] menchegah penyakit ini ada-lah sedang di-tumpukan di-kawasan[2] kechil yang maseh menjadi pusat[2] penyakit ini di-Negeri Kedah dan Perak.

173. Begitu juga usaha[2] mengawal penyakit untut ada-lah sedang di-tumpukan sa-mata[2] di-kawasan[2] kechil yang maseh mengandongi penyakit ini ia-itu di-Sungai Pahang, di-kawasan[2] pantai Negeri Kedah dan di-kawasan[2] hilir Sungai Perak dan Sungai Bernam.

174. Kejayaan usaha memperbaiki dan memperluaskan perkhidmatan perubatan dan kesihatan ada-lah memberi

menafa'at kapada pendudok[2] negeri ini yang sa-makin ramai bilangan-nya. Semenjak tahun 1957 bilangan mereka yang di-rawat di-pusat[2] kesihatan dan kelinik[2] telah sa-makin bertambah. Dalam tahun 1964 lebeh daripada 12,200,000 orang telah menerima rawatan di-bahagian pesakit luar rumah[2] sakit, di-gedong[2] ubat, di-kereta[2] ubat serta juga di-pusat[2] kesihatan. Kelinik pergigian yang telah bertambah bilangan-nya dengan sa-jumlah 41 bahagian[2] baru, telah me-rawat sa-ramai 925,498 orang dalam tahun 1964. Bilangan mereka yang di-terima masok berubat dalam rumah[2] sakit telah juga bertambah menjadi sa-ramai 399,874 orang dalam tahun 1964.

175. Bilangan doktor[2] dan doktor[2] gigi serta ahli[2] kimia ubat maseh lagi kurang. Sa-balek-nya, usaha tegas melateh kaki-tangan[2] perubatan yang lain ada-lah menchapai kejayaan, dan dengan demikian kekurangan di-antara gulongan kaki-tangan[2] di-atas sedang di-atasi dengan beransor[2]. Sa-ramai 1,059 orang jururawat pelateh, 436 orang pembantu jururawat pelateh, dan 309 orang bidan pelateh ada-lah sedang di-beri latehan. Usaha chergas melateh kaki-tangan[2] ini akan di-teruskan bagi beberapa tahun lagi sa-hingga masaalah kekurangan kaki-tangan ini dapat di-selesaikan dan keperluan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sentiasa bertambah besar itu dapat di-penohkan.

176. Pada hari ini lebeh kurang 110 orang doktor dan doktor[2] pergigian bangsa Malaysia, yang sedang berkhid-mat di-Kementerian Kesihatan ada-lah mempunyai kelayakan pakar dalam berbagai[2] jurusan perubatan, pergigian dan penyiasatan. Dalam tahun 1957 bilangan pegawai[2] pakar chuma ada 43 orang dan daripada mereka itu hanya 12 orang sahaja bangsa Malay-sia. Sa-lain daripada itu 38 orang dok-tor dan doktor pergigian ada-lah juga sedang mengambil kursus tertinggi di-luar negeri.

177. Di-antara ranchangan[2] yang akan siap pembenaan-nya dalam tahun 1965 ia-lah: Sekolah Latehan Jururawat Pergigian, Pulau Pinang; Pusat Kesi-hatan 'Awam, Kuala Lumpur; Pusat Tibi Negara, Kuala Lumpur; Sekolah Latehan Kesihatan Luar Bandar, Rembau; Asrama Penuntut Jururawat, Johor Bahru; Bangunan Tambahan Sekolah Latehan Kesihatan Luar Bandar; Jitra. Bangunan[2] projek yang enam buah ini akan memakan belanja lebeh daripada $5,000,000.

178. Negara ini patut-lah menguchap-kan terima kaseh atas bantuan[2] teknik yang berupa pakar[2], kelengkapan[2] dan biasiswa yang di-berikan oleh ber-bagai[2] pertubohan[2] antara bangsa dan Kerajaan negeri[2] asing saperti Pertu-bohan Kesihatan Sa-dunia, Pertubohan Kumpulan Wang Kanak[2] Bangsa[2] Ber-satu dan Lembaga Bantuan Teknik Bangsa[2] Bersatu, Kerajaan[2] Australia, Canada, India, Pakistan dan United Kingdom melaluï Colombo Plan, Kerajaan Republik Jerman, Peace Corps Amerika Sharikat, Care-Medico, Kumpulan Penyelidek Tentera Amerika Sharikat, Hooper Foundation Universiti California, Majlis Penyelidek United Kingdom dan lain[2]-nya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

179. Dengan persetujuan Dewan Ra'ayat Kerajaan telah membuat satu perishtiharan dalam bulan Disember tahun 1964 memansokhkan Perjanjian Mata Wang tahun 1960, supaya Lem-baga Pesurohjaya Mata Wang di-bubarkan sa-lepas 18 bulan daripada tarikh tersebut, dan Bank Negara Malaysia akan bertanggong-jawab me-ngeluarkan mata wang Malaysia yang baharu. Walau bagaimana pun, Kera-jaan terus menjalankan rundingan dengan Kerajaan Negeri Brunei untok menchapai persetujuan mengenaï chara menggunakan mata wang Malaysia yang baharu di-Negeri itu, jika sa-kira-nya Kerajaan Brunei bersetuju meng-gunakan mata wang Malaysia yang baharu itu.

180. Pengerusi Lembaga Penasihat Chukai telah di-lantek dalam bulan Jun, 1964, Lembaga itu telah pun mengadakan penyiasatan berkenaan dengan 101 jenis barang[2] untok di-masokkan ka-dalam Pasaran Bersama Malaysia. Penyata[2] Lembaga Penasihat Chukai mengenaï jenis barang[2] ini telah di-terima. Kerajaan berharap satu

keputusan yang mu'tamad akan dapat di-ambil mengenaï Penyata[2] ini supaya boleh di-mulakan langkah menubohkan Pasaran Bersama.

181. Kerajaan telah mengadakan perbinchangan yang panjang dengan Kerajaan Negeri Singapura berkenaan dengan perkara mengadakan satu kawasan perdagangan yang bebas di-Singapura dan perkara meranchangkan kawasan tersebut telah pun di-jalankan. Kerajaan berharap akan dapat mengadakan satu undang[2] bagi menubohkan kawasan[2] perdagangan yang bebas di-Singapura dan di-lain[2] tempat dalam Malaysia yang di-pandang mustahak di-masa hadapan. Kerajaan juga berharap bahawa undang[2] bagi mengadakan chukai[2] di-seluroh Malaysia akan di-bentangkan di-Parlimen sa-belum akhir tahun ini.

182. Kerajaan sedar ada sa-tengah ahli[2] perniagaan dan perusahaan yang tiada puas hati kerana terlambat menghapuskan halangan[2] kapada perdagangan dalam wilayah[2] di-Malaysia ini. Dasar Kerajaan ia-lah hendak memajukan perdagangan dalam negeri. Kerajaan berharap kemajuan yang besar akan dapat di-chapai dalam tahun ini apa-bila di-terima penyata[2] Lembaga Penasihat Chukai mengenaï jenis barang[2] yang akan di-masokkan kadalam Pasaran Bersama Malaysia.

183. Dalam pada itu hendak-lah disedari ia-itu peratoran[2] yang ada sekarang ini untok membahagi[2]kan hasil Persekutuan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan[2] Negeri menjadikan usaha hendak memajukan Pasaran Bersama bertambah sulit dan hendak-lah di-fikirkan perkara mengubah peratoran[2] itu jika hendak dimajukan Pasaran Bersama itu dengan segera.

184. Dalam Anggaran Belanjawan tahun 1965, Kerajaan telah memikirkan mustahak mengadakan tambahan[2] chukai yang banyak. Kalau tambahan[2] chukai ini tidak di-adakan, Kerajaan terpaksa mengendalikan Negara dengan "kekurangan wang". Ini akan menimbulkan perasaan bimbang bagaimana chara-nya hendak mengukohkan keadaan kewangan sekarang ini. Sebab yang besar menimbulkan masaalah kewangan ini ia-lah kerana mustahak menambah perbelanjaan pertahanan dan keselamatan untok menentang anchaman pencherobohan dari luar negeri. Dalam pada itu pula, Kerajaan telah ber'azam hendak meneruskan ranchangan[2] pembangunan yang telah pun berjaya di-negeri[2] Tanah Melayu dan Singapura dan juga hendak menchapai kejayaan yang sama saperti itu di-negeri[2] Borneo.

185. Maka nyata-lah bahawa kita telah masok ka-zaman yang genting yang akan menimbulkan masaalah kewangan yang lebeh rumit daripada yang pernah kita 'alami dahulu. Kerajaan sedang membuat ranchangan hendak mengambil langkah[2] pentadbiran yang menjimatkan wang dan yang akan menolong mengurangkan perbelanjaan berulang[2], dan menentukan ia-itu tiap[2] sa-ringgit yang di-belanjakan kapada pembangunan akan mendatangkan faedah yang sa-baik[2]-nya. Kerajaan berharap bantuan kewangan yang banyak akan terus di-terima daripada Kerajaan[2] yang bersahabat dengan kita dan yang telah pun membantu kita, terutama dalam lapangan pertahanan. Kerajaan juga menjalankan sa-daya upaya-nya hendak meminjam wang dari luar negeri lebeh banyak lagi dengan sharat[2] yang berpatutan dan menggalakkan simpanan wang dalam negeri lebeh banyak lagi. Satu daripada usaha[2] yang di-jalankan ia-lah Kerajaan akan memberi peluang kapada ra'ayat Malaysia membuat sumbangan yang besar dalam hal menyelesaikan masaalah kewangan ini dengan jalan membeli Bond[2] Pertahanan yang di-keluarkan khas. Bond[2] ini sangat sesuai bagi penyimpan[2] wang dan dengan membeli-nya sa-saorang penyimpan wang akan dapat membekalkan wang dengan chara yang lebeh baik bagi diri-nya dan anak[2]-nya dimasa hadapan. Wang[2] yang di-dapati daripada penjualan Bond[2] itu akan menolong menambah kekuatan tentera yang sedang di-bena untok menjamin keselamatan kita. Mari-lah kita sakalian menanam modal untok menjamin keselamatan dan nasib Malaysia di-masa hadapan supaya kekal menjadi sa-buah negara yang bebas lagi ma'amor.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

186. Berkenaan dengan perhubongan luar negeri, dasar Kerajaan terus menegaskan asas² Piagam Bangsa² Bersatu dan mengekalkan suatu dasar luar negeri yang tegas lagi bebas sesuai dengan chita² dan hasrat negara² Afro-Asia dan Commonwealth.

187. Kerajaan telah berusaha dengan bersunggoh² mengukohkan kerjasama di-antara negara² sa-daerah sambil memelihara perhubongan persahabatan dengan semua negeri yang sedia berbuat demikian. Sesuai dengan dasar-nya hendak menyokong dan menggalakkan negara² yang terjajah menchapai kemerdekaan, Malaysia telah mengalu²kan kemerdekaan negara² Gambia, Zambia, Malta dan Malawi sa-bagai anggota² baharu dalam kumpulan negara² bebas dan juga sa-bagai anggota² Commonwealth. Dengan kemasokkan negara² ini, keluarga Commonwealth telah bertambah kuat. Dalam tahun yang lalu meshuarat² permulaan telah di-adakan bagi menubohkan sa-buah Pejabat Setia-usaha Commonwealth dan sekarang chalun² sedang di-chari untok menyandang jawatan Setia-usaha Agong-nya.

188. Angkara permusohan dari pehak Indonesia telah bertambah hebat pada tahun lepas. Sunggoh pun pada awal tahun itu terbayang kemungkinan menchapai perdamaian akan tetapi oleh kerana Indonesia tiada mahu bertolak ansor maka tiada-lah berhasil perdamaian itu. Dalam bulan Jun, 1964, Perdana Menteri telah menghadziri satu persidangan kemunchak di-Tokyo antara Ketua² Kerajaan Indonesia, Philipina dan Malaysia. Dengan desakan Presiden Macapagal dan dengan tujuan yang bersunggoh² hendak menchapai keamanan di-kawasan ini, Perdana Menteri bersetuju supaya rundingan di-mulakan walau pun Indonesia telah tiada menunaikan janji-nya hendak mengundorkan tentera-nya dari wilayah Malaysia sa-belum di-mulakan rundingan. Perdana Menteri, dengan tulus ikhlas telah bersetuju hendak berunding bersama² tetapi dalam perbinchangan yang berikut-nya Indonesia telah menunjokkan sikap-nya yang tiada jujor dan tiada mahu bertolak ansor dan itu-lah yang menyebabkan rundingan itu gagal.

189. Dalam keadaan yang bertambah genting ini Perdana Menteri telah bertolak ka-London pada 29hb Jun, 1964 untok menghadziri Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth. Perdana Menteri telah memberi laporan kapada Persidangan itu dan telah mendapat jaminan dari Perdana² Menteri Commonwealth yang mereka akan terus menjalankan ikhtiar mengurangkan perselisehan antara-bangsa. Mereka juga bersimpati dengan Malaysia dan menyokong usaha²-nya mengekalkan kemerdekaan-nya yang berdaulat dan kehormatan negara-nya.

190. Dalam minggu yang ketiga bulan Julai, 1964, sa-lepas menghadziri Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth, Perdana Menteri telah bertolak ka-Amerika Sharikat atas jemputan Presiden Amerika Sharikat. Di-Washington, Presiden Amerika Sharikat telah menyatakan bahawa negara-nya menyokong Malaysia yang bebas lagi merdeka dan menyokong usaha² Malaysia menjaga keselamatan-nya, memelihara kedaulatan-nya dan meneruskan ranchangan² pembangunan-nya dalam suasana aman dan damai. Kerajaan Amerika Sharikat telah juga bersetuju memberi latehan tentera kapada ahli² angkatan bersenjata Malaysia dan menimbangkan kemudahan meminjamkan wang untok membeli alat kelengkapan tentera.

191. Pada akhir bulan Julai, 1964 Perdana Menteri telah berlepas ka-Canada dan di-sana beliau telah berunding dengan Perdana Menteri Canada. Berikutan dari lawatan ini, Canada telah membuat tawaran hendak melateh ahli² Angkatan Udara Malaysia, menyediakan kemudahan² wang untok membeli kapal²terbang Canada dan menambah lagi bantuan² Canada kapada Malaysia mengikut Ranchangan Colombo.

192. Dalam pada itu pencherobohan Indonesia telah bertambah hebat. Pada 17hb Ogos Indonesia telah melakukan pendaratan yang mula² sa-kali di-Pontian Johor. Kerajaan Malaysia

memberitahu akan hal pencherobohan ini kapada Majlis Keselamatan Bangsa[2] Bersatu. Pada tengah malam 1/2 September kapal[2] terbang Indonesia telah menggugorkan askar[2] payong terjun di-daerah Labis di-Johor, mula[2]-nya di-jangka sa-ramai 40 orang, tetapi kemudian di-sahkan sa-ramai 96 orang. Kerajaan Indonesia mula[2]-nya menafikan yang ia bertanggong-jawab tetapi apabila di-tunjokkan bukti[2] dalam Meshuarat Majlis Keselamatan dalam bulan September tahun 1964 ia terang[2] mengaku bahawa penggugoran askar[2] payong terjun itu di-lakukan oleh Kerajaan Indonesia.

193. Majlis Keselamatan Bangsa[2] Bersatu telah mengundi 9 suara lawan 2 mengenaï satu ketetapan mengutok kejadian 2hb September itu, tetapi ketetapan itu tidak di-luluskan kerana Soviet Union telah menggunakan kuasa Veto-nya. Sunggoh pun demikian Malaysia telah mendapat kemenangan moral yang besar kerana mendedahkan pencherobohan Indonesia yang terang[2] dan tidak boleh di-ma'afkan itu.

194. Sunggoh pun Indonesia telah mendapat kekalahan yang besar di-Bangsa[2] Bersatu ia telah menjalankan serangan diplomatik-nya pula terhadap Malaysia di-Persidangan Negara[2] Berkechuali yang kedua yang telah di-adakan di-Kaherah dalam bulan Oktober, 1964. Malang-nya Malaysia tidak di-jemput kerana Indonesia telah menggunakan peratoran persetujuan sa-bulat suara (unanimity rule) untok menghalang kehadziran Malaysia, sunggoh pun Malaysia memenohi sharat[2] sa-bagai sa-buah negara berkechuali. Dalam Persidangan itu Presiden Sukarno telah memperjuangkan dasar "no peaceful co-existence" yang di-anut oleh Peking. Tetapi anchaman kapada dasar berkechuali ini telah di-kalahkan oleh suara ramai. Ketetapan akhir Persidangan tersebut telah di-keluarkan pada 10hb Oktober dan membayangkan perasaan yang di-kemukakan oleh Perdana Menteri India dalam uchapan-nya di-Persidangan itu tatkala ia mengeshorkan bahawa "perdamaian ada-lah berlainan daripada pertentangan (konfrantasi)" dalam perhubongan antara-bangsa. Sementara itu perchubaan Indonesia hendak menyebarkan propaganda anti-Malaysia di-luar persidangan itu telah di-gagalkan oleh Kedutaan Malaysia di-Kaherah.

195. Dalam tahun ini pencherobohan Indonesia terus berlaku lagi dengan tiada kurang. Indonesia telah menambah dan memperkuatkan lagi angkatan senjata-nya di-sempadan Malaysia Timor ia-itu di-Sabah dan Sarawak. Penyusupan terus berlaku di-Malaysia Timor dan melarat pula ka-Semenanjong Tanah Melayu. Gerakan[2] sabersif sedang menjadi[2] dan perbuatan khianat telah berlaku di-Tanah Melayu dan Singapura. Pada awal tahun ini Malaysia telah mengambil tempat-nya dalam Majlis Keselamatan Bangsa[2] Bersatu dan Indonesia menarek diri dari Pertubohan Dunia itu sa-bagai membantah terhadap langkah menerima Malaysia menjadi anggota Majlis itu. Perbuatan Indonesia menarek diri itu sama sa-kali tiada menggangu kedudokan Malaysia di-kalangan antara-bangsa atau pun keanggotaan Malaysia dalam Majlis Keselamatan. Akan tetapi, sa-bagaimana yang tiada di-sangka di-Jakarta, penarekan diri itu telah menjadi satu pukulan yang hebat kapada kedudokan Indonesia terutama sa-kali di-kalangan Negara[2] Afro-Asia.

196. Malaysia menganggap perkara ia di-terima menjadi anggota dalam Majlis Keselamatan itu ia-lah kerana ia patoh kapada dasar[2] dan tujuan[2] Pertubohan Bangsa[2] Bersatu. Malaysia telah mengeshorkan supaya peratoran persetujuan sa-bulat suara dalam Majlis Keselamatan itu di-sokong dengan satu Perjanjian anggota[2] tetap dengan harapan supaya Pertubohan Bangsa[2] Bersatu itu dapat di-perkukohkan lagi dan lebeh berpengaroh dan dengan hal yang demikian apabila berlaku kekachauan di-mana[2] tempat dalam dunia ini maka dapat-lah anggota[2] tetap itu bertindak dengan sa-bulat suara sambil mengingatkan bahawa tanggong-jawab mereka yang utama ia-lah mengekalkan keamanan. Anggota[2] tetap itu hendak-lah sa-bulat suara sa-kurang[2]-nya untok memberhentikan pertemporan kerana jika di-biarkan ia

merebak, api yang kechil boleh menyala menjadi besar.

197. Dalam tahun ini Kerajaan telah menumpukan usaha[2]-nya menegaskan hak Malaysia mengambil bahagian dalam Persidangan Afro-Asia Yang Kedua yang di-jadual akan di-adakan di-Algeria pada bulan Jun, 1965. Pada bulan April, 1964 dalam meshuarat persediaan yang di-adakan di-Jakarta, soal menjemput Malaysia hadzir telah di-kemukakan oleh India dan di-sokong oleh beberapa buah negeri yang lain. Keputusan-nya ia-lah jemputan kapada Malaysia untok menghadziri Persidangan Afro-Asia di-Algeria itu akan di-hantar apabila "rintangan[2]" telah di-hapuskan. Keputusan ini telah di-buat mengikut kehendak Indonesia yang menjadi tuan rumah kapada meshuarat persediaan tersebut.

198. Dalam bulan November, 1964 Timbalan Perdana Menteri telah mengetuai satu rombongan ka-negara[2] di-Afrika Utara dan telah mendapat jaminan tentang sokongan negara[2] itu terhadap penyertaan Malaysia dalam Persidangan Afro-Asia yang Kedua itu. Dalam bulan Disember, 1964 Perdana Menteri telah mengutus surat kapada semua Ketua[2] Negara Afro-Asia memohon sokongan untok Malaysia hadzir dalam Persidangan itu. Sokongan yang di-terima memberi harapan baik.

199. Sunggoh pun Indonesia sedar dasar konfrantasi-nya telah gagal ia enggan kembali ka-jalan keamanan dan hanya mengambil langkah[2] untok mengadakan rundingan[2] keamanan untok membersehkan nama-nya yang telah chemar. Pada akhir bulan Februari, 1965 Indonesia telah menchadangkan menerusi Kerajaan Thai, supaya di-adakan satu meshuarat perengkat Menteri. Apabila chadangan ini di-terima oleh Malaysia, Indonesia mengeshorkan pula supaya meshuarat itu di-adakan pada perengkat Ketua[2] Kerajaan. Apabila shor ini di-terima juga oleh Malaysia, Indonesia berdaleh dengan mengatakan bahawa masa-nya belum sesuai untok mengadakan meshuarat. Indonesia juga membuat tudohan bahawa Perdana Menteri dalam beberapa uchapan-nya telah memburokkan suasana untok perdamaian. Sa-benar-nya kesetiaan Indonesia dalam satu[2] perjanjian selalunya tiada boleh di-perchayai. Oleh sebab itu segala usaha untok menjayakan perundingan damai telah gagal kerana Indonesia tiada mahu bermuafakat.

200. Pada akhir bulan Mach tahun 1965 Timbalan Perdana Menteri telah mengetuai rombongan yang kedua melawat negara[2] Afrika untok menerangkan pendirian Malaysia kapada negara[2] itu dan meminta sokongan mereka berkenaan dengan soal penyertaan Malaysia dalam Persidangan Afro-Asia di-Algiers. Timbalan Perdana Menteri telah di-sambut dengan baik dan semua negara yang di-lawatinya telah memberi jaminan tentang sokongan mereka.

201. Perhubongan Malaysia dengan Philipina terus terganggu di-sebabkan oleh tuntutan Philipina ka-atas Sabah dan keengganan negeri itu mengi'tiraf Malaysia. Usaha[2] bagi menyelesaikan tuntutan itu tiada berjaya. Pada awal bulan Ogos, 1964 Malaysia mengeshorkan supaya rundingan perengkat pegawai[2] di-adakan di-Bangkok. Philipina tiada menerima shor ini sabelum Malaysia bersetuju bahawa segala perselisehan yang mungkin timbul di-Bangkok hendak-lah di-bawa ka-Mahkamah Ke'adilan Antarabangsa, ia-itu salah satu chara[2] yang terkandong dalam Perjanjian Manila bagi menyelesaikan soal itu.

202. Dalam tahun ini juga Duli[2] Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah membuat lawatan rasmi ka-negeri Jepun dalam bulan Jun, 1964 dan ka-negeri Arab Saudi, Kuwait, negeri Jordan dan Republik Arab Bersatu dalam bulan April, 1965. Dengan ini tali persahabatan antara Malaysia dengan Jepun dan negara[2] Islam di-Timor Tengah makin bertambah erat lagi. Malaysia telah juga menerima beberapa orang tetamu kenamaan dari negara[2] luar.

203. Kerajaan sedang mengator persediaan untok menubohkan tiga buah kedutaan Malaysia di-Afrika dengan

tujuan hendak memperkenalkan Malaysia ka-luar negeri dan melawan da'a-yah Indonesia dengan menyertai Persidangan[2] dan Meshuarat[2] Negara[2] Afro-Asia. Sa-buah kedutaan akan ditubohkan di-Afrika Utara ia-itu kedutaan yang kedua di-kawasan ini, sa-buah di-Afrika Timor dan sa-buah lagi di-Afrika Barat. Kedutaan[2] di-Afrika Timor dan di-Afrika Barat itu ia-lah yang ulong kali-nya ditubohkan di-negara[2] Afrika di-Selatan Padang Pasir Sahara.

204. Malaysia sedang menghadapi anchaman yang hebat terhadap wujud-nya sa-bagai sa-buah negara. Anchaman ini sa-makin bertambah walau pun ia merugikan pehak Indonesia sendiri dan melanggar dasar yang termaktub dalam Perishtiharan Bandung tahun 1955. Malaysia tetap tegoh menghadapi anchaman ini dengan penoh keyakinan bahawa sahabat[2]-nya di-luar atau di-dalam Commonwealth akan memberi segala sokongan dalam lapangan tentera atau pun diplomatik. Malaysia ada-lah ber'azam dan akan menjalankan segala tenaga-nya untok mengekalkan keamanan di-Asia Tenggara. Malaysia sedia berunding dengan Indonesia untok menchari jalan damai yang sesuai dengan taraf Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat dan merdeka.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Pelajaran 'Am

205. Pelajaran rendah ada-lah terus menchapai kemajuan yang memuaskan dan sekolah serta guru[2] telah di-adakan dengan chukup. Dengan terhapus-nya Pepereksaan Masok ka-Sekolah Menengah Persekutuan semenjak tahun lalu maka tiap[2] orang kanak[2] boleh-lah berharap akan mendapat pelajaran. Sa-kurang[2]-nya sa-lama sembilan tahun hingga ka-Sijil Rendah Pelajaran. Sunggoh pun daripada jumlah kanak[2] yang telah tamat pelajaran rendah pada tahun 1964 hanya lebeh kurang 70% sahaja telah menerima tempat di-kelas[2] menengah rendah setakat ini tetapi angka ini ada-lah bertambah kira[2] 38% daripada angka untok tahun 1964 atau dengan lain[2] perkataan bertambah sa-banyak lebeh kurang 60,000 orang murid yang belajar dalam tingkatan satu sekolah menengah.

206. Terlanchar-nya Sistem Pelajaran Aneka Jurusan yang baharu itu bukan sahaja menyebabkan lebeh ramai lagi guru[2] yang di-kehendaki untok mengajar murid[2] yang bertambah[2] ramai itu bahkan juga suatu ranchangan membena sekolah[2] dengan chepat ada-lah di-perlukan untok murid[2] sekolah menengah rendah yang sa-makin bertambah ramai itu. Dengan kumpulan wang khas yang di-untokkan bagi tujuan itu pembenaan 84 unit sekolah baharu telah di-lancharkan pada tahun 1964 dan sekarang sudah pun siap atau pun hampir[2] siap. Kesemua unit[2] ini memberi kemudahan yang di-kehendaki dalam usaha[2] meluaskan pelajaran menengah rendah termasok-lah mengadakan ma'mal[2] sains, bilek[2] darjah pelajaran rumah tangga, wokshop dan kelengkapan-nya. Untok menjimatkan perbelanjaan dan menggunakan dengan sa-penoh-nya bilek[2] di-bangunan sekolah Kerajaan berpendapat ada-lah mustahak mengadakan sekolah[2] menengah rendah di-sabelah pagi dan petang.

207. Pelajaran menengah atas telah terus maju sa-bagaimana biasa dan bilangan tempat[2] dalam Tingkatan Enam telah di-tambah supaya chukup untok murid[2] yang sa-makin bertambah ramai. Ranchangan sedang di-buat bagi meluaskan lagi pelajaran menengah atas mulai daripada tahun 1968, termasok-lah pelajaran teknik dan pelajaran pekerjaan mengikut sistem Pelajaran Aneka Jurusan yang di-mulakan tahun ini.

208. Peruntokan telah di-tambah supaya murid[2] dapat mempelajari bahasa mereka sendiri saperti bahasa China dan Tamil mengikut kehendak ibu bapa masing[2]. Ini ia-lah menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan ia-itu Kerajaan telah mempersetujui supaya bahasa dan kebudayaan Kaum[2] yang tinggal di-negeri ini di-pelihara dan di-kekalkan.

Pelajaran Menengah yang Menggunakan Bahasa Penghantar Melayu

209. Kita tentu maseh ingat lagi ia-itu pelajaran menengah yang menggunakan

bahasa penghantar Melayu telah di-mulakan pada tahun 1959 dengan murid²-nya lebeh kurang sa-banyak 600 orang sahaja tetapi bilangan ini telah meningkat hampir² 30,000 dalam tahun 1964. Bilangan murid² ini bertambah lagi pada tahun ini kerana sabanyak 36,135 orang murid² telah masok belajar di-dalam tahun pertama menengah rendah berbanding dengan 10,841 dalam tahun 1964. Sa-lain daripada itu kita merasa gembira melihat bagi pertama kali-nya murid² yang telah tamat pelajaran rendah dari sekolah² jenis kebangsaan memasoki sekolah menengah yang berbahasa penghantar Melayu melaluï Kelas Peralehan. Sa-takat ini 388 orang murid² telah mendaftarkan nama untok masok Kelas² Peralehan.

210. Pada masa ini Kerajaan sedang memperluaskan pelajaran menengah tinggi. Murid² Tingkatan Enam yang bahasa penghantar-nya Melayu yang di-mulakan pada tahun 1963 telah pun tamat pelajaran sa-lama 2 tahun, dan telah menghadapi pepereksaan pilehan khas untok masok ka-Universiti Malaya dan bagi kali yang pertama-nya dalam sejarah pelajaran di-negeri ini tiga puloh satu orang chalun telah masok ka-Universiti itu sa-bagai mahasiswa daripada sekolah² yang bahasa penghantar-nya ia-lah Bahasa Melayu. Bilangan murid² yang masok kelas² Tingkatan Enam telah bertambah dari 35 orang pada tahun 1963 kapada 83 orang pada tahun 1964 dan pada tahun 1965 ini bilangan-nya ia-lah 150 orang. Pada tahun lalu juga pelajaran sains Tingkatan Enam dalam bahasa Melayu telah di-mulakan dan bilangan murid²-nya telah bertambah sa-kali ganda pada tahun ini.

Pelajaran Khas

211. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji sa-mula dasar pelajaran bagi kanak² buta dan pekak di-sekolah² biasa dengan tujuan hendak menjalankan tanggong-jawab-nya untok memberi peluang² belajar kapada kanak² chachat sa-takat mana yang dapat di-tanggong belanja-nya oleh Kerajaan.

Peruntokan Perkhidmatan Pelajaran

212. Sa-lain daripada perlu-nya mengadakan lebeh ramai lagi guru² dan lebeh banyak lagi sekolah² untok perkembangan pelajaran banyak juga usaha telah di-jalankan untok mengelokkan lagi perkhidmatan² di-sekolah² itu bagi mengekal dan meninggikan lagi mutu pelajaran. Perkembangan perpustakaan sekolah juga ada-lah di-fikirkan mustahak dalam lapangan ini dan ranchangan² yang lengkap untok mengadakan bilek² perpustakaan dan lain² perkakas telah siap. Sa-buah jawatan-kuasa tetap yang mengadongi wakil² dari Kementerian Pelajaran dan Persatuan Perpustakaan Tanah Melayu telah di-tubohkan untok memberi panduan berpanjangan kapada sekolah² dalam pengelolaan dan perkembangan perpustakaan.

213. Perkhidmatan alat pengajaran pandang dengar telah juga di-perkokohkan lagi dengan mengadakan sa-buah Perpustakaan Filem Bersuara 16 m.m. dan pita rakaman suara untok di-pinjamkan ka-sekolah². Suatu ranchangan pemandu akan di-mulakan pada tahun ini untok mengadakan satu siri sa-banyak 10 pelajaran sains melaluï talivishen dalam bahasa Melayu dan Inggeris, ia-itu sa-bagai mengkaji kemungkinan mengadakan pelajaran melaluï talivishen ka-sekolah² kita.

Pelajaran Teknik

214. Ada-nya sistem Pelajaran Aneka Jurusan, pelajaran teknik yang berupa 'Ilmu Perusahaan akan di-jadikan mata pelajaran pilehan yang boleh di-pelajari oleh murid² dan Sekolah² Lanjutan Kampong yang ada sekarang akan di-masokkan ka-dalam sistem ini. Tujuan mengadakan mata pelajaran peraktik ini kapada murid² di-sekolah² menengah rendah ia-lah untok meluaskan asas pelajaran 'am mereka supaya guru² boleh mengukor kebolehan tiap² orang murid itu. Dan lagi, usaha sedang di-jalankan untok mengkaji bagaimana chara-nya bangunan² Sekolah Lanjutan Kampong yang ada sekarang boleh di-gunakan dengan sempurna dalam ranchangan pelajaran menengah atas termasok-lah pelajaran teknik dan pelajaran pekerjaan.

Latehan Guru

215. Apabila Maktab Perguruan Persekutuan di-Brinsford Lodge di-United

Kingdom telah di-tutup pada akhir tahun 1964 dan di-gantikan dengan Maktab Perguruan Persekutuan yang baharu di-Johor Baharu, maka latehan guru[2] sekarang di-jalankan seluroh-nya di-negeri ini. Untok menambah bilangan guru[2] dari maktab[2] latehan, tindakan sedang di-ambil untok menjadikan Maktab Perguruan 'Ilmu Khas, Kuala Lumpur sa-bagai Maktab Perguruan Persekutuan.

216. Ada-nya Pelajaran Aneka Jurusan maka telah di-dapati mustahak menchari ikhtiar[2] yang lain bagi melateh guru[2] sa-lain daripada yang dapat di-keluarkan oleh maktab[2] itu. Guru[2] tambahan yang di-kehendaki ia-lah sa-ramai 4,120 orang dan keputusan telah di-ambil untok menubohkan 22 buah Pusat Latehan Daerah di-sekolah[2] menengah yang tertentu dan menggunakan perkhidmatan guru[2] yang berpengalaman di-sekolah[2] bantuan untok menolong dalam ranchangan latehan di-tiap[2] buah pusat itu. Sukatan pelajaran bagi pusat[2] latehan daerah ini telah di-sediakan dengan teliti supaya mutu latehan di-pusat[2] latehan daerah ini boleh di-samakan dengan yang di-beri di-Maktab[2] Perguruan.

217. Latehan dalam perkhidmatan bagi guru[2] telah di-perluaskan lagi. Dalam pada itu, dengan ada-nya ranchangan untok mengkhaskan beberapa mata pelajaran yang tertentu dalam bidang pelajaran sekolah di-Maktab[2] Perguruan maka suatu kursus peringkat tertinggi sa-lama sa-tahun telah dapat di-adakan untok guru[2] dalam mata pelajaran yang di-khaskan itu.

Bahasa Kebangsaan

218. Waktu yang sa-rendah[2]-nya untok mempelajari Bahasa Kebangsaan di-sekolah[2] menengah telah di-tambah lebeh kurang sa-suku lagi supaya murid[2] sekarang boleh mempelajari bahasa ini tidak kurang daripada 160 minit dalam sa-minggu dan dengan yang demikian boleh-lah mereka meningkat maju dengan lebeh chepat lagi bagi membolehkan mereka mempunyai pengetahuan yang chukup dalam Bahasa Kebangsaan.

Pengajaran Ugama Islam

219. Menurut Sekshen 36 dalam Undang[2] Pelajaran, tahun 1961, Pengajaran Ugama Islam sedang di-adakan di-sekolah[2] yang di-bantu. Pada tahun 1964 Kerajaan Pusat telah membelanjai lebeh sadikit daripada $3,300,000 bagi pengajaran Ugama Islam. Pada masa ini ada 262 orang guru[2] ugama di-sekolah[2] menengah dan Kerajaan sedang menimbangkan perkara hendak mengambil lebeh ramai lagi guru[2] ugama pada tahun 1965 untok mengajar bilangan penuntut[2] yang sa-makin ramai hendak belajar Ugama. Kerajaan juga sedang memereksa sharat[2] perkhidmatan guru[2] ugama di-sekolah[2] rendah dan menengah dengan tujuan hendak mengadakan satu ranchangan perkhidmatan yang sempurna.

Bantuan kapada Sekolah[2] Ugama Ra'ayat

220. Kerajaan akan terus memberi bantuan kapada Sekolah[2] Ugama Ra'ayat. Pada tahun 1964, $536,213 telah di-bayar sa-bagai pemberian bantuan kapada 445 buah Sekolah[2] Ugama Ra'ayat. Pada tahun 1965 wang sa-banyak $600,000 telah di-untokkan bagi tujuan ini. Sa-bagai hasil daripada bantuan yang di-berikan oleh Kerajaan maka Sekolah[2] Ugama Islam sekarang boleh-lah berjalan dengan maju meluaskan ranchangan-nya.

Kolej Islam

221. Kementerian telah memberi bantuan kapada Kolej Islam dan peruntokan bagi tahun 1965 ia-lah $200,000. Kolej ini dengan galakan serta sokongan yang di-berikan oleh Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri sedang meningkat maju dan untok membolehkan lebeh ramai lagi penuntut[2] masok ka-dalam Kolej itu maka Kerajaan telah meluluskan bantuan modal sa-banyak $2,500,000 kapada Kolej itu untok perbelanjaan membena bangunan baharu di-Petaling Jaya dengan sharat Kolej itu di-jadikan sa-buah Yayasan Pelajaran menurut Sekshen 25 (1) (*f*) Undang[2] Pelajaran, tahun 1961.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

222. Satu daripada tugas[2] yang besar bagi Kementerian ini ia-lah menyatu

dan menyamakan tindakan berkenaan dengan segala kerja, usaha dan perbelanjaan bagi melaksanakan Ranchangan[2] Pembangunan dengan jayanya terutama sa-kali Ranchangan[2] Pembangunan Luar Bandar. Kerja menyatu dan menyamakan itu di-jalankan dengan menggunakan "teknik" gerakan. Teknik ini sangat baik di-gunakan bagi mengetahui dengan chepat sa-kali segala kemajuan masaalah atau kelambatan sa-masa sa-suatu ranchangan itu di-jalankan.

223. Pusat atau pun nadi bagi kerja menyatu dan menyamakan tindakan itu ia-lah Bilek Gerakan Negara. Dalam Bilek ini-lah di-chatitkan kemajuan[2] yang di-chapai dari sa-masa ka-samasa dan juga ma'lumat[2] berkenaan dengan ranchangan[2] pembangunan.

224. Dalam tahun 1964 sa-jumlah 2,055 orang telah melawat Bilek Gerakan Negara itu. Mereka telah di-beri penjelasan dan penerangan berkenaan dengan teknik gerakan itu dan juga kemajuan[2] yang telah terchapai dalam Ranchangan Pembangunan. Pelawat[2] dari luar negeri telah tertarek hati dengan teknik gerakan yang di-gunakan kerana masaalah[2] atau kelemahan[2] pada masa menjalankan sa-suatu Ranchangan Pembangunan itu dapat di-ketahui dengan senang dan chepat.

225. Sa-lain daripada menjalankan kerja menyatu dan menyamakan kerja itu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dalam tahun 1964, telah juga berjaya menjalankan beratus[2] ranchangan kechil bagi luar bandar di-serata pelosok Negara. Ranchangan[2] ini di-susun dengan tujuan hendak memberi kemudahan[2] kapada pendudok[2] di-kawasan[2] luar bandar termasok mereka yang tinggal di-Kampong[2] Baharu dan Majlis[2] Tempatan. Dalam tahun 1964 wang sabanyak $12,000,000 telah di-belanjakan bagi Ranchangan[2] Kechil, saperti jalan[2], jambatan[2], balai[2] raya perigi, perbekalan[2] ayer paip, parit dan pasar[2] di-kawasan[2] luar bandar dan wang sabanyak $11,500,000 telah di-belanjakan bagi membena Rumah[2] Ibadat, ia-itu Masjid[2], Surau[2], Sekolah[2] Ugama, Rumah[2] Berhala dan Gereja[2].

226. Sa-telah sahaja Malaysia di-tubohkan Kementerian ini telah mengambil tindakan yang melipat-gandakan lagi usaha[2] pembangunan di-Negeri[2] Sabah dan Sarawak, terutama sa-kali di-dalam lapangan pembangunan luar bandar. Dua orang pegawai yang kanan telah di-hantar ka-negeri[2] itu sa-bagai Pegawai[2] Kemajuan Negeri. Mereka ini ada-lah bertanggong-jawab bagi menyatu dan menyamakan kerja[2] ranchangan perengkat negeri, membuat ranchangan dan melaksanakan ranchangan[2] pembangunan di-negeri[2] itu. Sa-lain daripada melipatgandakan usaha[2] pembangunan di-Negeri[2] Sabah dan Sarawak itu Kementerian ini ada-lah juga bertanggong-jawab bagi menyatu dan menjalankan kerja[2] melaksanakan Ranchangan Pembangunan Tergempar dan Ranchangan[2] Perumahan Sa-mula di-Negeri[2] Sabah dan Sarawak supaya ranchangan[2] itu dapat di-jalankan sa-bagai ranchangan pembangunan biasa.

227. Pada 4, 5 dan 6 haribulan Jun, 1965, Kementerian ini akan mengadakan satu Kongres yang di-namakan Kongres Ekonomi Bumiputera, dengan tujuan memberi peluang kapada semua orang yang berkenaan menyatakan pendapat mereka dan membuat chadangan[2] yang tegas dan membena berkenaan dengan penyertaan bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan. Tajok[2] yang akan menjadi asas perbinchangan dalam Kongres tersebut ia-lah latehan, pembentokan modal, perkhidmatan[2], perdagangan, perusahaan, tanah[2] dan juga pemasaran. Kementerian ini sekarang sedang membuat persediaan[2] bagi melancharkan Kongres itu. Kongres itu ada-lah satu daripada usaha yang hendak di-jalankan dalam Peringkat Kedua Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

228. Kementerian ini juga bertanggong-jawab mengenai dasar pada 'am-nya dan chara menjalankan ranchangan[2] yang di-usahakan oleh badan[2] yang berkanun, saperti Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan (RIDA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Perbadanan Simpanan Wang Bakal[2] Haji. Tugas[2] dan tanggong-jawab[2] Lembaga dan

Perbadanan itu ada di-terangkan dalam perenggan[2] di-bawah ini.

229. Kementerian ini juga bertanggongjawab mengenai dasar dan menjalankan Ranchangan Pelajaran Dewasa di-kawasan[2] Luar Bandar.

Bahagian Pelajaran Dewasa

230. Mengikut dasar Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup pendudok[2] Negeri ini, khas-nya pendudok[2] kawasan luar bandar, Bahagian Pelajaran Dewasa terus giat berusaha membasmi buta huruf dengan mengajar dalam Kelas[2] Dewasa mata[2] pelajaran yang boleh membantu pendudok[2] luar bandar itu meninggikan taraf hidup mereka.

231. Maksud dan tujuan Ranchangan Pelajaran Dewasa ini ia-lah:

(*a*) untok menghapuskan kemiskinan dan kemundoran;

(*b*) untok menggalakkan warga negara negeri ini mempelajari dan menggunakan Bahasa Kebangsaan;

(*c*) untok memupok semangat perpaduan kesedaran Kebangsaan;

(*d*) untok mengukohkan lagi chara[2] demokrasi yang sedang kita amalkan;

(*e*) untok mendidek ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Negara ini.

232. Hingga hari ini Bahagian Pelajaran Dewasa telah menubohkan sabanyak 11,911 buah kelas dengan guru[2]-nya sa-ramai 7,327 orang. Jumlah penuntut ia-lah 307,648 orang. Ini termasok-lah 2,330 buah kelas mengandongi 59,666 orang pelajar bukan Melayu yang sedang belajar Bahasa Kebangsaan.

233. Kapada pelajar[2] yang berugama Islam dalam Kelas[2] Dewasa ada di-beri Pelajaran Ugama. Sa-banyak 6,562 buah kelas mengandongi 155,354 orang pelajar sekarang ini sedang mendapat pelajaran Ugama Islam yang menitekberatkan bukan sahaja aspek theori Islam bahkan juga 'amalan[2] yang di-suroh oleh Ugama dan dengan yang demikian menggalakkan mereka mengambil sikap berkehendakkan kemajuan bagi meninggikan lagi taraf hidup dan masharakat.

234. Kelas[2] Dewasa ada memberikan Pelajaran Ekonomi Rumah Tangga kapada pelajar[2] perempuan dengan tujuan hendak memberi kapada Kaum Ibu pengetahuan rumah tangga yang berguna berkenaan dengan zat[2] makanan, jahit menjahit, kesihatan dan memelihara anak[2] kechil. Pada hari ini ada 28,584 orang pelajar dalam 1,188 Kelas Ekonomi Rumah Tangga. Guru bagi kelas[2] itu mendapat latehan khas di-Taman[2] Asohan Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan.

235. Untok menyebarkan penerangan[2] kapada ra'ayat di-kawasan luar bandar berkenaan dengan maksud Pembangunan Luar Bandar dan Bahagian Pelajaran Dewasa, Pegawai[2] Penerangan Bahagian ini telah melawat sa-banyak 689 buah kampong. Sa-jumlah 193,657 orang di-taksirkan telah di-beri penerangan[2] oleh Pegawai[2] Penerangan tersebut.

236. Mengikut dasar Kerajaan hendak melipat gandakan usaha[2] menjalankan Ranchangan[2] Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-Sabah, Bahagian Pelajaran Dewasa telah berjaya menjalankan segala kerja siasatan untok menubohkan Kelas[2] Dewasa di-Negeri itu. Kelas[2] Dewasa itu di-jangka akan di-buka sa-belum pertengahan tahun ini.

Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan (RIDA)

237. Semenjak tahun 1963 Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan telah menumpukan usaha-nya bagi mengukohkan lagi keadaan ranchangan[2] yang telah di-jalankan dalam tahun[2] yang lalu. Usaha ini termasok kerja mengkaji dan menyemak tiap[2] ranchangan yang telah di-jalankan itu terus di-jalankan hingga ka-tahun 1964.

238. Satu daripada tugas[2] yang penting bagi Lembaga itu ia-lah mengadakan kemudahan[2] latehan untok pendudok[2] luar bandar. Dalam tahun 1964 saramai 740 orang wanita dari kawasan[2] luar bandar telah di-beri kursus Ekonomi Rumah Tangga di-Taman Asohan Lembaga itu di-Kuala Lumpur

Kepala Batas dan Melaka. Wanita[2] ini-lah yang bakal menjadi guru[2] Ekonomi Rumah Tangga di-Kelas[2] Dewasa yang di-selenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

239. Ahli[2] perniagaan kechil telah juga di-beri kursus 'ilmu menyimpan buku kira[2] perniagaan. Lembaga ini telah menghantar beberapa orang guru ka-beberapa buah kampong seluroh negara untok memberi dua jenis kursus menyimpan buku kira[2] ia-itu kursus permulaan dan kursus lanjutan. Sambutan terhadap kursus itu dari ahli[2] perniagaan kechil sangat-lah memuaskan.

240. Dewan Latehan Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan di-Petaling Jaya memberi latehan[2] kapada penuntut[2] dalam pelajaran Terengkas, "Secretaryship", 'Ilmu Jurukira[2], dan Pengurusan Perniagaan 'Am supaya mereka boleh mendapat kelulusan dalam kursus[2] yang tertentu.

241. Dalam bulan Oktober 1964 sa-buah lagi Pusat Anyaman Mengkuang dan Pandan telah di-buka di-Bagan Pinang, Port Dickson. Dengan ini maka jumlah Pusat Anyaman yang telah di-dirikan menjadi 3 buah. Pusat Anyaman yang terbesar sa-kali ia-lah di-Rusila, Kuala Trengganu. Tiap[2] tahun sa-ramai 40 hingga 60 orang wanita di-beri latehan di-Pusat[2] Anyaman itu.

242. Bahagian Pinjaman Lembaga itu sentiasa chergas menjalankan kerja-nya ia-itu memberi kemudahan[2] pinjaman wang kapada ahli[2] perniagaan kechil dan juga kapada Sharikat[2] Bekerjasama. Dalam tahun 1964 sa-banyak 1,008 pinjaman telah di-lulus dan di-keluarkan. Jumlah wang pinjaman yang telah di-keluarkan dalam tahun itu ia-lah $3,699,203. Jumlah pinjaman yang di-luluskan dan di-keluarkan dalam tahun 1964 ada-lah lebeh banyak daripada jumlah pinjaman yang di-luluskan dan di-keluarkan dalam tahun 1963. Dalam tahun 1963 hanya 699 pinjaman berjumlah $3,400,000 telah di-keluarkan. Pinjaman[2] tersebut ia-lah untok menjalankan perniagaan, perusahaan, pertanian, ternakan dan lain[2] lagi. Pinjaman wang yang telah di-keluarkan oleh Lembaga itu hingga penghujong tahun 1964 berjumlah lebeh kurang $27,000,000.

243. Dalam lapangan pengangkutan pula, Lembaga itu telah mengadakan 15 perkhidmatan bas yang baharu di-lima belas jalan[2] baharu yang telah di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Hingga penghujong tahun 1964 Lembaga telah menubohkan sa-banyak 50 perkhidmatan bas di-seluroh Negeri[2] di-Tanah Melayu ini dan jalan[2] yang mendapat perkhidmatan bas Lembaga itu berjumlah sa-panjang 690 batu. Pendapatan yang di-kutip pada 'am-nya menunjokkan bahawa perkhidmatan[2] ini ada-lah usaha yang mendatangkan keuntongan.

244. Dalam lapangan memproses susu getah yang di-beri dari pekebun[2] kechil, Lembaga itu tidak mendirikan kilang yang baharu semenjak tahun 1963 kerana Lembaga itu menumpukan perhatian dan usaha-nya bagi mengelokkan lagi perjalanan[2] ka-semua 13 kilang getah yang telah di-dirikan. Kerja memperelokkan lagi perjalanan kilang[2] itu maseh di-jalankan lagi. Dalam tahun 1964 Lembaga itu telah menubohkan 18 buah lagi Kumpulan[2] Pusat Memproses Getah di-beberapa buah kampong dalam negeri ini dengan chara memberi bantuan pinjaman kapada pekebun[2] kechil yang berkenaan. Maka jumlah Kumpulan[2] Pusat Memproses Getah yang telah di-bena hingga sekarang ini menjadi 101 buah.

245. Dalam usaha-nya hendak membantu pembuat[2] batek di-Negeri Kelantan dan Trengganu, Lembaga itu, saperti yang di-buat dalam tahun[2] yang lalu, telah memberi kemudahan[2] membeli kain[2] puteh kapada pembuat[2] batek dengan membawa masok kain[2] puteh yang bermutu dari luar negeri dan di-jual pula dengan harga yang sama dengan harga pasaran. Lembaga itu menempatkan sa-orang pegawai di-Pantai Timor untok memberi nasihat kapada pembuat[2] batek di-Kelantan dan Trengganu mengenai mengelokkan lagi chara membuat batek dan juga mengenai chorak[2] batek yang dapat meluaskan lagi permintaan pasaran.

246. Limbongan Kapal Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan di-Kuala Trengganu telah di-susun samula dalam tahun 1964. Tahun 1964 ia-lah satu tahun yang sibok sa-kali bagi pekerja[2] Limbongan Kapal ini kerana dalam tahun itu banyak tempahan telah di-terima untok membuat perahu[2], kapal[2] kechil saperti kapal[2] penangkap ikan dan kapal[2] ronda polis. Tempahan[2] tersebut datang-nya daripada Pejabat[2] Polis, Kastam, dan Perikanan serta juga daripada Kerajaan Brunei. Tempahan[2] yang di-terima dalam tahun 1964 berjumlah lebeh daripada $1,000,000.

247. Satu daripada langkah[2] yang di-ambil oleh Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan untok memberi kemudahan kapada petani[2] di-kawasan luar bandar memasarkan hasil pengeluaran mereka ia-lah dengan membena Pekan[2] Sa-hari di-tempat[2] yang sesuai di-kawasan[2] luar bandar. Dengan ada-nya Pekan[2] Sa-hari itu, maka dapat-lah mereka menjual barang[2] keluaran mereka di-satu tempat yang sesuai dengan sempurna-nya. Dalam tahun 1964 sa-banyak 38 buah Pekan[2] Sa-hari telah di-bena dengan belanja sa-banyak $302,800.

Ranchangan[2] Untok Masa Hadapan

248. Ranchangan[2] yang akan di-jalankan oleh Lembaga ini pada masa hadapan termasok-lah usaha[2] mengenai Dewan Latehan, Limbongan Kapal, Perusahaan[2] Kechil, pembenaan Ibu Pejabat dan memberi perkhidmatan Lembaga ini ka-Negeri[2] Sabah, Sarawak dan Singapura.

249. Oleh sebab latehan ada-lah satu perkara yang mustahak dalam usaha membena ekonomi Negara maka Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan berchadang hendak memperbesarkan lagi Dewan Latehan-nya supaya dapat melateh lebeh ramai lagi penuntut[2] pada masa yang akan datang.

250. Lembaga itu telah mengkaji sa-dalam[2]-nya perjalanan dan pentadbiran Limbongan Kapal di-Kuala Trengganu dan berchadang hendak membesarkan-nya lagi.

251. Lembaga itu sedang mengambil tindakan yang tegas bagi mengadakan satu bahagian baharu di-namakan "Bahagian Perkhidmatan Penasihat Pentadbiran" (Management Advisory Services). Tujuan Bahagian ini ia-lah untok memberi nasihat kapada peniaga[2] kechil menganai kawalan, teknik, kira[2], pentadbiran dan perusahaan. Dengan ada-nya Bahagian itu kelak maka ahli[2] perniagaan kechil dapat-lah peluang untok memperbaiki keadaan perniagaan dan perusahaan yang di-jalankan oleh mereka.

252. Sa-buah bangunan yang akan di-jadikan Ibu Pejabat baharu bagi Lembaga ini dan juga kedai[2] telah mula di-bena di-Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada tahun 1965. Bangunan 8 tingkat ini, di-jangka akan siap di-bena pada awal tahun 1966 dan apakala siap kelak akan mempunyai beberapa buah kedai untok di-sewakan kapada ahli[2] perniagaan yang sukar hendak mendapatkan tempat[2] yang baik untok menjalankan perniagaan mereka di-Bandar Kuala Lumpur ini.

253. Tindakan sedang di-uruskan bagi memakai undang[2] Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan tahun 1953 di-Negeri[2] Sabah, Sarawak dan Singapura. Dalam pada itu usaha[2] sedang di-jalankan bagi menchari jalan supaya ranchangan[2] yang tertentu dan patut dapat di-jalankan oleh Lembaga itu di-Negeri[2] tersebut.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

254. Ranchangan Tanah Kerajaan yang besar[2] ada-lah di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sa-hingga hari ini Lembaga itu telah menjalankan 61 Ranchangan Kemajuan Tanah di-dalam beberapa negeri di-Tanah Melayu. Lembaga itu telah berjaya menanam 147,500 ekar tanah baharu dengan getah dan kelapa sawit dan menempatkan 8,038 keluarga mengandongi 48,228 orang. Sa-jumlah 3,000 keluarga lagi akan di-tempatkan di-Ranchangan[2] Kemajuan Tanah yang sedang di-buka pada tahun 1965. Apabila semua peringkat dalam 61 ranchangan itu siap di-jalankan sa-banyak lebeh kurang 262,500 ekar tanah baharu akan di-majukan dan di-tanam

dengan getah dan kelapa sawit dari baka yang baik. Ranchangan[2] ini apabila siap akan dapat menyara lebeh kurang 21,000 keluarga.

255. Mengikut dasar Kerajaan hendak memperbanyakkan lagi jenis pertanian di-Negara ini, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah menjalankan satu ranchangan menanam kelapa sawit di-tempat[2] atau pun di-kawasan[2] tanah baharu yang mempunyai tanah dan keadaan yang sesuai. Sa-hingga penghujong tahun 1964 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah berjaya menanam kelapa sawit di-atas 17,404 ekar tanah dalam 9 buah ranchangan kemajuan tanah. Sa-jumlah 9,445 ekar tanah lagi sudah pun siap bagi di-tanam dengan kelapa sawit di-dalam musim menanam tahun ini.

256. Tiga buah ranchangan tanah menanam getah di-Kedah—Ranchangan[2] Tanah di-Batu 8, Guar Napai dan Bukit Tembaga—telah pun mula mengeluarkan hasil. Begitu juga ranchangan kelapa sawit di-Kulai, Johor telah juga mulai mengeluarkan hasil. Hasil[2] daripada ranchangan tersebut ada-lah tinggi mutu-nya dan memuaskan. Pendudok[2] dalam ranchangan[2] itu telah pun mula membayar wang[2] yang mereka pinjam. Tiga lagi ranchangan di-perchayai akan mula mengeluarkan hasil dalam tahun 1965 manakala tiga lagi akan mengeluarkan hasil dalam tahun 1966.

257. Dalam semua ranchangan itu Kerajaan ada menyediakan kemudahan[2] saperti jalan[2] raya, kedai[2], Sharikat[2] Kerjasama, sekolah[2], bekalan[2] ayer, parit[2] dan tali ayer, talipon, balai[2] raya, dan juga tempat[2] ber'ibadat. Sa-lain daripada itu Kerajaan menyediakan juga kemudahan[2] bagi mengurus, melateh, memproses dan menjual barang[2] serta juga perkhidmatan[2] "Lanjutan".

258. Ranchangan Kawasan Jengka, satu bakal Ranchangan Kemajuan Tanah yang terbesar sa-kali ada-lah satu ranchangan yang boleh di-harapkan akan berjaya kerana lebeh kurang 150,000 ekar tanah dalam Kawasan itu di-dapati sesuai untok kemajuan pertanian yang besar. Bank Dunia yang telah di-jemput oleh Kerajaan bagi menyelidek sama ada Kawasan Jengka itu sesuai atau tiada telah mengesahkan hal itu. Sekarang ini satu "pelan besar" bagi Kawasan itu sedang di-buat oleh "consultants" dan "Pelan" itu ada-lah di-jangka siap dalam tahun ini.

259. Tindakan sedang di-ambil bagi memakai Undang[2] Kemajuan Tanah Tahun 1956 di-Negeri[2] Sabah dan Sarawak. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sekarang ini bersama[2] dengan Kerajaan[2] Negeri[2] itu sedang mengkaji dengan teliti beberapa kawasan tanah dengan tujuan hendak menjalankan ranchangan kemajuan tanah sa-chara yang di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam Negeri[2] Tanah Melayu.

260. Terlaksana-nya Ranchangan[2] Kemajuan Tanah yang besar[2] saperti yang di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan maka nyata-lah bahawa Kerajaan ada-lah berusaha bersunggoh[2] membuka tanah[2] baharu bagi menempatkan pendudok[2] dari seluroh Negara kita ini supaya terchapai tujuan-nya ia-itu hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat.

Perbadanan Wang Simpanan Bakal[2] Haji

261. Perbadanan Wang Simpanan Bakal[2] Haji di-tubohkan dengan tujuan hendak memberi peluang kapada pendudok[2] yang berugama Islam menyimpan wang untok menunaikan Fardu Haji. Satu lagi tujuan-nya ia-lah hendak menggalakkan pendudok[2] itu menyimpan wang supaya wang yang mereka simpankan itu dapat pula di-gunakan untok memajukan ekonomi Negara. Ini juga akan menjadikan satu chara yang membolehkan pendudok[2] terutama sa-kali yang tinggal di-kawasan[2] luar bandar untok mengambil bahagian dalam hal-ehwal perdagangan Malaysia.

262. Sa-hingga hari ini sa-ramai 13,361 orang daripada serba lapisan masharakat orang[2] Melayu dan orang[2] lain yang berugama Islam dalam Negara ini telah menyimpan wang dengan Perbadanan ini. Jumlah wang simpanan yang telah di-kumpulkan dari mula[2] Perbadanan itu di-tubohkan, ia-itu 30 haribulan September, 1963

hingga 28 haribulan Februari, 1965 ialah lebeh kurang $908,860. Wang itu sedang di-gunakan sa-bagai modal perniagaan atau perusahaan yang mendatangkan keuntongan yang halal pada Hukum Shara'. Keuntongan[2] ini berbeza dengan faedah yang biasa didapati daripada simpanan[2] wang dipertubohan yang lain. Keuntongan ini di-dapati daripada modal[2] yang diperniagakan saperti membeli saham[2], ladang[2] dan rumah[2] yang di-sewakan.

263. Mula-nya Undang[2] Perbadanan Wang Simpanan Bakal[2] Haji itu dibuat dengan maksud untok di-pakai dalam Negeri[2] Tanah Melayu sahaja, tetapi pada masa ini Undang[2] itu telah pun di-pakai di-Negeri[2] Singapura, Sabah dan Sarawak supaya orang[2] Islam di-Negeri[2] itu juga akan dapat kemudahan menyimpan wang mereka untok menunaikan Fardu Haji-nya kelak.

264. Sunggoh pun Perbadanan itu baharu sahaja di-tubohkan tetapi sabanyak 165 orang penyimpan dalam Perbadanan ini telah pun belayar ka-Mekah menunaikan Fardu Haji mereka. Ini-lah satu tanda yang menunjokkan bahawa Perbadanan itu telah menchapai kejayaan.

KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

265. Ketiga[2] buah Jabatan dalam Kementerian ini telah dapat di-satukan dengan lebeh kemas lagi sa-telah saorang Menteri di-lantek khas untok Kementerian ini. Berpandu kapada satu arahan baharu, tiap[2] Jabatan itu menjalankan tugas masing[2] mengikut satu ranchangan yang telah di-buat terlebeh dahulu.

266. Hal ini nyata kelihatan pada masa dua kempen yang besar di-jalankan dalam tahun 1964 ia-itu kempen menentang konfrantasi dan kempen "Perpaduan". Kempen[2] ini telah berjalan dengan sempurna-nya dan telah menchapai kejayaan yang besar.

A. Jabatan Perkhidmatan Penerangan

267. Walau pun ada beberapa rintangan dan halangan dalam tahun 1964 Jabatan Penerangan telah menchapai kejayaan yang besar. Negara kita yang muda ini menghadapi beberapa banyak kesulitan dan apabila Indonesia melakukan pencherobohan dan perbuatan[2] sabversif ka-atas negara ini maka bertambah-lah kesulitan[2] itu. Hal ini kena-lah di-terangkan dengan sajelas[2]-nya kapada ra'ayat bagi mendapatkan keperchayaan mereka kapada Kerajaan dan menyokong Kerajaan.

268. Pada masa ini Jabatan Penerangan sedang di-susun sa-mula supaya dapat menjalankan tugas[2]-nya yang samakin bertambah itu dengan lebeh terator dan lebeh sempurna lagi. Kerja memechah Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Sabah untok menjadi dua Jabatan telah di-jalankan dengan baiknya. Sa-belum tamat tahun 1964, sabuah Jabatan Penerangan yang berasingan telah di-tubohkan. Kereta[2] dan kaki-tangan[2]-nya telah di-tambah. Di-Sarawak pula, bahagian luar Jabatan Penerangan telah di-perbesarkan oleh memandangkan keadaan keselamatan dalam negeri itu. Langkah[2] untok mengambil kaki-tangan[2] baharu dan memberi kereta[2] serta kelengkapan[2] telah di-jalankan.

269. Seranta di-Saberang Laut pun sedang di-susun sa-mula. Kerja ini dijalankan bersama[2] dengan Kementerian Luar Negeri. Dua orang pegawai telah di-hantar ka-luar negeri, sa-orang ka-Tokyo dan sa-orang ka-Manila sa-bagai Pegawai[2] Penerangan. Ranchangan untok memperbesarkan lagi bahagian yang mustahak ini sedang dibuat dan akan siap tiada lama lagi, dan beberapa jawatan di-kedutaan[2] kita disaberang laut akan di-adakan lagi.

270. Langkah[2] peperangan urat saraf dan menentang konfrantasi di-seluroh negara sentiasa di-utamakan dalam tahun 1964.

B. Filem Negara Malaysia

271. Filem Negara Malaysia sekarang ini telah pindah ka-tempat yang baharu di-Petaling Jaya. Sunggoh pun kerja memindahkan alat perkakas-nya yang istimewa itu sangat rumit dan mengambil masa sa-lama dua bulan, akan tetapi Jabatan ini sa-makin banyak berusaha mengeluarkan filem.

272. Filem Negara telah beberapa lama bergerak dengan tiada chukup

kaki-tangan dan alat perkakas, akan tetapi oleh kerana ka'azaman dan keta'atan pegawai[2]-nya maka filem[2] telah bertambah banyak di-terbitkan terutama sa-kali filem[2] yang di-buat dengan maksud hendak menyatupadukan ra'ayat dan menerangkan ka-luar negeri hal[2] yang benar mengenai pencherobohan dan konfrantasi Indonesia.

273. Sekarang ini filem sa-makin bertambah banyak di-gunakan untok mengajar dan memberi ma'alumat. Oleh itu filem[2] yang kita terbitkan di-tunjokkan di-panggong[2] wayang, oleh pasokan[2] berkereta dan pada talivishen. Filem[2] itu sa-makin bertambah besar guna-nya untok menunjokkan chara hidup ra'ayat Malaysia kapada dunia.

274. Tawaran telah di-beri untok pembenaan bahagian kedua ia-itu pentas bunyi; kerja[2] akan di-mulakan tidak berapa lama lagi. Dengan selesai-nya pembenaan pentas bunyi ini, maka bertambah-lah kemudahan[2] untok menjalankan shuting di-dalam bangunan. Dengan ini dapat-lah Filem Negara Malaysia mengeluarkan filem[2] renchana pendek.

C. Jabatan Radio

275. Konfrantasi Indonesia dan kesan[2]-nya ka-atas Malaysia telah memberatkan tanggong-jawab Jabatan Radio. Jabatan ini kena-lah menerbitkan siaran[2] untok melawan di'ayah Indonesia.

276. Ranchangan hendak menambah kekuatan perkhidmatan luar negeri sedang di-laksanakan dengan baik. Alat pemanchar gelombang pendek yang baharu sa-kuat 100 kw. mulai di-gunakan dalam bulan April tahun ini. Dua buah lagi alat pemanchar 100 kw. akan di-siapkan sa-belum 31hb Ogos ia-itu hari ulang tahun Malaysia yang kedua. Suara Malaysia telah dapat menembusi tabir batek Sukarno dan bukti-nya ia-lah Kerajaan Indonesia telah mengeluarkan satu perentah dalam bulan November 1963, melarang orang[2] Indonesia mendengar siaran dari Suara Malaysia dan menjatohkan hukum berat termasok hukum bunoh ka-atas siapa[2] yang melanggar perentah itu.

277. Dalam negeri pula Warta Berita Kebangsaan di-siarkan tiap[2] hari oleh seteshen Radio di-Sabah, Sarawak dan Singapura. Persediaan[2] khas telah di-buat untok menyiarkan ulasan warta berita dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin ka-Sabah dan Sarawak tiap[2] hari. Ada dua buah lagi alat pemanchar 50 kw. yang di-masokkan dalam ranchangan seluroh Malaysia pada tahun ini untok mengelokkan lagi penerimaan ranchangan[2] Kebangsaan di-Sabah dan Sarawak.

278. Masa siaran bagi Orang[2] Asli telah di-tambah dari satu jam hingga tiga jam tiap[2] minggu.

279. Pendengar[2] yang mengambil bahagian dalam ranchangan[2] radio pun sa-makin bertambah dan surat[2] daripada pendengar yang di-terima oleh Radio Malaysia di-Tanah Melayu sahaja berjumlah 966,968 puchok bagi tahun 1964, ia-itu satu rekod yang tertinggi sa-kali dalam sejarah radio di-Malaysia.

280. Hasil dari siaran[2] perdagangan dalam tahun 1964 berjumlah lebeh dari $3,250,000 jika di-bandingkan dengan hasil yang di-terima dalam tahun 1963 yang berjumlah lebeh sadikit dari $3,000,000. Kira[2] $4,000,000 telah di-pungut daripada bayaran lesen[2] radio.

281. Seteshen baharu Radio Malaysia di-Kota Bharu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dalam bulan November, 1964. Seteshen daerah di-Kuala Trengganu akan siap dalam tahun 1965. Sa-buah seteshen pemanchar yang baharu di-Kuantan sedang dalam peringkat peranchangan. Studio baharu bagi seteshen daerah Johor Baharu di-jadualkan akan siap sa-belum akhir tahun 1965.

282. Satu lagi alat pemanchar bagi perkhidmatan[2] ka-seluroh Malaysia telah siap dan mulai di-gunakan pada awal tahun ini; dua lagi akan siap sa-belum 31hb Ogos, 1965. Semua sa-kali lima buah alat pemanchar gelombang pendek yang kuat dan memakan belanja sa-banyak $1,156,614 akan di-gunakan pada akhir tahun ini.

283. Sunggoh pun Radio Malaysia kekurangan kaki-tangan ia maseh dapat

menerbitkan ranchangan[2] yang sama baik mutu-nya dengan ranchangan[2] yang di-terbitkan-nya dahulu. Dalam pada itu Radio Malaysia terus menjalankan ranchangan kemajuan-nya sendiri bagi tahun 1964. Satu lagi ranchangan besar yang akan di-jalankan ia-lah "Siaran ka-Sekolah[2] untok Negeri[2] di-Tanah Melayu". Ranchangan ini akan di-mulakan tahun ini.

284. Di-Sabah dan Sarawak, pegawai[2] dagang telah di-gantikan dengan pegawai[2] ra'ayat Malaysia dengan chepat. Hanya tinggal sa-orang sahaja lagi pegawai dagang yang maseh berkhidmat dengan chara kontrek di-Sabah pada akhir tahun 1964. Jabatan Radio dan Jabatan Penerangan ia-lah dua buah Jabatan yang mula[2] sa-kali di-Sabah di-ketuai oleh pegawai[2] tempatan. Demikian juga-lah Radio Malaysia di-Sarawak.

D. Jabatan Talivishen

285. Dalam bulan Disember, 1963, Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, telah memulakan dengan rasmi-nya Perkhidmatan Talivishen di-Tanah Melayu.

286. Perkhidmatan ini ia-lah suatu ranchangan pemandu yang mempunyai sa-buah studio di-Kuala Lumpur. Pada masa ini studio itu di-tempatkan sementara di-Block "C" dalam kawasan Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Sa-buah alat pemanchar yang menggunakan kuasa penyinar 12 kilowatt terletak di-Bukit Sungai Besi dan menyiarkan ranchangan[2] talivishen sa-jauh lebeh kurang 12 batu dalam kawasan Kuala Lumpur.

287. Pada mula[2]-nya, Talivishen Malaysia telah menerbitkan siaran yang berjumlah 25½ jam tiap[2] minggu dalam empat bahasa (Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil) tetapi waktu siaran ini telah bertambah dengan segera. Enam bulan sa-lepas perkhidmatan talivishen di-adakan waktu siaran telah bertambah dari 25½ jam kapada 44 jam.

288. Dengan menggunakan alat micro talikom dan dengan tertuboh-nya alat[2] pemanchar di-Ipoh, Melaka dan Gunong Jerai (Kedah Peak) talivishen telah di-adakan di-Ipoh dan Melaka pada 20 haribulan April dan di-Pulau Pinang, Alor Star dan Perlis pada 28 haribulan Ogos. Alat pemanchar Gunong Pulai di-Johor mulai di-gunakan pada 12 haribulan April, 1965.

289. Alat pemanchar di-Bukit Sungai Besi telah di-tambah kuasa-nya dari 12 kw. E.R.P. menjadi 100 kw. E.R.P. dan dengan tambahan kuasa ini maka perkhidmatan panduan itu telah bertukar menjadi perkhidmatan biasa dalam bulan Julai 1964. Dalam beberapa bulan sahaja penggambaran talivishen telah dapat di-kembangkan ka-semua negeri di-Pantai Barat, dan gambar[2] talivishen dari Tanah Melayu dapat di-lihat di-Singapura.

290. Talivishen telah banyak mempengarohi chara hidup ra'ayat Tanah Melayu. Oleh kerana 46 peratus daripada ranchangan yang di-terbitkan dari studio itu datang terus daripada studio, maka ra'ayat telah bertambah tertarek hati dan sedar dengan sumbangan[2] kebudayaan dari masharakat kita yang berbagai[2] bangsa itu. Talivishen Malaysia mempunyai tugas yang penting dalam usaha membentok satu kebudayaan yang berchorak Malaysia.

291. Sa-bidang tanah sa-luas 32 ekar telah di-perolehi di-Lembah Pantai untok di-jadikan tapak sa-buah Pusat Penyiaran yang menyatukan Radio dengan Talivishen. Bahagian talivishen dalam ranchangan itu yang memakan belanja hampir[2] $12,000,000 akan siap dalam tahun 1967.

292. Di-masa hadapan, banyak lagi pemanchar[2] akan di-bena di-Pantai Barat untok memperelokkan lagi perkhidmatan ini dan talivishen akan di-adakan di-negeri[2] Pantai Timor serta satu lagi saloran, yang kedua, akan di-adakan sa-bagai tambahan kapada saloran yang ada pada masa ini.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Barang[2] Eksepot

293. Dasar Kerajaan ia-lah untok melanjutkan langkah[2] yang di-ambil bagi menguat dan memperkokohkan lagi kedudokan ekonomi dan perdagangan

dalam bidang barang[2] eksepot. Perusahaan getah sedang di-majukan dengan chara menanam beneh[2] getah yang baik mutu-nya yang boleh mengeluarkan hasil getah lebeh 3,000 paun pada satu[2] ekar tiap[2] tahun, dan dengan yang demikian menchapai matalamat pengeluaran sa-banyak satu tan pada satu[2] ekar tiap[2] tahun. Hasil[2] getah juga jadi bertambah dengan chara menggunakan chara[2] baharu bagi membanyakkan susu, chara[2] menoreh dan menerangkan pada orang ramai betapa penting-nya menggunakan chara[2] baharu, dan hasil kemajuan[2] ini dapat di-rasakan oleh pengeluar[2] yang kechil sa-kali pun. Chara[2] pengeluaran baharu bagi mengurangkan masa memproses getah daripada beberapa hari menjadi beberapa jam sahaja sudah mula digunakan; bagitu juga chara[2] memelihara mutu susu getah dan getah sekerap.

294. Pada masa ini getah asli di-jual dalam pasaran[2] dunia dalam bandela[2] yang terbuka belakang-nya dan di-buboh tepong kapor. Kerajaan telah menjual getah yang di-tentukan mutu-nya, di-kemas dan di-ikat baik[2] supaya senang mengangkut-nya, menyimpan-nya dan menggunakan-nya kemudian. Usaha ini di-buat dengan kerjasama perusahaan getah sa-bagai ikhtiar hendak menghadapi chabaran getah tiruan.

295. Kerajaan telah membaiki perusahaan getah dengan langkah[2] yang telah di-jalankan bagi menambah pengeluaran, menggunakan chara[2] memproses yang baharu dan penerangan[2] bagi membanyakkan jualan dan pasaran dan dengan langkah[2] itu Malaysia akan kekal menjadi pengeluar getah asli yang terbesar dalam dunia.

296. Sa-lain daripada usaha[2] membaiki mutu getah asli dan meluaskan pasaran-nya yang di-jalankan oleh Kerajaan, Kerajaan juga telah terus menjalankan langkah[2] bagi menggalakkan menanam sa-mula getah[2] tua dengan getah[2] yang baik mutu-nya. Ranchangan menanam sa-mula getah telah menchapai kejayaan yang besar semenjak di-mulakan pada tahun 1952 dan pada akhir tahun 1964 kira[2] 45% ladang[2] getah telah di-tanam sa-mula dengan getah yang baik mutu-nya. Penyelidekan dalam lapangan ini telah di-jalankan dengan giat di-bawah kawalan dan kelolaan Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu. Hasil[2] yang di-dapati daripada penyelidekan itu sa-takat ini ada-lah menggalakkan, terutama sa-kali dalam perkara memajukan beneh[2] getah baharu yang baik mutu-nya. Satu daripada beneh[2] itu boleh mengeluarkan getah 4,000 paun pada satu[2] ekar tiap[2] tahun.

Bijeh Timah

297. Kerajaan akan terus mengambil perhatian berat atas masaalah[2] ekonomi dan perdagangan berkaitan dengan perusahaan bijeh ia-itu satu daripada perusahaan yang terpenting kapada ekonomi negara kita. Sa-lama tiga tahun yang lalu perusahaan ini telah terancham di-sebabkan penjualan[2] bijeh yang berlebeh[2] oleh sa-tengah[2] Kerajaan daripada simpanan[2] strategic mereka. Kerajaan sa-bagaimana yang telah lalu akan terus dengan sa-berapa daya upaya-nya menchari jalan untok mengelakkan anchaman yang di-sebabkan oleh jualan[2] bijeh daripada simpanan itu melaluï Majlis Bijeh Timah Antara Bangsa dan saloran[2] diplomatik.

298. Oleh kerana ekonomi negara kita maseh bergantong sa-bahagian besarnya kapada bijeh dan lain[2] bahan utama maka Kerajaan perchaya ada-lah untok kepentingan kita sendiri kalau kita menyokong sa-suatu peratoran bahan antara-bangsa saperti Perjanjian Bijeh Antara-Bangsa itu. Malaysia telah mengambil bahagian yang penting dalam Persidangan Bijeh Timah yang di-anjorkan oleh Bangsa[2] Bersatu yang telah berlangsong baharu[2] ini di-New York untok menimbangkan perkara Perjanjian Bijeh Timah Antara Bangsa Yang Ketiga. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji dengan halus-nya peruntokan[2] Perjanjian Bijeh Timah Antara Bangsa Yang Ketiga yang di-chadangkan itu sa-belum Kerajaan mengambil keputusan menerima Perjanjian tersebut.

Nenas

299. Dalam tahun yang lalu Perusahaan Nenas Tanah Melayu telah

menumpukan segala tenaga-nya untok memperkokohkan lagi kedudokan-nya di-dalam pasaran[2] besar dunia. Rundingan[2] perengkat perwakilan telah pun di-buat dalam pasaran[2] yang penting untok mengekalkan eksepot nenas dalam tin buatan Tanah Melayu dengan tujuan meletakkan perdagangan ini di-atas satu asas yang sempurna supaya kedudokan-nya tetap dan kokoh. Ada-lah di-jangka bahawa langkah[2] ini akan dapat di-selesaikan dengan memuaskan hati dalam tahun ini.

300. Perusahaan Mengetin Nenas Tanah Melayu yang telah di-tubohkan dengan ihsan Kerajaan yang bermodal $5,000,000 di-bawah Ranchangan Pembangunan Tanah Melayu Yang Kedua telah mula mengeluarkan hasil di-dalam bulan Oktober tahun 1964. Hasil pengeluaran ini akan menambahkan lagi eksepot kita dengan banyak-nya. Dengan tertuboh-nya perusahaan mengetin ini tidak sahaja akan memberi jaminan kapada pekebun[2] kechil yang mengeluarkan nenas tetapi juga akan memberi peluang[2] pekerjaan pada kaum keluarga mereka yang tidak bekerja penoh di-dalam ladang[2] itu.

301. Kerajaan berchadang hendak menubohkan sa-buah Perbadanan Pasaran Perusahaan Nenas di-dalam usaha[2]-nya untok mengemaskan lagi susunan perusahaan ini serta mengukohkan lagi kedudokan pasaran-nya. Rang Undang[2] untok menubohkan Perbadanan ini telah pun di-luluskan oleh Parlimen dan di-jangka Perbadanan ini akan dapat di-tubohkan sa-belum akhir tahun ini.

Kayu Balak

302. Rang Undang[2] untok menubohkan sa-buah Lembaga Eksepot Kayu Balak Tanah Melayu untok menetapkan dan mengawal eksepot kayu balak telah pun di-sediakan. Tujuan-nya ia-lah supaya perusahaan itu tetap, kokoh dan tersusun kedudokan-nya supaya pengimpot[2] dari luar negeri akan ada keperchayaan dalam eksepot Tanah Melayu. Ada-lah di-jangka Rang Undang[2] ini akan dapat di-binchangkan dalam Parlimen tidak berapa lama lagi ia-itu sa-lepas Kerajaan membinchangkan Rang Undang[2] itu dengan ahli[2] dalam perusahaan itu.

Perdagangan

303. Kerajaan sentiasa menjalankan dasar perdagangan yang tiada sempit dan hanya sadikit sahaja di-kenakan sekatan[2]. Pembeli[2] di-beri peluang memileh barang[2] yang lebeh banyak dengan harga yang lebeh murah kerana barang[2] dapat di-bawa keluar masok dengan bebas. Bagaimana pun kerana Kerajaan memandangkan penting-nya di-majukan perusahaan maka Kerajaan ada ranchangan hendak mengadakan sekatan[2] ka-atas barang[2] pilehan buatan tempatan. Sekatan[2] ini perlu di-ubah dari sa-masa ka-samasa dan di-kaji sa-mula apabila sekatan itu di-dapati tiada penting di-adakan lagi.

304. Pada masa yang sudah[2] Malaysia sentiasa bergantong kapada eksepot beberapa jenis bahan mentah, tetapi dalam masa beberapa tahun yang lalu dengan ada-nya kemajuan perusahaan maka Malaysia telah mula mengeksepot sa-tengah[2] daripada barang[2] yang di-buat di-negeri ini. Dengan ini maka Kerajaan akan berusaha menchari pasaran[2] baharu bagi meng-eksepot lebeh banyak lagi barang[2] yang di-buat di-negeri ini. Kerajaan berchadang hendak menjayakan maksud ini dengan chara mengadakan Perkhidmatan Pesurohjaya Perdagangan dan menubohkan sa-buah Majlis Menggalakkan Eksepot dan sa-buah Pusat Menetapkan Mutu Barang[2] dengan tujuan hendak menetapkan mutu barang[2] di-eksepotkan.

305. Oleh kerana perkapalan ada-lah mustahak dalam perdagangan antara-bangsa maka Kerajaan ada ranchangan hendak menubohkan Sharikat Perkapalan Kebangsaan-nya sendiri yang sederhana besar-nya. Malaysia akan mengambil perhatian yang besar dalam usaha[2] hendak menurunkan chukai kapal dengan chara mengambil bahagian dalam forum[2] anjoran antara-bangsa.

306. Berkenaan dengan perdagangan antara-bangsa, Kerajaan akan terus mengirimkan perwakilan[2] untok mengambil bahagian dalam persidangan[2]

antara-bangsa dengan tujuan[2] saperti yang di-terangkan di-bawah ini:

(*a*) berusaha supaya semua hasil[2] utama dan hasil[2] negeri[2] panas dapat di-bawa masok ka-dalam pasaran negeri[2] perusahaan tanpa chukai;

(*b*) berusaha supaya semua hasil[2] utama negeri[2] yang sedang dalam pembangunan dapat di-jual dengan harga yang berpatutan dan memberi untong;

(*c*) berusaha supaya di-kurangkan semua chukai dan di-hapuskan semua sekatan[2] perdagangan yang lain yang menghalang negeri[2] yang sedang dalam pembangunan mengeksepot dagangan mereka;

(*d*) berusaha supaya negeri[2] yang sedang dalam pembangunan dapat mengeksepot barang[2] perusahaan mereka dengan diberikan keutamaan khas;

(*e*) berusaha hendak meluaskan lagi perdagangan antara kawasan.

307. Kerajaan menerima baik Lembaga Kemajuan dan Perdagangan yang telah di-tubohkan sa-bagai badan tetap dalam perhubongan ekonomi antara-bangsa. Negeri[2] perusahaan dan negeri[2] yang sedang dalam pembangunan dapat berusaha bersama bagi menyelesaikan masaalah[2] perdagangan antara-bangsa melaluï Lembaga ini. Walau pun Malaysia gagal dalam usaha negara ini hendak menjadi anggota Lembaga itu pada tahun yang lalu, negara ini akan berusaha terus hendak menchari sokongan supaya ia di-lantek menjadi anggota dalam tahun ini; dengan yang demikian dapat-lah kita berusaha bersunggoh[2] bagi mendapatkan sharat[2] perdagangan yang lebeh baik bagi negeri[2] yang sedang dalam pembangunan mengikut peratoran[2] antara-bangsa.

Kemajuan Perusahaan

308. Kerajaan sedang menumpukan perhatian yang besar terhadap memajukan perindustrian dengan tujuan akan meluaskan lagi bidang ekonomi, memberi peluang[2] bekerja kapada orang[2] yang meminta kerja yang samakin bertambah, untok memberi peluang supaya bahan[2] mentah dan hasil[2] tempatan dapat di-gunakan dengan tujuan untok menyimpan dan mendapatkan lagi pendapatan wang luar serta juga memberi perangsang kapada ekonomi negara kita. Hingga masa ini lebeh kurang $1,346,000,000 telah di-jadikan modal untok mendirikan perusahaan[2] perintis di-Malaysia. Modal ini terpechah di-dalam negeri[2] di-Malaysia ia-itu sa-banyak $655,000,000 di-Negeri[2] Tanah Melayu, $650,000,000 di-Singapura dan $41,000,000 di-Negeri[2] Borneo. Saramai lebeh 20,000 orang telah mendapat pekerjaan dalam sharikat[2] perintis yang sa-banyak 190 buah yang menjalankan perusahaan di-Malaysia pada masa ini.

309. Perusahaan[2] yang telah di-dirikan hingga masa ini ia-lah perusahaan[2] yang mengeluarkan barang[2] menggantikan barang[2] yang di-impot dari luar negeri, dan barang[2] yang di-keluarkan ada-lah untok keperluan dalam negeri sahaja. Ada juga satengah[2] perusahaan mengeluarkan barang[2] untok di-eksepot. Kerajaan sedang menimbangkan dengan bersunggoh[2] tentang perkara hendak memberi galakan dan menubohkan perusahaan[2] besar dengan tujuan menjadikan perusahaan[2] itu sa-bagai asas permulaan bagi kemajuan perusahaan bagi masa yang ka-hadapan. Kerajaan telah siap membuat ranchangan[2] bagi mendirikan satu perusahaan besi dan besi waja yang di-satukan dan sa-buah perusahaan memasang alat[2] motokar. Dengan ada-nya perusahaan[2] ini maka dapat-lah di-dirikan pula perusahaan[2] lain yang ada hubongannya dengan perusahaan[2] itu dan dengan itu juga lebeh banyak lagi bahan[2] mentah tempatan dapat di-gunakan. Ada lagi ranchangan[2] besar yang sedang di-timbangkan ia-itu termasok perusahaan kertas dan palpa dan perusahaan membuat kacha.

310. Kerajaan berazam perindustrian dalam negeri ini dapat di-majukan lagi dengan chepat dengan tujuan supaya kemajuan-nya sama dengan kemajuan dalam lapangan[2] lain. Bagi maksud ini maka Kerajaan telah menjalankan langkah[2] yang tegas. Kerajaan

berharap ia-itu Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan mula menjalankan tugas-nya tiada lama lagi. Tugas[2] itu termasok-lah antara lain mengkaji kebolehan[2] ekonomi, menggalakkan perusahaan, menyatukan penyiasatan[2] mengenai perusahaan dan memajukan kawasan[2] perusahaan. Kerajaan telah meminta bantuan daripada Kumpulan Wang Khas Bangsa[2] Bersatu bagi tujuan menubohkan Pusat Penyelidekan Sains dan Perusahaan Kebangsaan. Undang[2] Perusahaan Perintis yang ada sekarang ini di-Negeri[2] di-Malaysia telah di-pinda dengan tujuan hendak menyamakan chukai[2] di-seluroh Malaysia. Peruntokan[2] telah pun di-buat untok di-kechualikan daripada chukai walau pun modal-nya bertambah.

311. Dengan tertuboh-nya Pasaran Bersama Malaysia maka Sharikat[2] Malaysia akan mempunyai pasaran tunggal yang besar dan memberi peluang[2] yang lebeh besar bagi memajukan perusahaan[2] yang ada sekarang dan menubohkan perusahaan[2] baharu.

312. Betapa penting-nya Pusat Daya Pengeluaran Negara telah terbukti dan Pusat itu telah memberi faedah yang besar kapada ranchangan perindustrian dengan menerangkan kapada masharakat betapa penting-nya di-tambah pengeluaran. Sa-takat ini 53 kursus telah di-adakan dan 888 orang yang terdiri daripada Pengurus[2], Penyelia[2] dan Pegawai[2] Kesatuan Buroh telah di-lateh. Sa-lain daripada itu empat kursus latehan yang khas di-ranchangkan bagi 89 orang pemborong[2] Melayu ada-lah satu daripada ranchangan[2] latehan yang terpenting yang telah di-adakan. Negeri[2] Sabah, Sarawak dan Singapura juga berkehendakkan perkhidmatan[2] Pusat ini. Oleh yang demikian Kerajaan sedang menimbangkan perkara hendak meluaskan lagi gerakan[2] Pusat ini ka-negeri[2] tersebut.

Penyertaan Orang[2] Melayu di-dalam Lapangan Perdagangan dan Perusahaan

313. Dalam usaha[2]-nya untok mengurangkan jarak perbezaan di-antara orang[2] Melayu dengan kaum[2] lain dalam perdagangan dan perusahaan, Kerajaan telah mengadakan satu dasar untok memberi kemudahan[2] serta menggalakkan orang[2] Melayu turut serta dalam lapangan[2] tersebut. Kerajaan telah menjalankan langkah[2] untok memberi kemudahan kapada orang[2] Melayu menanam modal yang lebeh banyak lagi dalam segala lapangan dan juga turut serta sa-chara langsong dalam perdagangan dan perusahaan. Sa-bagai satu langkah untok menambah bilangan orang Melayu bekerja dengan sharikat[2] perdagangan dan perusahaan, rayuan[2] telah pun di-buat kapada sharikat[2] perdagangan dan perusahaan supaya memberikan lebeh banyak lagi peluang bekerja kapada orang[2] Melayu.

314. Bagi melaksanakan dasar ini, pehak Kerajaan telah menitek-beratkan usaha[2]-nya menggalakkan peniaga[2] Melayu yang kechil[2] supaya bersatu dalam satu badan yang lebeh besar, supaya dengan mengumpulkan tenaga mereka, mereka boleh mengukohkan lagi kedudokan mereka dan juga boleh menambahkan lagi gerakan mereka di-dalam sa-suatu perniagaan atau perusahaan hingga sampai ka-perengkat yang sa-lama ini mereka tidak di-berikan peluang menyertai-nya. Mereka juga di-galak menubohkan perusahaan bersama[2] dengan sharikat[2] bukan Melayu supaya mereka dapat pengalaman mengetahui muslihat perniagaan. Dengan chara ini Kerajaan berharap kemudahan[2] dan juga peluang[2] yang lebeh besar lagi akan timbul untok orang[2] Melayu yang baharu sahaja mencheborkan diri mereka dalam perusahaan dan perdagangan dan juga untok orang[2] Melayu yang telah pun mengambil bahagian di-dalam sa-suatu lapangan perdagangan dan perusahaan. Peniaga[2] kechil Melayu yang telah di-satukan kapada satu badan yang lebeh besar telah pun di-tubohkan dalam perusahaan pembenaan dan kayu balak. Satu ranchangan yang sama juga untok mengukoh dan menambahkan lagi penyertaan orang[2] Melayu di-dalam perniagaan runchit juga sedang di-kaji.

315. Muslihat perniagaan dan juga pengalaman ada-lah penting bagi menchapai kejayaan dalam sa-suatu perniagaan. Kerajaan sudah pun berusaha untok mengadakan kemudahan[2]

bagi peniaga[2] Melayu mengetahui muslihat perniagaan dan mendapat pengalaman itu. Pada tahun lalu empat kursus teknik telah di-adakan bagi pemborong[2] Melayu dan bagi tahun ini pula Kementerian ini sedang menyediakan enam kursus saperti itu. Dengan ada-nya kursus tersebut Kerajaan berharap pemborong[2] Melayu yang kechil dapat mempelajari asas muslihat perniagaan yang di-kehendaki dalam perniagaan mereka. Kerajaan juga menggalakkan mereka supaya bergabong dengan sharikat[2] kepunyaan orang[2] bukan Melayu yang sudah terkenal, sa-bagai satu chara mendapatkan kemudahan[2] dan peluang[2] bagi orang[2] Melayu mempelajari muslihat perniagaan dan mendapat pengalaman.

316. Untok melaksanakan dasar Kerajaan itu dengan lebeh tegas lagi satu Jawatan-kuasa Khas Kebangsaan mengenai Penyertaan Orang[2] Melayu telah di-tubohkan dengan Timbalan Perdana Menteri menjadi Pengerusi dan Menteri Pelajaran menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa Pemandu. Jawatan-kuasa Khas ini akan mengadakan meshuarat-nya dalam bulan Jun tahun ini untok meranchang, menyatu dan mengarahkan langkah[2] dan usaha[2] bagi melaksanakan dengan lebeh tegas lagi penyertaan orang[2] Melayu dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

317. Sa-bagai hasil daripada dasar Kerajaan itu, bertambah[2] banyak orang Melayu telah sedar dan turut serta dalam berbagai lapangan perdagangan dan perusahaan. Walau bagaimana pun maseh ada banyak lagi yang harus di-perbaiki dan di-perluaskan. Kerajaan berharap banyak lagi orang[2] Melayu yang mempunyai daya usaha dan keazaman akan maju ka-hadapan mengambil peluang dan menggunakan kemudahan[2] untok turut serta dalam perdagangan dan perusahaan yang telah pun di-adakan oleh Kerajaan. Kerajaan juga berharap bahawa orang[2] bukan Melayu dalam perdagangan dan perusahaan akan memberi kerjasama mereka untok menolong orang[2] Melayu mendapatkan tempat dalam lapangan tersebut di-negeri ini.

Perbekalan Letrik

318. Oleh kerana perusahaan[2] telah banyak di-buka dalam masa yang sengkat di-negeri ini maka bertambah[2] banyak lagi bekalan kuasa letrik di-kehendaki seluroh negara. Di-Negeri[2] Tanah Melayu, Lembaga Letrik Pusat telah mengambil langkah bagi memenohi kehendak ini dengan menambahkan lagi ranchangan[2]-nya. Kemajuan[2] terus di-chapai dalam beberapa ranchangan Letrik Haidero dan ranchangan Steshen Janaletrik Kuasa Wap.

319. Di-Cameron Highlands kerja[2] yang bersangkut dengan Ranchangan Letrik Haidero Batang Padang telah di-jalankan dengan sempurna-nya. Ranchangan Letrik Haidero Ulu Telom telah siap dan pada masa ini sedang di-gunakan. Ranchangan ini mengeluarkan lebeh daripada 30,000,000 unit tenaga letrik pada tiap[2] tahun. Di-Prai pula kerja[2] membena Steshen Janaletrik Kuasa Wap yang baharu itu terus berjalan dengan sempurna-nya sa-panjang tahun dan tawaran[2] bagi membekal dan mendirikan sa-bahagian besar daripada alat[2] yang di-kehendaki bagi dua set Penjanaan Kuasa 30 MW dan loji boiler berkenaan dengan-nya telah di-berikan. Kedua[2] set Penjanaan Kuasa itu di-jadual akan dapat di-gunakan pada pertengahan tahun 1966. Demikian juga di-Melaka kerja memasang set Penjanaan Kuasa 10 MW yang ke-empat sedang di-jalankan dan di-jadual akan siap pada pertengahan tahun 1966. Ranchangan Lembaga hendak membekalkan letrik ka-kawasan luar bandar di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua Kerajaan Persekutuan telah menchapai banyak kemajuan dan dalam tahun 1964, 60 buah kampong lagi telah di-bekalkan dengan kuasa letrik. Kerja bagi membekalkan 83 buah kampong lagi telah di-jalankan. Kerja bagi membaiki perbekalan kuasa letrik ka-Kampong[2] Baharu telah di-jalankan sa-panjang tahun lalu dan hampir[2] siap.

320. Penyiasatan mengenai Ranchangan Letrik Haidero Ulu Perak oleh satu pasokan jurutera yang di-hantar oleh Kerajaan Canada di-bawah anjoran Ranchangan Colombo terus di-jalankan sa-panjang tahun 1964.

Ranchangan ini di-anggarkan memakan belanja sa-banyak $450,000,000 dan apabila siap akan mengeluarkan tenaga letrik sa-banyak 1,300,000,000 unit pada tiap² tahun. Kerja² permulaan bagi meranchangkan Steshen Janaletrik Kuasa Wap yang di-chadangkan di-Port Dickson sedang di-jalankan. Dua set Penjanaan Kuasa 60 MW yang akan di-pasang di-Steshen ini pada mula²-nya akan di-tambah hingga menjadi 480 MW. Steshen ini di-jangka akan siap dalam 1969. Sa-lain daripada itu Lembaga itu juga telah mengkaji kemungkinan mengadakan dua ranchangan letrik haidero yang lain di-Bentong, Pahang. Kedua² ranchangan ini apabila siap akan dapat membekalkan tenaga letrik lebeh kurang 90,000,000 unit pada tiap² tahun.

321. Di-Negeri² Singapura, Sabah dan Sarawak ranchangan² bagi menambahkan lagi perbekalan² letrik sedang di-jalankan dengan bersunggoh² oleh pehak² yang berkuasa mengenai letrik dalam negeri masing².

Pelanchongan

322. Ada bukti² yang menunjokkan bahawa pelanchongan mendatangkan sa-makin banyak hasil kapada negeri ini pada tiap² tahun. Oleh kerana perusahaan ini boleh mendapatkan wang luar negeri Kerajaan bermaksud hendak memajukan lagi dengan bersunggoh² perusahaan pelanchongan dalam negeri ini. Kerajaan sedang menunggu penyata dan shor² Jawatankuasa Kerja yang di-tubohkan bagi maksud ini.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

A. Jabatan Penerbangan 'Awam

323. Pada menjalankan dasar Kerajaan hendak menambah kemudahan² lagi supaya perkhidmatan udara dalam negeri di-Malaysia bertambah baik, rundingan² telah selesai dan Sharikat Penerbangan Borneo Berhad telah di-satukan dengan Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad. Langkah ini berserta dengan lapangan² terbang di-Sabah dan di-Sarawak yang sedang di-elokkan lagi itu membuka jalan bagi perkhidmatan² udara yang lebeh baik untok mendatangkan faedah yang besar kapada orang ramai. Sekarang kapal terbang Comet kepunyaan Sharikat Penerbangan Kebangsaan kita dapat memberi perkhidmatan sahingga ka-Jesselton dan kapal terbang F.27 telah dapat menggunakan lapangan terbang di-Tawau sa-telah lapangan terbang itu di-bena sa-mula dalam bulan Mach tahun ini.

324. Dalam tahun lepas kerja membena lapangan terbang baharu Antara Bangsa di-Kuala Lumpur telah berjalan dengan baik. Lapangan terbang ini di-jangka akan di-buka sa-lepas pertengahan tahun ini. Apabila lapangan terbang ini siap maka dapatlah Negara Malaysia memberi perkhidmatan teknik yang tinggi mutu-nya bagi perkhidmatan udara antara bangsa di-lapangan² terbang yang besar ia-itu di-Kuala Lumpur dan di-Singapura.

325. Kerja mengelokkan lagi keselamatan dan kesenangan penumpang² kapal terbang sedang di-jalankan. Di-Singapura sa-buah alat pengawasan Radar yang berharga $1,240,000 telah di-bena untok kegunaan Kawalan Terafik Udara pada bulan Ogos tahun lalu. Dengan hal yang demikian kapal² terbang yang menggunakan lapangan terbang bertambah² lagi selamat, masa tiba dan bertolak-nya bertambah² tetapi lagi dan belanja perkhidmatan-nya bertambah kurang. Kerja² memulakan projek² pembangunan yang memakan belanja $3,043,000 itu telah di-laksanakan ia-itu mengadakan alat isharat untok kapal terbang turun, alat penunjok landaian turun, Seteshen VOR/DME dan alat perakam perchakapan berbagai² saloran.

B. Jabatan Laut dan Pelabohan

326. Ibu Pejabat Jabatan Laut di-Pelabohan Swettenham yang memakan belanja sa-banyak $400,000 itu telah pun di-pakai semenjak bulan Jun, 1964. Ibu Pejabat Jabatan Laut telah di-pindahkan ka-Port Swettenham, dan beberapa buah lagi tambatan kapal telah di-bena di-Selat Klang Utara. Dengan hal yang demikian maka bertambah-lah terkemuka-nya Pelabohan Swettenham di-kalangan perkapalan dunia sa-belah sini.

327. Kerja membena benteng laut dan pantai yang tegoh di-Ibu Pejabat yang baharu itu sedang berjalan dengan baik. Projek ini di-usahakan bersama[2] dengan Angkatan Laut di-Raja melalui Kementerian Pertahanan.

328. Dua buah kapal pelabohan, 40 kaki panjang-nya dan berharga $95,800 dan sa-buah kapal sungai berharga $58,600 telah siap dan di-gunakan dalam tahun 1964. Sa-buah kapal pemereksa dan penyelamat di-laut, 66 kaki panjang-nya yang sedang di-bena oleh RIDA dengan perbelanjaan sa-banyak $266,180 hampir siap dan akan di-serahkan kapada Jabatan Laut sadikit hari lagi. Sa-buah kapal ayer berkipas satu di-perbuat daripada besi sedang di-bena dengan belanja sa-banyak $300,520. Kapal ini boleh membawa ayer sa-banyak 220 tan untok bekalan kapal[2] yang berlaboh di-Pelabohan Swettenham dan di-Selat Klang Utara. Apabila kapal[2] ini siap ia akan menambah bilangan kapal[2] yang di-punyai oleh Jabatan Laut.

329. Sunggoh pun pengkalan kapal di-Pulau Langkawi telah siap dalam tahun 1962 tetapi mustahak di-jalankan lagi usaha[2] membesarkan-nya kerana kapal[2] yang datang ka-Pulau itu bertambah banyak. Kerja membesarkan pengkalan ini di-jangka akan siap dalam tahun 1965. Pengkalan Pulau Langkawi ini ganjil daripada mana[2] pengkalan kerana ia-lah sahaja pengkalan yang di-perbuat daripada batu marmar di-Asia Tenggara. Hal yang demikian ia-lah kerana lebeh[2] batu marmar senang di-dapati daripada loji batu marmar di-Pulau itu dan murah pula daripada batu pejal. Pulau Langkawi di-fikirkan ada kemungkinan menjadi tempat yang menarek hati pelanchong[2] dan oleh itu Kerajaan bermaksud hendak mengadakan segala kemudahan kapada pelanchong[2].

330. Di-Labuan, kerja membena galangan kapal baharu yang tahan di-naikkan kapal sa-berat 500 tan di-jangka akan siap dalam bulan ini. Di-Sandakan pula pelan[2] sedang di-buat untok sa-buah galangan kapal baharu yang tahan di-naikkan kapal sa-berat 120 tan. Kedua[2] galangan kapal ini banyak guna-nya kapada kapal[2] tentera dan kapal 'awam. Sa-buah pengkalan minyak yang baharu bagi semua kapal sedang di-bena di-Jesselton supaya tiada penoh sesak sangat dermaga besar yang sekarang di-gunakan oleh kapal[2] membawa minyak. Sa-buah dermaga baharu di-Kudat telah siap dan sa-buah dermaga baharu di-Semporna sedang di-bena.

331. Jabatan Laut di-Kuching sentiasa bekerjasama dengan pehak polis dan tentera dengan mengadakan kapal[2] untok meronda, membawa ashkar[2], bekalan dan alat[2] perkakas mereka. Kerja memperdalamkan tempat[2] yang changkat dan lain[2] yang bersangkutan telah di-jalankan di-beberapa tempat supaya kapal[2] yang besar dapat menggunakan tempat[2] itu dengan tidak merbahaya.

332. Kerja bahagian pertama untok membena dermaga[2] di-tempat ayer dalam di-Butterworth sedang berjalan dengan baik. Tawaran untok membena dermaga sahaja telah pun di-terima dan sekarang sedang di-pereksa oleh jurutera[2] penasihat. Kerja bahagian akhir untok memperelok dan memperbesarkan lagi kemudahan[2] pendaratan di-Pengkalan Weld di-jangka akan siap pada penghujong tahun 1966. Dengan hal yang demikian akan di-dapati-lah satu pengkalan antara Pengkalan Raja Tun Uda di-sabelah Selatan dan perenggan Lembaga Pelabohan di-sabelah utara dan ayer di-situ chukup dalam bagi kapal[2] kechil dan perahu[2] mengisi dan memunggah barang[2] dengan tidak payah menunggu ayer pasang surut.

C. Jabatan Kajichuacha

333. Kerja memerhatikan tiupan angin di-angkasa sa-hingga 80,000 kaki tinggi-nya berjalan sa-tiap hari di-Seteshen Radar Penyiasatan Angin yang baharu di-Kota Bharu.

334. Seteshen Radio sonde di-Pulau Pinang yang memberi perkhidmatan kapada Pertubohan Penyiasatan Antara Bangsa Lautan Hindi dalam lapangan Kajichuacha telah siap di-bena dan akan di-gunakan sadikit masa lagi. Seteshen ini akan menyukat hawa, kuasa tekanan udara (pressure) dan kelembapan di-angkasa.

335. Perhubongan Talikom Kajichuacha telah di-ator sa-mula dengan bantuan Jabatan Talikom. Dua alat terasing untok menerima siaran chuacha dari Delhi dan Canberra telah pun di-bena di-Kuala Lumpur dan Singapura, dan sa-buah alat lagi menjadi perhubongan dua-jalan antara Pejabat Kajichuacha di-Kuala Lumpur dengan Pejabat Kajichuacha di-Singapura.

336. Pertubohan Kajichuacha dunia telah meluluskan satu ranchangan untok mendirikan sa-buah pusat menghantar dan menukar perangkaan chuacha antara utara dengan selatan melaluï New Delhi dan Melbourne. Perbelanjaan berulang² bagi pusat ini ia-itu sa-banyak lebeh kurang $330,000 akan di-tanggong semua-nya oleh Pertubohan Kajichuacha Dunia.

D. Jabatan Pengangkutan Jalan Raya

337. Sa-telah di-laksanakan dasar Kerajaan usaha menggalakkan orang² Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan jalan raya telah menchapai kemajuan yang tetap dalam tahun 1964 dan semenjak tahun itu dan di-jangka akan terus maju dalam tahun ini. Pada 31hb Disember, 1964, lesen² kereta sewa bagi orang² Melayu telah di-keluarkan sa-banyak mana yang di-tetapkan bagi enam buah Negeri, ia-itu Negeri Pahang, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Di-negeri² yang lain hampir² sa-banyak peratus yang di-tetapkan telah di-keluarkan. Dalam tahun 1964 jumlah lesen² pengangkutan untok kereta² membawa barang yang di-punyaï oleh orang Melayu atau sharikat² perkongsian Melayu bertambah sa-banyak 731. Modal orang² Melayu dalam sharikat² bas juga bertambah sa-banyak $6,861,920 pada 31hb Disember, 1963, tetapi angka² bagi tahun 1964 belum siap lagi di-kira. Walau pun demikian boleh-lah di-jangka modal orang² Melayu dalam sharikat² bas telah bertambah.

338. Kerja² yang di-selenggarakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Raya di-Negeri² Tanah Melayu bertambah² banyak dalam tahun 1964. Jumlah kereta² yang di-daftarkan dalam tahun 1964 ia-lah hampir² 342,391 buah pada hal dalam tahun lalu jumlah-nya 293,014 buah. Hasil yang di-pungut dalam tahun 1964 berjumlah $92,000,000, pada hal dalam tahun 1963 jumlah-nya ia-lah $81,500,000. Di-Singapura jumlah kereta² yang memakai enjin pada akhir tahun 1963 ia-lah 153,004 buah tetapi pada akhir tahun 1964 angka ini telah meningkat 171,496, ia-itu bertambah sa-banyak 18,492 buah. Jumlah hasil yang di-pungut di-Singapura daripada lesen² kereta ini ia-lah $33,100,000 pada penghujong tahun 1964 pada hal dalam tahun 1963, jumlah-nya ia-lah $30,900,000 ia-itu bertambah sa-banyak $2,200,000.

339. Permohonan² meminta lesen² kereta perdagangan di-Tanah Melayu telah juga bertambah. Sa-buah Lembaga Lesen Pengangkutan Jalan Raya yang baharu mengandongi lapan orang ahli yang di-lantek oleh Menteri Pengangkutan telah di-tubohkan pada 1hb April, 1964, untok menimbangkan permohonan² dengan lebeh segera. Lembaga yang baharu ini membuat kerja² yang dahulu-nya di-buat oleh sa-puloh buah Lembaga Lesen Kawasan dan sa-buah Lembaga Lesen. Meshuarat² sekarang di-adakan oleh Lembaga Besar Lesen yang baharu itu di-tiap² negeri Tanah Melayu untok menyenangkan orang² 'awam.

340. Sa-lepas Malaysia di-tubohkan, Pejabat Kenderaan di-Singapura telah di-jadikan Jabatan Persekutuan di-bawah Kementerian Pengangkutan.

341. Kerja membena bangunan² baharu untok pejabat² Pendaftar² Kereta di-Negeri Selangor (di-Petaling Jaya) dan di-Ipoh akan di-mulakan tidak lama lagi.

342. Dalam tahun 1964 Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu terus menjalankan berbagai² ranchangan kemajuannya yang telah di-mulakan pada tahun 1956. Satu perkara yang besar ia-lah menukar kepala keretapi yang menggunakan arang dengan kepala keretapi yang menggunakan minyak diesel. Sekarang ada 26 buah kepala keretapi diesel yang di-gunakan untok perjalanan juah, 41 buah kepala keretapi di-gunakan untok membuat kerja shunting dan 11 buah kereta railcar. Lima belas buah kepala keretapi diesel

untok perjalanan jauh di-jangka akan sampai sa-belum akhir tahun ini. Menukar kepala keretapi yang menggunakan minyak diesel bukan sahaja mengurangkan belanja menjalankannya bahkan juga mengadakan perkhidmatan yang lebeh baik bagi orang² 'awam.

343. Oleh kerana ranchangan memajukan perusahaan dan ranchangan perumahan serta pembangunan bertambah banyak dengan chepat-nya maka mustahak-lah di-adakan perkhidmatan keretapi yang lebeh besar lagi sempurna. Dengan sebab itu Pertadbiran Keretapi mengambil berat tentang perkara ini dengan mengadakan jalan² keretapi ka-gudang², kilang² dan tempat² perusahaan. Gerabak² khas yang sesuai untok mengangkut barang² yang berat sedang di-kehendaki.

344. Kerja membuat jalan keretapi dari Prai ka-Butterworth sedang di-jalankan dan akan siap dalam tahun 1966. Kerja membuat jalan keretapi di-Singapura untok menghubongkan Steshen Bukit Timah dengan kawasan perusahaan di-Jurong di-jangka akan siap dalam bulan Ogos tahun ini.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

A. Tentera Biasa

Gerakan Tentera

345. Sambil berjaga² sa-tiap masa Tentera Darat juga memberi bantuan kapada Polis di-Raja Malaysia menjalankan gerakan² keselamatan dalam negeri dan menentang pengkhianat².

346. Dalam beberapa bulan yang lalu ini Tentera Darat telah berjaya menghapuskan penyusup² dari Indonesia yang masok ka-dalam Negeri² Tanah Melayu dan Singapura. Untok menjayakan lagi usaha² menghapuskan penyusup² pada masa hadapan, peratoran² yang sempurna telah di-buat supaya gerakan² bersama dapat di-jalankan oleh semua Pasokan² Bersenjata, Polis di-Raja Malaysia dan jika mustahak, oleh Tentera² Negara sahabat kita bagi mempertahankan kedaulatan Malaysia.

347. Gerakan² keselamatan untok menghapuskan saki-baki Pertubohan Pengganas Kominis di-sempadan Thai-Malaysia telah berjalan terus. Baharu² ini Kerajaan telah membuat satu Perjanjian Sempadan dengan Kerajaan Thai untok menyatukan dengan lebeh kuat lagi dan merancangkan gerakan² bersama di-sempadan itu. Gerakan² ini di-perchayai akan dapat di-jalankan pada masa hadapan dengan lebeh sempurna lagi dengan ada-nya Perjanjian tersebut.

348. Di-Negeri² Borneo, Tentera Darat kita bersama² dengan Tentera² Negara Commonwealth telah menjalankan gerakan² yang besar dan berjaya dalam usaha² menentang kumpulan orang² Indonesia yang datang menyerang. Gerakan² ini akan berjalan terus sa-lagi di-kehendaki dan akan di-perhebat lagi jika di-dapati mustahak.

349. Kerajaan sentiasa berjaga² untok menghadapi anchaman² dan sedar akan kesusahan yang di-sebabkan oleh anchaman² itu kapada ra'ayat dan sekatan² yang di-kenakan ka-atas mereka. Walau pun demikian ra'ayat negeri ini telah memberikan kerjasama yang sangat menggalakkan.

Pembesaran

350. Pembesaran Tentera Biasa yang di-mulakan pada tahun lepas telah sempurna di-jalankan. Tujuan Kerajaan membesarkan Tentera ini ia-lah supaya semua Pasokan Tentera Darat dapat bergerak dan lengkap dengan segala alat senjata, chukup kuat untok mempertahankan Malaysia dari pencherobohan yang datang dari luar. Pasokan Tentera mustahak-lah di-perbesarkan lagi kerana pencherobohan Indonesia sa-makin bertambah dan melarat pula ka-Malaysia Barat. Perkara membesarkan tentera lagi telah di-fikirkan mustahak dan sedang di-jalankan.

351. Dua Batalion Pasokan Ranger Malaysia yang terdiri dari orang² Sabah dan Sarawak akan chukup bilangan ahli²-nya dan akan tamat latehan di-bawah anjoran Inggeris pada tahun ini. Kedua² batalion ini akan di-hantar berkhidmat di-luar tidak lama lagi.

B. Tentera Wataniah

352. Usaha memperbesarkan Askar Wataniah untok menjadi askar simpanan yang sempurna hampir tamat, sunggoh pun banyak lagi latehan dan alat kelengkapan yang maseh di-di-kehendaki sa-belum ia menjadi sa-buah pasokan yang chukup sempurna. Usaha memperbesarkan Pasokan Pertahanan Tentera telah berjalan dengan baik. Usaha[2] memperbesarkan lagi Pasokan ini akan di-jalankan pada tahun ini dan Pasokan Pertahanan 'Awam akan di-tubohkan di-Singapura, Sabah dan Sarawak.

353. Oleh kerana penyusup[2] dari Indonesia telah masok ka-Malaysia Barat dan ada bahaya[2] dari peng-khianat[2], Ahli[2] Tentera Wataniah, termasok Pasokan Pertahanan Tempat-an telah di-panggil berkhidmat untok menjaga tempat[2] sasaran penting dan membantu Tentera Biasa dalam gera-kan menentang penyusup[2].

C. Pasokan Setia Negara

354. Semenjak Kerajaan membuat keputusan mengadakan kerahan tenaga, ramai pemuda[2] telah di-beri latehan tentera dan pemuda[2] itu di-jadikan askar simpanan dan akan di-panggil berkhidmat kelak jika musta-hak. Pusat[2] Latehan untok Pasokan Setia Negara akan di-tubohkan di-tiap[2] buah Negeri; dan latehan[2] pula akan di-adakan tiga kali lebeh banyak pada tahun ini.

D. Angkatan Laut di-Raja Malaysia

355. Dalam tahun yang lalu Angkatan Laut di-Raja Malaysia telah bertugas meronda pantai[2] di-Timor dan Barat Malaysia kerana menentang penyu-supan[2]. Dengan ada-nya pengalaman[2] maka teknik[2] baharu telah di-jalankan. Ahli[2] Angkatan Laut telah menunjok-kan kechekapan mereka beberapa kali bertentang dengan pencherobohan[2] Indonesia. Semangat mereka sentiasa tinggi.

356. Kapal[2] Angkatan Laut Malaysia sentiasa meronda bersama[2] dengan kapal[2] Angkatan Laut Negara[2] Commonwealth yang lain dan kerja-sama ini amat menggembirakan. Kapal di-Raja Hang Tuah, ia-itu sa-buah kapal frigate yang baharu di-beli, telah menjalankan tugas sa-bagai kapal yang menjadi Pusat Gerakan dan kapal Pengawal di-kawasan Tawau berganti[2] dengan Kapal[2] Pembinasa dan kapal[2] frigate yang di-punyai oleh negara[2] yang bersahabat dengan kita; Pegawai Angkatan Laut yang bertanggong-jawab bagi Malaysia Barat pula mengawal gerakan[2] kapal[2] peronda kechil yang menjadi pasokan[2] pengawal bersama di-perayeran Barat Malaysia.

357. Gerakan[2] meronda akan di-tambah lagi apabila kapal[2] baharu dan orang[2] baharu di-dapati mengikut ranchangan[2] pembesaran yang di-luluskan.

358. Angkatan Laut di-Raja Malaysia telah banyak di-perbesarkan lagi dalam tahun 1964. Sa-buah kapal frigate, beberapa buah kapal peronda yang moden, kapal[2] yang menjaga kesela-matan di-laut di-keluarkan daripada Simpanan dan beberapa buah kapal[2] lain telah di-perolehi untok Angkatan Laut. Pengkalan[2] kapal di-Labuan dan Tawau telah di-perelokkan lagi. Peng-kalan Besar di-Singapura sedang di-perbesarkan lagi supaya semua kapal perang, kechuali kapal[2] yang besar, boleh di-lengkapkan sa-mula oleh Angkatan Laut di-Raja Malaysia. Bilangan anggota Angkatan Laut dan Angkatan Laut Simpanan Sukarela Malaysia telah bertambah dan akan di-tambahkan lagi. Beberapa orang anggota Angkatan Laut Simpanan Sukarela itu sekarang ini telah masok berkhidmat dengan sa-chara tetap.

359. Ranchangan memperbesarkan lagi Angkatan Laut itu pada tahun ini termasok-lah memperolehi beberapa buah kapal pendarat yang besar[2], kapal pendarat yang kechil[2] dan kapal penyapu periok api bagi kegunaan membantu Tentera Darat di-Negeri[2] Borneo. Pada tahun hadapan Angkatan Laut di-Raja Malaysia akan menempah beberapa buah kapal torpedo yang laju, sa-buah kapal mengutip torpedo, sa-buah kapal latehan menyelam dan beberapa buah kapal peronda baharu.

E. Angkatan Udara di-Raja Malaysia Gerakan²

360. Angkatan Udara di-Raja Malaysia terutama sa-kali di-gunakan sabagai pengangkutan udara, termasok gerakan² helikopter yang membantu Pasokan² Keselamatan; khas-nya, Pasokan Udara di-Raja memberi bantuan yang berguna kapada angkatan² keselamatan dalam tugas mereka menghapuskan penyusup² Indonesia yang telah masok Malaysia dan juga dalam gerakan melawan Pengganas² kominis di-sempadan negeri Thai dengan Malaysia. Ahli² Angkatan Udara di-Raja Malaysia ada di-tempatkan di-Malaysia Timor dan Barat bagi menjalankan tugas tersebut dan tiap² hari antara kerja² yang di-jalankan mereka ia-lah mengangkut ahli² tentera, menggugorkan dari udara dan membawa turun barang² perbekalan dan kelengkapan untok askar² di-barisan hadapan, memindahkan orang² yang mati dan terchedera dan menyempurnakan lain² kewajipan pengangkutan dan perhubongan. Dan lagi, pasokan pengangkutan yang boleh terbang sederhana jauh-nya sentiasa memberi sokongan yang berhubong dengan muslihat tentera untok Pasokan² Keselamatan di-seluroh Malaysia.

361. Tugas² gerakan yang lain termasok penerbangan² peninjauan bagi pehak tentera dan penerbangan² perondaan di-tepi² pantai bagi membantu Angkatan Laut di-Raja Malaysia.

362. Tugas² lain yang kechil tetapi mustahak yang di-lakugan oleh Angkatan Udara di-Raja Malaysia ia-lah mengadakan bantuan dengan beberapa chara bagi Jabatan² Kerajaan yang lain. Kerja² ini termasok mengambil gambar dari udara bagi tujuan² membuat peta dan pembangunan luar bandar, mengangkut orang² dan barang² ka-kawasan² yang terpenchil untok membantu ranchangan² pembangunan dan mengangkut orang² sakit dari tempat² terpenchil untok mendapat rawatan perubatan.

Pembesaran

363. Angkatan Udara di-Raja Malaysia terus di-perbesarkan dalam tahun yang lalu supaya dapat ia menjalankan tugas-nya yang sa-makin hari sa-makin bertambah. Pada tahun 1964 Angkatan itu telah di-lengkapkan dengan kapal terbang yang boleh terbang sederhana jauh-nya dan juga dengan helikopter² dengan tujuan hendak melengkapkan Angkatan itu supaya dapat ia membantu Pasokan² Keselamatan dalam muslihat peperangan.

364. Kedua² buah Sekolah Latehan Penerbangan di-Alor Star dan Sekolah Latehan Teknik di-Kinrara ada-lah di-besarkan lagi supaya bertambah banyak dapat di-lateh dalam negeri ini pemandu² kapal terbang dan juru-teknik² untok Angkatan Udara kita yang makin bertambah² besar itu.

365. Depoh Alat Kelengkapan baharu sahaja siap di-Pengkalan Angkatan Udara di-Raja Malaysia, di-Kuala Lumpur dan dengan itu dapat-lah Angkatan Udara menyimpan lebeh banyak lagi barang² dan alat² perkakas kapal terbang yang hendak di-gunakan oleh Angkatan itu bila² masa.

366. Dalam tahun 1964 juga anggota² Pasokan Sukarela Simpanan Angkatan Udara di-Raja Malaysia telah di-panggil berkhidmat tetap untok menolong menjaga padang² kapal terbang Angkatan Udara di-Raja Malaysia daripada pengkhianat².

367. Usaha menjadikan Labuan sabagai Pengkalan Angkatan Udara kita yang terbesar di-Timor Malaysia maseh berjalan terus. Membena sa-buah lagi pengkalan kapal terbang di-Barat Malaysia ada-lah sedang di-ranchangkan untok mengadakan tempat lagi kapada alat² kelengkapan Angkatan Udara di-Raja kita yang bertambah² besar itu.

368. Beberapa buah kapal terbang helikopter lagi dan lain² alat pengangkutan yang baharu bagi muslihat perang akan di-adakan untok Angkatan Udara di-Raja Malaysia. Ranchangan² yang lain untok membesarkan lagi Angkatan Udara dalam masa dua tiga tahun yang akan datang ini, termasok-lah membesarkan lagi angkatan pengangkutan dan menjadikan kapal² terbang penyerang untok menambahkan kekuatan Angkatan Udara kita bagi mempertahankan negara kita.

F. Pertadbiran

369. Kerajaan juga sedang berusaha dengan bersunggoh[2] hendak mengelokkan lagi pertadbiran Angkatan Tentera. Perkhidmatan Perubatan Angkatan Tentera sedang di-besarkan lagi supaya ia boleh memberi khidmat[2] perubatan yang sempurna. Pada masa ini Perkhidmatan ini kekurangan Doktor. Di-harap banyak doktor[2] akan masok berkhidmat dalam Angkatan Tentera. Askar Wataniah pun berkehendakkan Doktor[2] juga. Perkhidmatan Pelajaran Angkatan Tentera patut di-puji kerana telah mengadakan beberapa orang guru untok mengajar di-sekolah[2] di-kawasan[2] penempatan sa-mula di-Malaysia Timor.

G. Bantuan Pertahanan

370. Kerajaan menguchapkan berbanyak[2] terima kaseh kapada Kerajaan[2] United Kingdom, Australia, New Zealand dan Canada serta juga Kerajaan Amerika Sharikat kerana membantu kita membesarkan Angkatan Tentera Malaysia untok menentang anchaman Konfrantasi dari Indonesia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

Bahagian I.

371. Dasar Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-lah saperti berikut:

(i) hendak membanyakkan lagi bahan[2] makanan yang mustahak dan mengelokkan lagi mutu-nya supaya boleh menchukupi untok keperluan sendiri dengan chara yang murah mengikut kadar yang patut;

(ii) hendak memaju dan menggunakan sumber[2] pertanian dengan sa-habis[2] banyak dan menggalakkan pertanian berbagai[2] jenis untok meninggikan pengeluaran bahan[2] bagi perusahaan dan eksepot. Dengan demikian akan meninggikan lagi ekonomi negeri ini;

(iii) hendak mengadakan chara[2] pasaran yang sempurna, chara[2] pinjammeminjam yang mudah dan lain[2] usaha yang berguna bagi mendatangkan keuntongan yang sa-tinggi[2]-nya kapada pengeluar[2] bahan[2] itu;

(iv) hendak menggalakkan gerakan[2] kerjasama dan lain[2] badan di-kawasan[2] luar bandar untok meninggikan ekonomi dan taraf hidup pengeluar[2] bahan[2] mentah; dan

(v) hendak menggalakkan penyelidekan dan menyebarkan 'ilmu pertanian kapada seluroh ra'ayat, dan mengelokkan lagi serta mengembangkan latehan pertanian supaya dapat di-gunakan dengan sa-baik[2]-nya tenaga dan teknik tiap[2] orang untok mendapatkan kemajuan yang sempurna dalam pertanian.

Bahagian II.

Kemajuan yang di-chapai dalam tahun 1964.

A. Bahagian Pertanian

372. Dasar Kementerian ini yang di-jalankan oleh Bahagian Pertanian pada masa[2] yang lalu telah berjaya menambah pengeluaran pertanian dan dengan yang demikian mengimpot beras dan lain[2] bahan makanan yang mustahak telah dapat di-kurangkan.

373. Beras, makanan mustahak bagi pendudok[2] negeri ini, ada-lah tanaman yang di-utamakan dalam usaha[2] memaju, menyelidek dan meninggikan lagi pengeluaran-nya. Banyak kejayaan[2] yang telah di-chapai di-bawah ranchangan kemajuan padi walau pun chuacha yang luar biasa telah di-alami pada tahun 1964. Malinja, sa-jenis beneh padi terpileh yang boleh memberikan hasil yang banyak dengan masa tanaman yang pendek dan tidak pula di-pengarohi oleh chahaya mata hari serta mempunyai mutu yang baik dan mudah di-kilang, telah di-bahagi[2]kan pada bulan Februari tahun 1964 bagi di-tanam dua kali sa-tahun. Oleh sebab ia mempunyai banyak kelebehan maka jenis ini telah menjadi kesukaan petani[2] di-tempat[2] padi di-tanam dua kali sa-tahun. Ada sa-jenis lagi beneh padi terpileh di-beri nama Mahsuri yang telah di-keluarkan dengan resmi pada hari Tahun Baharu ini. Dengan harga "premium" sa-banyak $16 sapikul bagi kedua jenis padi terpileh

ini maka petani[2] akan mendapat faedah[2] yang lebeh banyak lagi oleh sebab hasil pengeluaran-nya yang berlipat ganda. Kilang[2] tidak payah lagi membeli padi[2] Taiwan yang kurang mutu itu dan pengguna[2] beras pula akan dapat membeli beras[2] yang lebeh tinggi mutu-nya.

374. Penyelidekan padi ia-lah suatu pekerjaan yang berlanjutan dan tidak putus[2] dan ia mengandongi kerja[2] yang banyak. Di-dalam bahagian Agronomi, penyelidekan sedang di-jalankan untok menchari chara[2] menanam padi yang lebeh baik dan chara[2] membaja yang lebeh murah. Dengan ada-nya pusat[2] penyelidekan yang baharu dan pusat[2] yang lama di-besarkan, baik di-kawasan Pantai Timor atau pun di-kawasan Pantai Barat, di-bawah Ranchangan Pembangunan yang sedang berjalan sekarang ini, maka penyelidekan agronomi mengenai tanaman yang mustahak ini akan dapat-lah di-jalankan dengan lebeh banyak dan lebeh lengkap lagi.

375. Petani[2] di-akui telah memainkan peranan yang penting menggunakan hasil[2] penyelidekan dalam usaha[2] meninggikan hasil pengeluaran padi untok pendudok negara ini. Hasil yang berlipat ganda dan lebeh menguntongkan ada-lah di-harapkan bagi musim 1964/1965 yang sedang di-tuai pada masa ini. Petani[2] sudah sa-patut-nya-lah mendapat keuntongan yang sa-wajar-nya kerana titek peloh-nya sendiri dan tujuan Kerajaan ia-lah hendak memberikan bantuan[2] dan pertolongan[2] yang sa-penoh-nya kapada petani[2] supaya mereka itu dapat menjalankan tanaman dengan chara yang betul[2] terator dan mengeluarkan hasil yang lebeh banyak lagi. Bantuan[2] dan pertolongan[2] yang di-beri di-bawah Ranchangan Membanyakkan Beneh Padi dan Ranchangan Bantuan Baja Padi telah mendapat sambutan yang memuaskan dari seluroh petani[2] kita. Tiada kurang daripada 800 ekar tapak semaian telah di-tanam untok mendapatkan beneh bagi 120,000 ekar sawah yang akan di-tanam pada musim yang akan datang. Semenjak ranchangan ini di-lancharkan, lebeh daripada 80,000 ekar sawah telah di-tanam dengan beneh[2] yang baik. Sahingga tahun 1964, wang sa-banyak $2,164,000 telah di-belanjakan di-bawah Ranchangan Bantuan Baja Padi dan telah memberi faedah kapada lebeh daripada 316,000 ekar sawah dalam masa empat tahun itu. Pada tahun 1964 lebeh kurang 93,000 ekar tanah telah di-baja di-bawah ranchangan ini.

376. Sunggoh pun usaha[2] membanyakkan lagi jenis tanaman lambat sadikit, tetapi kemajuan-nya tetap dan telah dapat meluaskan lagi ekonomi negeri ini dan juga dapat mengurangkan negeri ini daripada bergantong kapada hasil getah sa-mata[2]. Dengan ada-nya kilang[2] gula maka usaha bagi mengadakan sendiri bahan[2] gula untok kilang[2] itu dan untok kilang[2] yang akan di-bena lagi kelak hendak-lah di-jalankan dengan lebeh giat lagi. Sa-kumpulan pakar[2] dari Australia di-bawah Ranchangan Colombo sedang berada di-negeri ini sekarang untok menyiasat kebolehan mengadakan perusahaan menanam tebu. Pada masa ini penyiasatan sedang di-jalankan untok menchari jenis[2] tebu yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak untok di-tanam sa-chara besar[2]an. Tidak kurang daripada 50 jenis tebu telah di-impot dan sekarang sedang di-dalam perchubaan.

377. Ranchangan memileh dan mengawin beneh[2] kelapa sawit, ia-lah satu daripada usaha menanam berbagai[2] jenis tanaman yang telah di-perhebatkan. Beneh[2] yang akan di-jadikan indok telah di-pileh untok membiakkan beneh[2] yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi untok di-beri[2]kan kapada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Jabatan[2] Pertanian Negeri. Pilehan indok ini akan mengeluarkan banyak beneh[2] yang terpileh tidak berapa lama lagi. Pekebun[2] kechil telah bertambah banyak menjalankan tanaman ini di-bahawa berbagai[2] ranchangan, saperti di-bawah Ranchangan Menanam Getah Sa-mula, dan nampak-nya tanaman ini sa-bagai tanaman peladang[2] kechil akan berjaya.

378. Gerakan "Tahun Buah[2]an" yang di-adakan pada tahun 1964 ada-lah satu gerakan yang berjaya. Tujuan mengadakan Tahun Buah[2]an ini ia-lah

untok menggalak dan memimpin orang ramai supaya menghargai dan gemar memakan buah² tempatan. Gerakan ini telah menggalakkan pertanian berbagai² jenis dan pekebun² kechil telah mengambil bahagian yang chergas dalam Ranchangan Pemulehan Pokok Buah²an di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Di-bawah Ranchangan ini sa-banyak 5,790 ekar dusun buah²an telah di-tanam dengan pokok buah²an yang boleh mengeluarkan hasil yang berlipat ganda, dan tidak kurang daripada 1,990 ekar telah di-tanam pada masa gerakan "tahun buah²an" itu.

379. Sa-bagai satu usaha lagi bagi menggalakkan kegunaan buah²an tempatan Bahagian Kajiteknik Makanan Jabatan Pertanian telah menjalankan dengan sa-penoh²-nya ranchangan mengawet buah²an dan menchari jalan bagaimana menyimpan buah²an yang berlebeh²an pada musim jujoh buah²an supaya buah² ini jangan terbuang dan merugikan pekebun² buah²an. Sa-lain daripada kerja² menyelidek makanan, kursus² juga telah di-adakan bagi ahli² Perkumpulan Wanita untok memberi pelajaran chara² memproses makanan dan buah²an.

380. Kejayaan² yang memuaskan telah terchapai dalam ranchangan memulehkan tanaman kelapa bagi pekebun² kechil di-bawah Ranchangan Pemulehan dan Tanaman Sa-mula Kelapa. Luas-nya kawasan yang di-jayakan sekarang ini kurang daripada yang di-jangkakan dalam ranchangan perchubaan di-Negeri Johor itu, akan tetapi ranchangan ini patut di-jalankan juga di-negeri² yang lain oleh kerana ranchangan ini mustahak pada segi ekonomi. Tindakan ini ada-lah berdasarkan pengalaman² yang di-perolehi di-dalam Negeri Johor. Dalam tahun 1964 ranchangan perchubaan yang kedua telah di-buka pula di-Bagan Datok, Perak. Ranchangan Perchubaan yang ketiga sedang di-mulakan di-Kelantan.

381. Ranchangan Pemulehan dan Tanaman Sa-mula Kelapa di-Johor telah membolehkan pekebun² kechil kelapa di-situ menambah hasil pengeluaran mereka. Bantuan wang dan mata benda kapada pekebun² kechil kelapa serta dengan nasihat daripada ranchangan ini telah menimbulkan satu chara pertanian yang baharu dalam ranchangan perchubaan ini. Sementara menantikan hasil daripada tanaman dan pemulehan sa-mula pokok² kelapa itu, pekebun² itu telah mendapat hasil sa-banyak $300 hingga $500 sa-ekar dengan menanam pokok yang lain saperti nanas, jagong, sayor²an dan lain²-nya.

382. Ranchangan pertanian berbagai² jenis tidak-lah di-tumpukan kapada tanaman di-atas tanah² pamah sahaja bahkan tanaman di-bukit² juga telah di-beri perhatian. Perchubaan menanam berbagai² jenis tanaman di-tanah² bukit di-Pusat Pertanian di-Cameron Highland sedang di-jalankan. Kawasan perchubaan menanam teh telah pun di-besarkan lagi. Perchubaan chara² membaja dan menanam sedang di-jalankan dengan sa-luas²-nya untok menchari jalan chara mendapatkan hasil lebeh banyak dengan menanam teh. Tanaman chendawan dan ubi kentang pun telah juga di-beri perhatian yang sa-wajar-nya.

383. Pusat Pertanian baharu pada tanah pasir halus telah di-tubohkan di-Sungai Baging, Pahang, di-bawah Ranchangan Pembangunan, maka dengan hal yang demikian dapat-lah perhatian di-tumpukan kapada chara² hendak menggunakan tanah pasir halus yang luas di-sapanjang Pantai Timor dari Kelantan ka-Pahang itu. Tanah sa-luas 50 ekar bagi perchubaan kelapa telah di-sediakan di-Pusat itu dan di-harap hasil² daripada penyelidekan itu akan dapat memberi pengetahuan dan pengalaman mengenai chara² membaja dan menjaga pokok² kelapa di-Pantai Timor Persekutuan. Ranchangan menanam lain² pokok yang boleh mendatangkan hasil di-tanah pasir halus sedang di-susun.

384. Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar sangat bergantong kapada pengetahuan tentang keadaan tanah jika tanah yang tiada berapa luas itu dan hasil bumi yang tiada berapa banyak itu hendak di-gunakan dengan

sa-penoh-nya. Dengan hal yang demikian pengalaman yang luas dan pengetahuan yang sa-penoh-nya ada-lah di-perlukan. Sa-bagai memenohi keperluan ini, maka kerja[2] penyelidekan tanah telah di-hebatkan lagi dan pada masa ini ada enam buah Kumpulan Penyelidekan sedang menjalankan kerja[2]-nya di-Pahang dan di-Johor. Dua buah Negeri ini ada-lah mempunyaï kemungkinan pertanian yang besar. Sa-lain daripada itu penyelidekan tanah telah juga di-ubah untok memenohi permintaan orang ramai atau Jabatan[2] Kerajaan. Permintaan[2] menyelidek tanah baharu[2] ini telah bertambah banyak di-sebabkan oleh keperchayaan atas pertanian berbagai[2] jenis dan penanaman kelapa bali sa-bagai mengganti tanaman getah. Penyelidekan tanah akan di-jalankan dengan lebeh banyak lagi dalam tahun 1965 jika berjaya mendapat pakar[2] penyelidekan tanah daripada Ranchangan Colombo.

385. Kemajuan pertanian juga bergantong kapada petani[2] sendiri. Pada masa ini banyak mas'elah[2] yang merintangi mereka daripada menggunakan hasil[2] daripada penyelidekan dan teknik baharu dengan sa-penoh-nya untok menambah hasil pengeluaran mereka. Mas'elah ini boleh jadi di-sebabkan oleh soal[2] masharakat, ekonomi atau adat atau ka-semua-nya itu. Bagi mengatasi sa-tengah daripada mas'elah ini, petani[2] telah di-galakkan menuboh persatuan[2] peladang dan melaluï persatuan[2] ini. Kemajuan pertanian mudah di-perolehi dengan bekerja bersama[2] dalam satu kumpulan saperti mengadakan persatuan[2] daripada berpechah belah dengan mengusahakan pekerjaan masing[2]. Bekerja bersama[2] dalam satu kumpulan juga sangat-lah mustahak kapada petani[2] untok mendapatkan harga yang patut kapada hasil titek peloh mereka. Persatuan Peladang telah di-tubohkan dan ini telah memberi mereka banyak faedah dan juga telah dapat menguatkan kedudokan ekonomi mereka. Ranchangan ini baharu sahaja dimulakan beberapa tahun yang lalu. Pada masa ini jumlah Persatuan[2] Peladang ada 655 buah dan mempunyaï 34,580 orang ahli banyak-nya. Pada tahun 1964 sahaja ada 316 buah persatuan dengan 12,940 orang ahli telah di-tubohkan.

386. Sa-lain daripada menubohkan persatuan[2] peladang, kursus[2] telah juga di-adakan dalam tiap[2] negeri pada tahun 1964 untok menambahkan lagi kepandaian peladang[2]. Semua-nya 87 kursus telah di-adakan di-hadziri oleh 3,570 orang di-14 buah pusat latehan luar bandar.

B. Parit dan Taliayer

387. Dalam empat tahun di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, Bahagian Parit dan Taliayer telah dapat menyiapkan 116 buah ranchangan parit dan taliayer, 29 daripada-nya di-siapkan dalam tahun 1964. Luas tanah yang telah di-beri taliayer untok menanam padi dua kali sa-tahun pada tahun 1964 ia-lah 9,224 ekar, dan 2,606 ekar tanah hutan benchah telah di-jadikan tanah sawah. 31,101 ekar tanah sawah yang sedia ada telah di-majukan lagi dengan mengadakan taliayer.

388. Lima buah ranchangan parit dan taliayer telah siap di-jalankan dalam tahun 1964 menjadikan jumlah semua-nya 41 buah ranchangan parit dan taliayer semenjak Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua di-lancharkan. Kelima[2] ranchangan itu telah dapat membaiki lagi keadaan parit dan taliayer yang meliputi kawasan 16,385 ekar tanah.

389. Kerja[2] telah di-jalankan untok memelihara sungai sa-panjang 924 batu pada tahun 1964 untok mengelakkan ayer sungai bah dan membanjiri kawasan[2] tanah yang berdekatan.

390. Tahun ini kerja menjayakan 28 buah ranchangan parit dan taliayer maseh di-teruskan lagi dan 10 buah ranchangan baharu pun sedang di-jalankan untok meliputi kawasan 36,200 ekar tanah dan dengan ini dapat-lah padi di-tanam dua kali sa-tahun di-kawasan 32,000 ekar tanah.

391. Ranchangan taliayer yang besar[2] yang akan di-siapkan ia-lah Ranchangan Lanjutan Tanjong Karang dan Ranchangan Lanjutan Krian.

Ranchangan Tanjong Karang itu ia-lah untok mengadakan taliayer[2] bagi memberi ayer kapada 23,500 ekar yang akan di-tanam padi kali yang kedua. Pada masa yang akan datang ranchangan ini akan mengadakan taliayer[2] lagi hingga ka-semua 47,500 ekar mendapat ayer. Ranchangan Krian itu pula ia-lah untok meninggikan lagi kolam ayer bagi memberi ayer kapada 30,000 ekar yang hendak di-tanam dengan padi dua kali sa-tahun. Lain[2] ranchangan taliayer yang besar[2] yang sedang di-bena ia-lah Ranchangan Taliayer Merentang Perak, Peringkat IV di-Perak, Ranchangan Taliayer Sungai Lemal di-Kelantan, Ranchangan Taliayer Nerus, Ranchangan Pinang Tunggal dan Jarak di-Pulau Pinang dan Ranchangan Pekula di-Kedah. Ranchangan di-Perak itu ia-lah bagi membuka tanah paya dalam hutan sa-luas 42,835 ekar untok bertanam padi. Kira[2] 2,500 ekar tanah paya itu harus dapat di-tanam sabelum akhir tahun ini. Ranchangan Taliayer Sungai Lemal akan mengadakan taliayer pada 5,000 ekar tanah lagi. Ranchangan Pinang Tunggal dan Jarak itu akan di-siapkan pada tahun ini. Ranchangan ini akan mengadakan taliayer pada 4,500 ekar tanah bagi menanam padi dua kali sa-tahun. Ranchangan Pekula itu akan mengadakan ayer pum untok 1,200 ekar tanah bagi menanam padi dua kali sa-tahun.

392. Kerja[2] menyiasat dan membuat ranchangan yang lengkap bagi ranchangan taliayer yang besar di-Kedah dan Perlis ia-itu biasa di-sebut Ranchangan Kuala Muda itu sedang di-jalankan. Ranchangan ini ia-lah bagi satu kawasan sa-luas 261,500 ekar. Sa-buah rombongan daripada Bank Dunia untok menaksir perbelanjaan ranchangan itu telah menyiapkan kerjanya pada awal[2] tahun ini. Apabila mu'tamad sahaja sharat[2] meminjam wang daripada Bank itu, tender[2] akan di-tawarkan untok memulakan kerja membena ranchangan itu dalam tahun 1966. Kerja membuat ranchangan yang lengkap bagi Ranchangan Taliayer Kemubu di-Kelantan untok 55,000 ekar tanah sudah hampir siap. Bank Dunia akan di-minta juga menaksir belanja ranchangan itu dan menimbangkan memberi pinjaman wang kapada Kerajaan untok perbelanjaan ranchangan itu.

393. Dalam ranchangan parit bagi tahun ini, ada 19 ranchangan lama yang hendak di-jalankan terus dan ada 14 ranchangan yang baharu.

394. Ranchangan[2] besar bagi parit[2] yang akan siap pada tahun ini ia-lah Ranchangan Paya Besar di-Pahang bagi 2,800 ekar tanah; Ranchangan Tanjong Minyak di-Melaka bagi 2,800 ekar tanah dan Ranchangan Paya Dalam di-Melaka bagi 3,700 ekar tanah. Lain[2] ranchangan parit yang sedang di-bena dalam tahun ini ia-lah ranchangan[2] di-Johor, ia-itu Ranchangan Rengit bagi 14,600 ekar; Ranchangan Peserai bagi 28,000 ekar; Ranchangan Sungai Pinggan bagi 5,000 ekar dan Ranchangan Parit Jawa bagi 12,000 ekar. Ranchangan[2] di-Pulau Pinang ia-lah Ranchangan Bukit Minyak/Bukit Minyak bagi 9,325 ekar dan Ranchangan Bukit Tambun bagi 6,400 ekar. Ranchangan[2] yang akan di-jalankan di-Selangor ia-lah Ranchangan Ujong Permatang bagi 20,000 ekar dan Ranchangan Tanjong Bernam bagi 1,100 ekar. Di-Perak Ranchangan Merentang Perak Peringkat II akan di-bena bagi 11,600 ekar.

395. Kerja menyiasat dan membuat ranchangan bagi Ranchangan Parit Kesang bagi 14,000 ekar dan Ranchangan Ayer Baloi sedang di-jalankan. Kedua[2] ranchangan ini ia-lah di-Johor. Di-Perak kerja menyiasat dan membuat ranchangan bagi Ranchangan Sitiawan bagi 7,500 ekar dan Ranchangan Merentang Perak Peringkat III bagi 40,000 ekar sedang di-jalankan juga.

396. Pada tahun ini Sarawak akan di-bantu menjalankan ranchangan[2] parit dan taliayer-nya ia-itu sa-orang jurutera Jabatan Parit dan Taliayer akan di-pinjamkan kapada Kerajaan negeri itu.

C. Perkhidmatan Haiwan

397. Sunggoh pun betul jika di-katakan perusahaan menternak ayam itek banyak[2] sa-bagai perniagaan itu

telah berjaya menambah keluaran makanan yang mengandongi zat protein akan tetapi ranchangan menggalakkan pendudok[2] luar bandar supaya menternak ayam itek banyak[2] sa-bagai perniagaan tiada berapa jaya kerana pendudok[2] luar bandar yang menjalankan perusahaan itu tiada dapat hendak menjual ayam itek dan telor-nya dengan chara yang memuaskan hati. Oleh hal yang demikian pada masa hadapan Kerajaan berchadang supaya usaha[2] pendudok[2] luar bandar untok menternak ayam itek di-jalankan dengan chara kerjasama beramai[2] ia-itu bukan-nya di-jalankan oleh sa-orang yang menternak beberapa ekor sahaja tetapi di-jalankan oleh satu kumpulan mengandongi sa-kurang[2]-nya 20 orang yang menternak dengan banyak-nya pada satu[2] tempat. Dengan chara yang demikian bukan sahaja lebeh senang berjual bahkan pendapatan daripada perusahaan itu lebeh banyak untok di-bahagi[2] antara mereka dalam kumpulan itu.

398. Demikian-lah juga tentang menternak kerbau lembu ia-itu kawasan[2] khas akan di-pileh. Kerbau lembu akan di-berikan banyak[2] pada satu[2] masa untok di-ternak di-situ oleh sa-suatu kumpulan orang.

399. Penyiasatan telah di-buat, terutama-nya di-Pantai Timor, untok membuka perusahaan[2] menternak kerbau lembu untok mendapat susu dengan tujuan hendak menggalakkan orang menternak kerbau lembu indok supaya pendudok[2] boleh mendapat susu yang baharu. Satu ranchangan pemandu telah di-buka bagi menunjokkan kapada pendudok[2] kawasan itu kemungkinan menternak kerbau lembu indok. Mereka akan di-galakkan dengan bersunggoh[2] mengelokkan lagi chara mereka mengeluarkan susu supaya berjaya usaha[2] mereka membuat minyak sapi. Mereka juga akan di-galakkan dengan bersunggoh[2] menggunakan susu keluaran mereka itu untok sa-suatu yang berfaedah supaya mendapat hasil titek peloh mereka dengan lebeh banyak. Mereka akan di-galakkan dengan bersunggoh mengeluarkan susu dengan lebeh banyak lagi supaya perusahaan membuat minyak sapi akan menjadi satu daripada perusahaan[2] binatang ternakan di-Pantai Timor negeri ini.

400. Ranchangan[2] sedang di-buat bagi menchari jalan yang lebeh baik menggunakan kawasan[2] merumput dan bagi memberi galakan yang lebeh besar kapada mereka yang membela binatang peliharaan untok menggunakan kawasan[2] itu bagi menanam dengan lebeh banyak lagi tanaman[2] yang menjadi makanan binatang peliharaan. Mereka kena-lah beramai[2] membuka sa-bahagian daripada kawasan itu untok bertanam tanaman[2] yang chepat berisi supaya mereka tiada kesusahan wang. Kemudian-nya mereka buka pula sa-bahagian lagi untok bertanam tanaman[2] yang menjadi makanan binatang peliharaan. Bahagian yang tinggal lagi itu mereka gunakan untok bertanam tanaman[2] yang chepat berisi lagi hingga akhir-nya semua kawasan itu habis di-buka dan di-tanam dengan tanaman[2] yang menjadi makanan binatang peliharaan dan rumput. Apabila sudah ada di-buka kilang[2] kisar untok membuat makanan penokok bagi binatang[2] yang besar[2] daripada tanaman[2] yang menjadi makanan binatang itu maka barangkali sa-makin banyak-lah pula orang bertanam tanaman[2] yang menjadi makanan binatang peliharaan di-seluroh negeri ini.

401. Pada tahun 1964 perusahaan perikanan telah berubah chorak kerana makanan bertambah banyak di-kehendaki oleh pendudok[2] negeri ini dan pendudok[2] negeri sa-makin chepat bertambah pula banyak-nya. Sunggoh pun demikian kemajuan yang di-chapai pada satu[2] tempat tidak sama rata di-sebabkan berlain[2]an keadaan-nya.

402. Pengeluaran ikan dalam tahun 1964 di-Negeri[2] Tanah Melayu ada-lah bertambah sa-banyak 4.5% daripada jumlah pengeluaran dalam tahun 1963. Jumlah ikan yang di-tangkap dalam 1964 ia-lah sa-banyak 192,000 tan berharga $162,000,000. Tangkapan di-Singapura sa-banyak 10,000 tan dan di-Sabah sa-banyak 19,000 tan ia-itu 6% dan 10% daripada yang di-tangkap di-Tanah Melayu. Sementara Tanah Melayu dan Singapura telah

menangkap ikan-nya di-laut[2] berdekatan dengan pantai-nya dan sekarang sedang menchuba menangkap ikan di-laut[2] tengah yang jauh. Negeri[2] Sabah dan Sarawak maseh lagi menjalankan penangkapan-nya di-pantai[2]. Ini di-sebabkan oleh kekurangan modal dan 'ilmu perikanan dan kekurangan pasaran bagi hasil pengeluaran mereka. Oleh itu boleh-lah di-nyatakan bahawa Kerajaan akan menubohkan satu Jabatan Perikanan di-Sarawak dalam tahun 1965 untok mengusahakan kemajuan perikanan di-negeri itu.

403. Ranchangan[2] memodenkan perusahaan ini sedang berjalan dengan maju kerana sa-makin bertambah banyak perahu[2] menggunakan moto sangkut dan menggunakan panching dan jaring yang di-perbuat dari tali[2] tiruan. Sa-jumlah 595 buah moto sangkut dan 1,295 buah injin-dalam telah di-pasang kapada perahu[2] menangkap ikan dalam kebanyakan negeri[2] di-Tanah Melayu ini pada tahun 1964 di-bandingkan dengan sa-banyak 569 buah moto sangkut dan 1,204 buah injin-baharu di-pasang pada tahun 1963.

404. Di-Negeri[2] Tanah Melayu baharu[2] ini nelayan[2] yang menggunakan pukat telah bertelingkah dengan nelayan[2] yang maseh lagi menggunakan chara[2] lama untok menangkap ikan. Ini ada-lah mendukachitakan oleh kerana menangkap ikan dengan pukat itu ada-lah chara[2] menangkap ikan yang lebeh maju dan moden. Walau pun demikian Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah pun menduga chara[2] menangkap ikan dengan pukat[2] dan mengkaji masaalah[2] yang berthabit dengan-nya dari segala segi. Dengan hal yang demikian Kementerian telah mengadakan satu dasar yang bukan sahaja akan melindongi kepentingan[2] nelayan yang menangkap ikan di-kawasan[2] pantai bahkan juga akan menggalakkan mereka menangkap ikan dengan pukat di-lautan[2] yang dalam. Ini ada-lah chadangan jangka panjang Kementerian. Kerajaan berharap bahawa perusahaan perikanan di-Negeri Tanah Melayu akan dapat di-jayakan dengan sa-penoh[2]-nya dengan tiada halangan daripada pertelingkahan[2]. Maka dengan itu dapat-lah di-adakan makanan[2] yang mengandongi zat[2] protein binatang yang sa-makin banyak di-kehendaki oleh pendudok[2] negeri ini.

405. Kerajaan terus mengambil perhatian yang berat atas ranchangan[2] memberi bantuan wang kapada nelayan[2] menerusi sharikat kerjasama, membaiki chara[2] memunggah ikan dan mengadakan kemudahan[2] menjual-nya, melateh nelayan[2] dan penternak[2] ikan, melateh kaki-tangan[2] tempatan di-dalam negeri ini dan juga di-luar negeri untok menjalankan tugas[2] mereka di-Bahagian Perikanan dan juga membantu kemajuan perusahaan ikan. Mithal-nya, pada tahun 1964 banyak rumah api, pengkalan ikan, dan tempat[2] menyimpan ikan telah di-bena untok kegunaan perahu[2] yang berjentera yang menangkap ikan jauh ka-laut. Sharikat[2] nelayan telah di-perkemaskan lagi supaya pertubohan[2] nelayan itu betul[2] dapat menjaga kepentingan dan kebajikan mereka.

406. Pada tahun 1964 lagi satu ranchangan menempatkan sa-mula nelayan[2] telah di-mulakan di-Selangor. Kedua[2] buah Sekolah Perikanan Laut di-Pulau Pinang dan di-Kuala Trengganu terus mengeluarkan sa-banyak 150 orang nelayan tiap[2] tahun yang telah di-lateh dalam 'ilmu pelayaran yang mudah, chara[2] membaiki jentera dan penyenggaraan-nya, chara[2] menangkap ikan dan asas[2] Sharikat Kerjasama. Pelateh[2] ini datang-nya dari seluroh Malaysia.

407. Berkenaan dengan menternak ikan darat pula, sa-banyak 138 orang penternak[2] ikan telah di-beri pelajaran 'ilmu menternak ikan darat dalam tahun 1964 di-dua buah Pusat Menternak Anak[2] Ikan. Sambutan yang di-beri oleh penternak[2] ikan itu sangat-lah menggalakkan.

408. Ranchangan menghantar anak[2] Malaysia ka-luar negeri untok mendapatkan latehan[2] di-Universiti berkenaan dengan berbagai[2] chara perikanan telah pun menunjokkan hasil-nya apabila beberapa orang siswazah yang terlateh telah pulang ka-tanah ayer dalam tahun 1964.

Di-bawah ranchangan lanjutan ini yang di-bantu oleh Kerajaan[2] Australia, Canada, New Zealand dan United Kingdom di-bawah Ranchangan Colombo perhatian berat di-berikan kapada segi teknik dalam kemajuan perikanan. Siswazah[2] telah di-hantar mempelajari hal-ehwal jurutera laut, darihal membaiki jentera[2] (termasok peti sejok), membuat pelan[2] membena kapal[2], 'ilmu kimia dan 'ilmu kuman[2]. Kerajaan ada-lah mengambil perhatian yang berat oleh kerana negara saperti Malaysia ini hendak-lah mengutamakan 'ilmu teknologi dan melateh ahli[2] teknologi.

409. Perlu juga di-ketahui bahawa perusahaan perikanan di-Malaysia sudah meningkat daripada perengkat rendah kapada perengkat yang kedua dengan ada-nya kilang mengawit ikan tongkol, mengeluarkan ikan tongkol berayer batu dan rampai[2] ikan dari Pulau Pinang, ikan[2] berayer batu dari Ipoh, Perak dan pengeluaran udang[2] berayer batu dari Sabah dan Sarawak.

410. Perusahaan menternak ikan darat telah bertambah banyak dengan ada-nya kolam[2] ikan luas-nya bertambah sa-banyak 26 peratus lebeh daripada luas-nya dalam tahun 1963. Pada tahun 1964 luas-nya ia-lah 2,434 ekar di-bandingkan dengan 1,934 ekar pada tahun 1963 dalam Negeri[2] Tanah Melayu ini.

411. Bahagian Pusat Menternak Anak[2] Ikan telah mengeluarkan anak[2] ikan sa-banyak 1,027,000 ekor pada tahun 1963 dan dalam tahun 1964 1,643,327 ekor anak[2] ikan telah di-keluarkan ia-itu bertambah sa-banyak 60%. Anak[2] ikan yang di-beri kapada penternak[2] ikan ada-lah juga di-gunakan untok menambahkan ikan[2] di-sungai[2], dan di-lombong[2] yang tinggal. Bukti-nya ia-lah bertambah hasil ikan sa-banyak 500 tan dengan jumlah pengeluaran ikan sa-banyak 25,500 tan dalam tahun 1964 di-bandingkan dengan sa-banyak 25,000 tan pada tahun 1963.

E. Kemajuan Sharikat Kerjasama

412. Kerajaan sangat yakin di-atas kemajuan Pergerakan Sharikat Kerjasama dan akan terus mengembangkan kemajuan sharikat kerjasama itu sa-bagai satu chara hendak meninggikan lagi keadaan ekonomi pendudok[2] dalam negeri ini terutama sa-kali yang tinggal di-kawasan[2] luar bandar. Petani[2] dan nelayan[2] dalam negeri ini maseh lagi bergantong kapada Kerajaan untok mendapatkan bantuan bagi menyempurnakan lagi keadaan hidup mereka. Pergerakan Sharikat Kerjasama telah berjaya mengadakan bantuan wang dan lain[2] bantuan yang berupakan tunjok ajar, nasihat dan panduan, bukan sahaja di-dalam perkara berchuchok tanam bahkan juga bagaimana hendak menjual hasil[2] pertanian mereka. Bantuan[2] dan nasihat[2] yang telah di-berikan itu sangat-lah besar faedah-nya kapada petani[2] dan nelayan[2] dan ini akan terus di-berikan juga pada masa yang akan datang.

413. Dalam tahun 1964 Bahagian Kemajuan Sharikat Kerjasama telah menumpukan segala usaha dan tenaga-nya untok menyatu dan mengelokkan lagi keadaan sharikat[2] kerjasama yang ada sekarang ini. Kejayaan besar telah pun di-chapai dan asas kemajuan Pergerakan Sharikat Kerjasama telah dapat di-kukohkan sa-mula. Dengan hal yang demikian Bahagian Sharikat Kerjasama akan dapat menumpukan usaha-nya untok menjayakan sharikat[2] kerjasama yang lebeh besar dan juga menjalankan lain[2] ranchangan.

414. Pada tahun lalu Pergerakan Sharikat Kerjasama telah memberi bantuan kapada ahli[2]-nya yang di-luar bandar sa-banyak $60,000,000 bagi faedah tanaman padi, mengilang padi, menjual padi, membeli alat[2] perkakas pertanian dan alat[2] menangkap ikan, dan bagi ahli[2] yang tinggal di-dalam kawasan[2] bandar pula sharikat kerjasama telah mengeluarkan bantuan untok ahli[2]-nya membeli rumah dan juga perbelanjaan kerana pelajaran. Jumlah harta Sharikat Kerjasama di-Malaysia yang ada, termasok modal[2], simpanan dalam bank, ladang[2] getah, ladang[2] kechil rumah[2] dan rumah bertingkat[2] ada-lah bernilai sa-banyak $190,000,000.

415. Bank Apex Sharikat Kerjasama Persekutuan Tanah Melayu telah memberikan pinjaman[2] untok menghapuskan keburokan Padi Kuncha

dan wang pinjaman yang telah di-berikan berjumlah $715,985 dan pinjaman untok membeli padi ber-jumlah $3,770,000. Persatuan[2] Me-ngilang Padi dan Sharikat[2] Kerjasama Mengilang Padi yang menjadi wakil kapada petani[2] yang bertanam padi dalam negeri ini ada-lah menerima keputusan Kerajaan itu dengan sa-penoh[2]-nya berkenaan dengan hendak menaikkan harga padi sa-banyak $16 sa-pikul itu. Pergerakan Sharikat Kerjasama juga menyokong sa-penoh[2]-nya usaha Kementerian hendak meng-gunakan chara[2] dan teknik pertanian yang moden dan juga chara[2] bagai-mana menggunakan lebeh banyak lagi baja[2] yang telah dapat menambahkan lagi hasil pendapatan pendudok[2] yang tinggal di-luar bandar.

416. Sharikat[2] Kerjasama yang ada di-kawasan[2] bandar ada-lah Sharikat[2] Kerjasama Jimat Chermat dan Pinjam Meminjam dan Sharikat[2] Kerjasama Perumahan dan Sharikat[2] ini ada mempunyai harta-nya sendiri sa-banyak $140,000,000 dan telah dapat membantu ahli[2]-nya dengan memberi pinjaman yang berjumlah $50,000,000 tiap[2] tahun. Insuran Sharikat Kerja-sama Tanah Melayu telah mengeluar-kan polisi insuran nyawa sa-banyak 27,527 yang berjumlah $103,486,333 semenjak ia di-tubohkan.

417. Pergerakan Sharikat Kerjasama akan meluaskan lagi usaha, dasar dan upaya-nya untok mengambil bahagian dalam lapangan perdagangan dan per-usahaan dan meluaskan lagi gerakan[2]-nya di-kawasan[2] luar bandar. Dari satu masa ka-satu masa Kementerian telah membuat ranchangan dan men-jalankan-nya bagi memajukan lagi Sharikat[2] Kerjasama dan 'am-nya memajukan lagi Pergerakan Sharikat Kerjasama. Dalam Ranchangan Pem-bangunan Malaysia Yang Pertama 1966-1970 ranchangan[2] Kemajuan Sharikat Kerjasama bagi seluroh Malaysia akan di-buat dan akan me-makan belanja sa-banyak $60,000,000. Ranchangan ini ada-lah tambahan kapada ranchangan[2] yang ada sekarang ini. Ranchangan ini juga bermaksud hendak mengelokkan dan meninggikan lagi taraf ekonomi pendudok[2] di-luar bandar.

418. Ranchangan[2] yang besar dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama ini termasok-lah per-untokan wang sa-banyak $5,364,000 untok pinjaman bagi menghapuskan padi kuncha, $9,550,000 untok mem-beli padi. Peruntokan[2] untok ran-changan[2] tersebut telah di-tambah dengan banyak-nya untok mengadakan satu kumpulan wang yang hendak di-gunakan sa-bagai belanja bertanam padi di-satu[2] kawasan dua kali sa-tahun dan ini ada-lah termasok dalam Ranchangan[2] Sungai Muda dan Kemubu. Lain[2] ranchangan yang mustahak yang berjumlah $3,775,000 ada-lah untok Sharikat[2] Kerjasama Pengangkutan Luar Bandar dan dengan peruntokan yang ada itu boleh-lah Sharikat[2] Kerjasama itu menjalankan perkhidmatan bas, taxi dan lori[2]-nya. Peruntokan sa-banyak $9,955,000 telah di-khaskan sa-bagai bantuan wang kapada Sharikat[2] Kerjasama Per-ikanan dan juga wang tersebut akan di-gunakan oleh sharikat[2] itu untok ranchangan menempatkan sa-mula nelayan[2] di-Kedah dan Pahang. Satu ranchangan yang sangat[2] di-tunggu oleh pehak[2] Sharikat Kerjasama Luar Bandar ia-lah pinjaman yang di-beri dengan sharat[2] yang sederhana untok membeli tanah[2] dan menebus tanah[2] yang tergadai. Lain[2] ranchangan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini termasok-lah ranchangan menjual getah, kopi, nenas dan wang[2] kumpulan bagi kedai[2] barang ronchit dan mengganti Baharu Kilang[2] Padi. Untok melengkapkan lagi Pergerakan Sharikat Kerjasama dan mengatasi segala masaalah yang akan terbit berthabit dengan terlaksana-nya ran-changan[2] tersebut, maka ranchangan[2] pelajaran dan siaran[2] kapada orang ramai yang di-jalankan oleh Per-gerakan Sharikat Kerjasama akan di-perelok dan di-banyakkan lagi. Per-gerakan Sharikat Kerjasama hendak-lah ada hubongan dan penyatuan antara sharikat[2] kerjasama di-kawasan[2] luar bandar dengan yang di-dalam kawasan[2] bandar dan ini akan di-elokkan lagi dan usaha[2] akan di-jalankan untok menukar[2] gantikan bantuan[2] dan pengalaman antara mereka.

419. Pergerakan Sharikat Kerjasama hendak meluaskan lagi kadar pergerakan dan dasar-nya dan oleh kerana itu Kerajaan berchadang hendak meminda Undang[2] dan Peratoran[2] Sharikat Kerjasama.

F. Peranchangan dan Penyelidekan

420. Bahagian Peranchangan dan Penyelidekan Kementerian bertanggong-jawab mengumpulkan segala perkara[2] dan penerangan[2] yang mustahak dan menyusun segala[2]-nya bagi maksud membuat dasar[2] kemajuan. Bahagian itu juga akan menyelidek dan menilai pelan[2] ranchangan kemajuan yang di-kemukakan oleh beberapa bahagian teknik dalam Kementerian. Bahagian ini ada tiga chawangan:

(*a*) Chawangan 'Am yang mengelolakan perkara[2] yang ada kena mengena dengan Pertubohan Makanan dan Pertanian, Bangsa[2] Bersatu dan lain[2] pertubohan antara bangsa saperti ECAFE, AARRO, Ranchangan Colombo dan sa-bagai-nya;

(*b*) Chawangan Ekonomi yang menjalankan penyelidekan dan penyiasatan yang berthabit dengan belanja[2] pengeluaran dan lain[2] perkara ekonomi masharakat yang ada kena mengena dengan pengeluaran;

(*c*) Chawangan Pasaran yang menjalankan penyelidekan dan penyiasatan berkenaan dengan menjual hasil pertanian dan membantu dalam usaha menetapkan dasar[2] harga dan pasaran.

421. Kerja membuat ranchangan di-jalankan oleh sa-buah badan peringkat tinggi yang mengandongi Ketua[2] dari berbagai[2] bahagian teknik dan pegawai[2] Kementerian. Badan ini sentiasa bermeshuarat pada masa[2] yang di-tetapkan dan satu daripada tugas[2]-nya yang utama ia-lah memerhatikan bahawa sa-suatu ketetapan yang di-ambil mengenai dasar berpandukan sa-luas[2] keterangan dan penerangan yang boleh di-dapati dan di-buat sa-lepas di-kaji segala keterangan dan penerangan itu satu persatu dengan teliti. Badan peranchang ini juga menentukan bahawa penyeliaan dan kawalan yang mustahak di-jalankan pada masa melaksanakan berbagai[2] ranchangan dan dasar. Perkara mengutamakan berbagai[2] ranchangan dan melaksanakan usaha memajukan pertanian selurohnya telah di-satu dan di-samakan.

422. Oleh kerana penyelidekan dan penyiasatan hendak menyediakan penerangan yang tetap dan boleh di-perchayai telah menjadi satu tambahan yang mustahak dalam mana[2] ranchangan peranchang maka satu daripada usaha[2] yang besar bagi Sekshen ini ia-lah menjalankan pengajian dan penyiasatan ekonomi. Dalam tahun 1964, dua penyiasatan ekonomi saperti itu telah di-jalankan ia-itu:

(*a*) penyiasatan berkenaan dengan keadaan ekonomi pengeluaran kelapa pekebun[2] kechil untok menyediakan penerangan yang boleh di-perchayai dan lengkap mengenai pengeluaran kelapa dan faktor[2] pengeluaran yang di-harap akan menjadi panduan yang mustahak bagi Kerajaan untok menggubal dengan luas dasar[2] dan membuat ranchangan[2] tindakan mengenai perkara memulehkan perusahaan kelapa;

(*b*) penyiasatan berkenaan dengan pasaran ikan untok menunjokkan chontoh dan chara menggunakan ikan dan susunan pasaran ikan di-negeri ini. Dengan penerangan ini Kerajaan akan dapat membuat ranchangan[2] bagi memajukan pasaran ikan dengan terator supaya nelayan[2] beroleh pendapatan yang lebeh baik dan pembeli[2] dapat ikan yang lebeh baik dengan harga yang murah lagi tetap.

Dan lagi dalam tahun 1964 Kerajaan telah menyokong sa-orang pakar daripada Yayasan Ford untok mengkaji peratoran menyewa tanah yang ada sekarang berkenaan dengan kawasan[2] padi dan betapa lichin-nya perjalanan Undang[2] Menanam Padi (Keselamatan Menyewa dan Mengawal Tanah tahun 1965). Kerajaan sedang menunggu[2] Penyata yang di-buat oleh pakar ini.

423. Oleh kerana perangkaan menjadi alat[2] yang utama bagi penyelidekan

dan ranchangan[2] satu Bahagian Perangkaan telah di-tubohkan dalam Kementerian ini untok menyatu dan menyamakan perkara memungut keterangan[2] perangkaan yang berhubong dengan semua kerja bahagian[2] teknik Kementerian ini. Sa-buah pusat bagi penchatit[2] yang chukup terlateh telah di-tubohkan di-tiga tempat untok memungut perangkaan[2] pertanian. Dengan pertolongan Pertubohan Makanan dan Pertanian Bangsa[2] Bersatu, sa-orang perangkawan pertanian telah tiba di-negeri ini baharu[2] ini untok membantu Kementerian dalam bahagian pekerjaan-nya ini.

424. Peratoran pasaran hasil[2] pertanian dalam negeri ini maseh belum sempurna. Kekurangan[2] ini ia-lah kerana perkara[2] saperti kawasan ladang kechil, kekurangan pengetahuan mengenaï pertanian dan mengenaï pasaran, tidak ada di-buat peratoran mengenaï jenis dan mutu serta perkara berjual beli yang tidak lichin perjalanan-nya dan lain[2] perkara lagi. Peratoran[2] pasaran yang tiada sempurna menyebabkan harga pasaran tinggi dan untong kurang dan pendapatan pengeluar bahan[2] utama kurang. Perkara yang amat penting yang hendak di-buat oleh Kerajaan ia-lah memperbaiki pasaran hasil[2] pertanian dan dengan berbuat demikian baharu-lah kelak penghasilan kawasan[2] pertanian dapat bertambah. Pada tahun yang lalu Kementerian ini telah sebok mengator ranchangan bagi menubohkan sa-buah Lembaga Pasaran Pertanian Persekutuan yang boleh menyatukan semua gerakan[2] pasaran, saperti memajukan ranchangan[2] pasaran, menetapkan dasar pasaran, menentukan tugas[2] dan tanggong-jawab[2] pasaran, menyatukan gerakan[2] pasaran dan melaksanakan penyatuan ranchangan[2] bagi memajukan pasaran antara badan[2] Kerajaan dan sa-paroh Kerajaan. Kerajaan sedar bahawa Lembaga itu penting di-adakan kerana mengikut keadaan yang ada di-Malaysia sekarang. Kerajaan patut champor tangan sadikit dalam perkara pasaran hasil[2] pertanian. Kementerian ini berchadang hendak mengambil sikap baharu bagi menjalankan dasar mengenaï pasaran dengan tujuan supaya ada kerjasama dalam pasaran, tetapi dalam pada itu mengekalkan keadaan pasaran supaya orang boleh mendapat untong.

425. Soal meminjamkan wang yang menchukupi dan memuaskan hati kapada pengeluar[2] yang utama sentiasa mendapat perhatian yang berat daripada Kementerian ini. Di-bawah peratoran yang ada sekarang Kerajaan meminjamkan wang untok pertanian melaluï gerakan sharikat kerjasama sahaja. Kerajaan telah lama mengetahuï betapa penting-nya menubohkan sa-buah pertubohan atau badan untok meminjamkan wang dengan lebeh sempurna dan murah faedah-nya kapada petani[2] dan sa-buah Jawatankuasa telah di-tubohkan untok menimbangkan perkara membentok sa-buah Bank Ra'ayat.

KEMENTERIAN HAL EHWAL TANAH DAN GALIAN

A. Pesurohjaya Tanah

426. Juma'ah Menteri telah di-susun sa-mula dalam bulan Mei, 1964 sa-telah selesai Pilehan Raya dan satu Kementerian baharu telah di-tubohkan yang bernama Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian. Kementerian itu bertanggong-jawab di-atas Jabatan[2] yang berikut:

1. Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu.
2. Jabatan Galian, Malaysia.
3. Jabatan Ukor, Malaysia.
4. Jabatan Kajibumi.
   (*a*) Negeri[2] Tanah Melayu.
   (*b*) Wilayah Borneo.
5. Jabatan Hutan, Negeri[2] Tanah Melayu.
6. Jabatan Mergasetua, Negeri[2] Tanah Melayu.
7. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Negeri[2] Tanah Melayu.

427. Walau pun perkara tanah ada-lah hak Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan dan Pesurohjaya[2] Tanah dan Galian Negeri ada-lah bertanggong-jawab atas kechekapan Pentadbiran Tanah, kerap kali Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu telah di-minta memberi nasehat atas perkara tanah oleh Kerajaan Negeri, Pehak[2] Berkuasa Kerajaan dan juga oleh

Pejabat[2] Persekutuan. Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu tidak ada kuasa mentadbir atau pun apa[2] kuasa berkanun di-atas pentadbiran tanah di-dalam Negeri. Walau pun bagitu Persidangan Pesurohjaya[2] Tanah dan Galian Negeri yang di-adakan sekali sekala maseh terus di-pengerusikan oleh Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu sendiri dengan tujuan untok menyatukan chara[2] atau pun peratoran[2] pentadbiran tanah.

428. Sa-bagai Pesurohjaya Tanah, ia bukan sahaja menanda tangani permohonan[2] tanah yang di-kehendakki oleh Kerajaan Persekutuan untok kegunaan Persekutuan bahkan ia juga di-tugaskan memberi nasehat atas sharat[2] dan ketetapan yang sesuai bagi pengeluaran tanah. Dengan ini semua harta Persekutuan, termasok-lah tanah[2] kegunaan keretapi, ada-lah di-daftarkan di-atas nama Pesurohjaya Tanah Persekutuan.

429. Kerajaan telah lama menyedari betapa sukar-nya hendak mentadbir-kan Pejabat[2] Tanah dengan meng-gunakan tujoh macham Undang[2] Tanah yang berlainan. Undang[2] Tanah Negara ada-lah mustahak jika per-atoran yang tegas bagi pentadbiran tanah hendak di-kuat-kuasakan di-seluroh Persekutuan ini. Undang[2] Tanah Negara, Undang[2] (Surat[2] Milek, Pulau Pinang dan Melaka), tahun 1963 yang telah di-luluskan itu ada-lah sa-bagai permulaan untok menyatukan peratoran pendaftaran di-dalam kedua[2] buah negeri itu supaya sama dengan peratoran[2] dalam Negeri[2] lain di-Tanah Melayu. Walau pun bagitu, Undang[2] ini tidak boleh di-jalankan sa-belum Undang[2] Tanah Negara itu telah sempurna di-rangka dan di-kuat-kuasakan. Majlis Tanah Negara telah menimbangkan Rang Undang[2] itu dan di-perchayai bahawa Rang Undang[2] Tanah Negara ini akan di-bentangkan dalam meshuarat Parlimen sekarang ini. Undang[2] Tanah Negara ini, apa-bila telah di-luluskan dan berjalan kuat-kuasa-nya dalam Negeri[2] Tanah Melayu, akan membawa perubahan[2] yang berfaedah untok pentadbiran tanah.

430. Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu ada-lah juga bertang-gong-jawab atas kemajuan Ran-changan Penyelesaian Tanah Kelantan yang di-mulakan pada tahun 1965 dan Ranchangan Pentadbiran Tanah Perlis yang di-mulakan pada tahun 1960. Tujuan Ranchangan[2] ini ia-lah untok membaiki pendaftaran tanah supaya kedudokkan tanah dan hak[2] milek tanah boleh di-tentukan mengi-kut pendaftaran. Ada-lah di-perchayai lebeh kurang 400,000 keping tanah di-Kelantan dan 52,500 keping tanah di-Perlis telah di-dudoki walau pun tanah[2] itu belum di-sukat dengan sempurna.

431. Ranchangan Penyelesaian Tanah Kelantan telah berjalan dengan baik-nya. Kerja[2] telah pun di-selesaikan untok daerah Pasir Mas dan sekarang ini kerja[2] sedang di-jalankan untok daerah Kota Bharu pula. Hingga peng-hujong tahun 1964, 71,169 perbicharaan tanah telah di-selesaikan, 59,607 keping tanah telah di-sukat dan di-antara ini, 45,058 keping tanah telah di-keluarkan surat[2] milek. Kemajuan yang di-chapai pada tahun 1964 ada-lah lebeh dari-pada yang di-chapai pada tahun 1963.

432. Kemajuan Ranchangan Pentad-biran Tanah Perlis tidak bagitu memuaskan oleh sebab Negeri itu belum lagi dapat menguat-kuasakan Undang[2] saperti Undang[2] Penyelesaian Tanah Kelantan, 1955. Tetapi tindakan permulaan untok mengadakan Undang[2] saperti Undang[2] Penyelesaian Tanah Kelantan, 1955 telah di-jalankan di-Perlis. Kerja[2] di-Negeri Perlis telah berjalan di-dalam Mukim Paya, Padang Pauh dan Abi. Hingga penghujong tahun 1964, 5,563 keping tanah telah di-pereksa, dan 3,484 keping tanah telah di-sukat dan di-antara-nya sa-banyak 1,839 Surat Milek telah di-keluarkan.

433. Pejabat Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu maseh terus menjalankan kerja[2] penyenggaraan Buku Pendaftaran Tanah Harta Per-sekutuan ia-itu atas:

(i) semua tanah[2] yang telah di-keluarkan kapada Kerajaan Per-sekutuan untok kegunaan Per-sekutuan di-bawah Undang[2] Tanah;

(ii) semua tanah[2] Persekutuan yang telah di-rezabkan di-bawah Undang[2] Tanah atau pun tanah[2] yang menjadi tanah[2] Persekutuan menurut Perkara 83 (7) atau pun Perkara 166 (4) dalam Perlembagaan Persekutuan; dan

(iii) semua tanah[2] di-dalam Negeri[2] Pulau Pinang dan Melaka yang di-gunakan oleh Persekutuan menurut Perkara 166 (3) dalam Perlembagaan Persekutuan.

434. Hingga penghujong tahun lalu, 283 tanah bersurat milek dan 1,322 keping tanah rezab Persekutuan yang luas-nya lebeh kurang 7,484 ekar telah di-pereksa dan di-rekodkan di-dalam Buku Pendaftaran. Kerja[2] ini ada-lah memuaskan dan kemajuan yang di-chapai pada satu tahun ada-lah lebeh daripada tahun sa-belum-nya.

B. Jabatan Galian

435. Tugas utama Jabatan Galian ia-lah untok memberi nasehat berkenaan dengan segala perkara yang berhubong dengan perusahaan melombong dan menjaga serta mengawal kerja[2] melombong. Bahagian Penyelidekan Jabatan ini yang bertempat di-Ipoh ada memberi sumbangan perkhidmatan teknik kapada perusahaan melombong, dan selalu juga di-gunakan bagi menjalankan kerja[2] untok memperbaiki lagi chara[2] mendapatkan logam.

436. Chawangan Gerudi Menyiasat Galian yang di-selenggarakan bersama oleh Jabatan Galian dan Jabatan Kajibumi sedang menjalankan kerja[2] menchari gali kasar di-kawasan[2] tanah Rezab Melayu dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Keputusan[2] terukaan yang menggalakkan telah di-perolehi di-satengah[2] kawasan yang di-charigali dan ada-lah di-jangka kawasan[2] yang di-anggap ada mengandongi bijeh timah akan di-kerjakan oleh sharikat[2] Melayu dan orang[2] persa-orangan sadikit masa lagi. Ini ada-lah mengikut dasar Kerajaan bagi menggalakkan orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan melombong.

437. Pengeluaran bijeh timah ada-lah satu daripada perusahaan[2] yang mustahak di-negeri ini. Di-dalam tahun 1964, perusahaan melombong bijeh timah telah bertambah dan ini ada-lah kerana kenaikan harga bijeh timah. Pengeluaran bijeh timah dalam tahun 1964 ini ia-lah sa-banyak 60,004 tan berbanding dengan 59,947 tan dalam tahun 1963. Jika harga bijeh timah tetap saperti sekarang, ada kemungkinan pengeluaran bijeh timah pada tahun 1965 akan lebeh sadikit daripada pengeluaran pada tahun 1964.

438. Pengeluaran bijeh besi dalam tahun 1964 berjumlah sa-banyak 6,400,000 tan berbanding dengan 7,200,000 tan dalam tahun 1963. Dalam tahun[2] yang akan datang kekurangan dalam pengeluaran bijeh ini nampak-nya tiada dapat di-elakkan di-sebabkan oleh kawasan[2] yang mengandongi bijeh besi yang bermutu tinggi tidak ada lagi dan juga kekurangan pembelian dari Negeri Jepun. Pengeluaran Bijeh Boksait dalam tahun 1964 ini ada-lah lebeh sadikit daripada pengeluaran dalam tahun 1963.

439. Pengeluaran minyak mentah dalam tahun 1964 dari Lombong minyak Miri, di-Negeri Sarawak, ada-lah kurang sadikit daripada jumlah pengeluaran dalam tahun 1963. Minyak di-kawasan ini, yang telah di-keluarkan selama beberapa tahun, telah bertambah kurang dari sa-tahun ka-satahun.

440. Dalam tahun 1964 ini, sharikat[2] bijeh timah dan sharikat[2] minyak telah bertambah[2] tertarek untok mengusahakan kawasan[2] tepi pantai. Lesen mengambil minyak yang ada sekarang dan permohonan[2] Lesen Mencharigali bijeh timah dan minyak, sekarang telah hampir[2] meliputi kesemua kawasan[2] laut tepi pantai yang bersambong dengan pantai[2] negeri[2] di-Tanah Melayu dan Brunei. Dalam hal ini, maka ada-lah menjadi dasar Kerajaan bagi menggalakkan dan memudahkan kemajuan melombong logam[2] yang harus di-jumpai di-kawasan[2] tepi pantai itu.

C. Jabatan Ukor

441. Di-dalam tahun 1964, dengan tugas yang makin bertambah, beberapa kejayaan telah terchapai di-chawangan[2] membuat peta di-Jabatan ini dan segala kehendak Pasokan Keselamatan Malaysia di-Tanah Melayu, Singapura,

Sabah dan Sarawak, telah dapat di-layani dengan sa-berapa yang boleh. Jabatan ini telah memberi kerjasama yang penoh kapada wakil[2] pemeta British yang menjalankan tugas-nya di-Sabah dan Sarawak, atas peta sekil 1 : 50,000 sama ada dengan chara wang atau pun tenaga teknik satakat yang boleh.

